

Laporan Tahunan  
**2016 TABUNG HAJI**  
Annual Report

# Rasional

## Rationale

### Takrifan Semula Cabaran

Dalam menghadapi pelbagai cabaran baru yang hadir bersama dunia serba moden, seharusnya kebijaksanaan diperlukan. Cabaran luaran serta dalaman ternyata merupakan ujian yang harus dihadapi dengan bijak oleh setiap individu mahupun perniagaan untuk terus berjaya.

Laporan Tahunan **TH** 2016 bertemakan 'Takrifan Semula Cabaran' – sebuah tema yang merangkumi beberapa pendekatan proaktif bagi menangani cabaran semasa untuk terus maju dan tampil sebagai sebuah organisasi positif dan produktif.

### Redefining Challenges

In facing new challenges the modern world brings, wisdom is needed. Internal and external challenges are part and parcel to be faced wisely by any individual or organisation to ensure continuous success.

**TH's** 2016 Annual Report adopts the theme 'Redefining Challenges' - a theme which embraces several proactive approaches in facing these current challenges so as to remain ahead and emerge as a positive and productive organisation.



**KETELUSAN TADBIR URUS**  
Governance Transparency



**KECEKAPAN PENGURUSAN**  
Management Efficiency



**MEMPERKASA MASYARAKAT**  
Empowering Community



**PENGUKUHAN PULANGAN**  
Strengthening Returns

# KANDUNGAN

## Contents



4	<b>VISI • MISI • NILAI TERAS</b> Vision • Mission • Core Values	69	<b>LAPORAN PENGURUSAN RISIKO</b> Risk Management Report
6	<b>RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN (2012-2016)</b> 5-Year Financial Performance Summary (2012-2016)	75	<b>LAPORAN INTEGRITI</b> Integrity Report
7	<b>STATISTIK LIMA TAHUN TH (2012-2016)</b> TH 5-Year Statistics (2012-2016)	81	<b>LAPORAN SYARIAH</b> Shariah Report
8	<b>PENCAPAIAN</b> Milestones	84	<b>CARTA ORGANISASI TH</b> TH Organisation Chart
<hr/> <b>KETELUSAN TADBIR URUS</b> Governance Transparency <hr/>		86	<b>BARISAN PENGURUSAN KANAN</b> Senior Management
13	<b>PERUTUSAN Pengerusi</b> Chairman's Statement	88	<b>PEJABAT PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b> Group Managing Director and Chief Executive Officer's Office
20	<b>LEMBAGA PENGARAH</b> Board of Directors	90	<b>JABATAN KEWANGAN</b> Finance Department
42	<b>PANEL PELABURAN</b> Investment Panel	91	<b>JABATAN PELABURAN</b> Investment Department
52	<b>PENYATA TADBIR URUS KORPORAT</b> Statement of Corporate Governance	92	<b>JABATAN HAJI</b> Hajj Department
61	<b>PENYATA KAWALAN DALAMAN</b> Statement of Internal Control	93	<b>JABATAN KHIDMAT PENDEPOSIT DAN OPERASI</b> Depository Services and Operations Department
67	<b>LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT</b> Audit Committee Report	94	<b>JABATAN SUMBER MANUSIA</b> Human Resource Department
		95	<b>JABATAN KEWANGAN KORPORAT DAN PERKHIDMATAN</b> Corporate Finance and Services Department
		96	<b>PENGARAH-PENGARAH NEGERI TH</b> TH State Directors

---

## KECEKAPAN PENGURUSAN

Management Efficiency

---

- 101 **ULASAN OPERASI**  
Operational Review
- 106 **PERKHIDMATAN PELANGGAN**  
Customer Service
- 110 **PERKHIDMATAN HAJI**  
Haji Service
- 118 **PELABURAN**  
Investment
- 126 **SEKTOR KEWANGAN ISLAM**  
Islamic Finance Sector
- 130 **SEKTOR PERLADANGAN**  
Plantation Sector
- 136 **SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH DAN  
PEMBINAAN**  
Property Development and Construction Sector
- 140 **SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN**  
Other Services Sector
- 150 **TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**  
Corporate Social Responsibility

---

## MEMPERKASA MASYARAKAT

Empowering Community

---

- 164 **KALENDAR PERISTIWA**  
Calendar of Events
- 200 **SOROTAN MEDIA**  
Media Highlights
- 206 **CARTA PENGURUSAN HAJI**  
Haji Management Chart
- 208 **PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**  
Awards and Recognition
- 208 **IBU PEJABAT TH DAN PEJABAT TH NEGERI**  
TH Headquarters and TH States Offices
- 210 **ANAK SYARIKAT TH**  
TH Subsidiaries
- 212 **CARTA SEKTOR KEWANGAN ISLAM**  
Islamic Finance Sector Chart
- 213 **CARTA SEKTOR PERLADANGAN**  
Plantation Sector Chart
- 214 **CARTA SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH  
DAN PEMBINAAN**  
Property Development and Construction Sector  
Chart
- 215 **CARTA SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN**  
Other Services Sector Chart

---

## PENGUKUHAN PULANGAN

Strengthening Returns

---

- 218 **PENYATA KEWANGAN**  
Financial Statements (Available In CD Version Only)



## VISI Vision

Tonggak kejayaan ekonomi ummah; Pengurusan haji terbilang.

The pillar of the ummah's economic success; Excellence in hajj management.

## MISI Mission

Dalam mencapai visi **TH**, KAMI beriltizam:

- Memperkasa ekonomi ummah;
- Sentiasa giat mencari pelaburan strategik global dan lokal bagi pertumbuhan berterusan;
- Menggembeng dan memperkayakan modal pendeposit;
- Memberi perkhidmatan cemerlang yang berterusan;
- Memudah dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah haji mabrur; dan
- Memberi pulangan yang kompetitif, halal dan *toyyiban*.

In achieving **TH's** vision, WE pledge:

- To strengthen the ummah's economy;
- To remain active in seeking strategic investments locally and globally to ensure sustainable growth;
- To manage and enrich depositors' funds;
- To continuously provide excellent services;
- To facilitate and assist pilgrims in achieving mabrur hajj; and
- To provide competitive, halal and *toyyiban* returns.

## NILAI TERAS Core Values

- |                          |                     |
|--------------------------|---------------------|
| • Komited                | • Committed         |
| • Profesional            | • Professional      |
| • Kerja Berpasukan       | • Teamwork          |
| • Menerima Perubahan     | • Embracing Change  |
| • Prihatin dan Penyayang | • Loving and Caring |



“*TH* merupakan jenama ikonik negara yang unik dan kini berada di fasa kematangannya. Saya yakin meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, *TH* akan terus melangkah ke tahap lebih cemerlang, seterusnya menyumbang ke arah kesejahteraan ummah dan negara, InshaAllah”

“*TH* is the country’s iconic brand which is unique and currently in a phase of maturity. I am convinced that despite all challenges, *TH* will continue to leap to greater heights, subsequently contributing towards the welfare of the ummah and the country, InshaAllah”

**YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
Minister in The Prime Minister's Department



**NEGARAKU**

# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN (2012-2016)

## 5-Year Financial Performance Summary (2012-2016)

KUMPULAN Group	2016	2015	2014	2013	2012
	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million
PENDAPATAN Revenue	7,459	7,627	8,192	7,130	6,367
KEUNTUNGAN OPERASI Operating Profit	3,173	3,577	4,466	3,209	2,881
ZAKAT Zakat	78	73	74	70	58
KEUNTUNGAN BERSIH Net Profit	2,051	3,216	4,615	2,510	2,249
ASET BERSIH Net Assets	65,994	62,232	57,037	49,547	43,027
TH TH	2016	2015	2014	2013	2012
	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million	RM Juta RM Million
PENDAPATAN Revenue	3,481	4,467	3,289	3,730	2,835
KEUNTUNGAN OPERASI Operating Profit	2,718	3,788	2,783	3,012	2,357
ZAKAT Zakat	60	59	53	47	44
KEUNTUNGAN BERSIH Net Profit	2,486	3,536	2,979	2,634	2,146
ASET BERSIH Net Assets	63,573	59,462	54,006	48,169	40,125
HIBAH PENDEPOSIT Depositors' Hibah	2,871	3,220	3,237	2,632	2,458
SIMPANAN PENDEPOSIT Depositors' Savings	67,704	62,548	54,358	45,719	38,284
BILANGAN PENDEPOSIT (Juta orang) Number of Depositors (Million people)	9.1	8.8	8.6	8.3	8.2
NISBAH KEWANGAN UTAMA TH TH Key Financial Ratio	2016	2015	2014	2013	2012
	%	%	%	%	%
KADAR KEUNTUNGAN BERSIH Net Profit Margin	71.4	79.2	90.6	70.6	75.7
PERBELANJAAN OPERASI/PENDAPATAN Operating Expenditure/Revenue	21.9	15.2	15.4	19.2	16.9
PERBELANJAAN OPERASI/ASET BERSIH Operating Expenditure/Net Assets	1.20	1.14	0.94	1.49	1.19
PERBELANJAAN OPERASI/SIMPANAN PENDEPOSIT Operating Expenditure/Depositors' Saving	1.13	1.09	0.93	1.57	1.25
PULANGAN KASAR KE ATAS ASET BERSIH Gross Return on Net Assets	5.47	7.51	6.09	7.74	7.07

# STATISTIK LIMA TAHUN TH (2012-2016)


## TH 5-Year Statistics (2012-2016)

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges




LAPORAN TAHUNAN 2016 ANNUAL REPORT


**PENDAPATAN**  
Revenue  
RM Juta | RM Million




**KEUNTUNGAN BERSIH**  
Net Profit  
RM Juta | RM Million




**ASET BERSIH**  
Net Assets  
RM Bilion | RM Billion



**KADAR HIBAH PENDEPOSIT**  
Depositors' Hibah Rate  
%




**HIBAH PENDEPOSIT**  
Depositors' Hibah  
RM Juta | RM Million




- HIBAH TAHUNAN  
Annual Hibah
- HIBAH HAJI  
Hajj Hibah
- HIBAH KHAS SEMPENA  
ULANGTAHUN KE-50 TH  
Special Hibah Commemorating TH  
50 Years Anniversary


**BILANGAN PENDEPOSIT**  
Number of Depositors  
(Juta Pendeposit | Million Depositors)



**SIMPANAN PENDEPOSIT**  
Depositors' Saving  
RM Bilion | RM Billion



**ZAKAT**  
Zakat  
RM Juta | RM Million



# PENCAPAIAN

## Milestones



**TH** membuka cawangan baharu ke-123 di Pasir Gudang, Johor yang dirasmikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor.

**TH** opened the 123rd branch in Pasir Gudang, Johor, which was officiated by YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Johor's Chief Minister.

Pengenalan buku akaun baru **TH** oleh YBhg. Tan Sri Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif **TH**.

The introduction of **TH** new passbook by YBhg. Tan Sri Ismee Ismail, **TH**'s Group Managing Director & Chief Executive Officer.



**TH** melancarkan Perkhidmatan Bergerak **TH** Komuniti bagi memberi akses kepada perkhidmatan **TH** untuk penduduk luar bandar.

**TH** launched the **TH** Community Mobile Service to provide access to **TH** services for the rural community.

16

April | April

19

Mei | May

16

Jun | June



**TH** melancarkan Sistem Maklumat Kesihatan (SIHAT) bagi memudahkan pengurusan kesihatan jemaah haji.

**TH** launched the Health Information System (SIHAT) to manage hajj pilgrims' health records smoothly.



Penggunaan pesawat Airbus 380 yang lebih besar dan selesa untuk Jemaah Haji Muassasah.

The usage of bigger and more comfortable Airbus 380 for the Muassasah Hajj Pilgrims.

YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah dilantik menjadi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** yang baharu menggantikan YBhg. Tan Sri Ismee Ismail. YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah was appointed as the new **TH** Group Managing Director and Chief Executive Officer, replacing YBhg. Tan Sri Ismee Ismail.



Yayasan **TH** dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di TH Hotel Kelana Jaya, Selangor. The **TH** Foundation was launched by YAB Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak at TH Hotel Kelana Jaya, Selangor.



Inisiatif CSR terbaharu **TH** iaitu **TH** Mobiliti dilancarkan dengan penyerahan 11 buah kenderaan dwi-fungsi (van jenazah & van serbaguna) kepada masjid-masjid terpilih. **TH**'s new CSR initiative namely **TH** Mobiliti, was launched with 11 dual-function vehicles (hearse and multi-purpose van) being handed over to selected mosques.



1

Julai | July

26

Julai | July

27

Oktober | October

**MUSIM HAJI 1437H | HAJJ SEASON 1437H**  
4 Ogos | August - 16 Oktober | October



**TH** mengambil imej 10 cap jari bakal haji sebelum keberangkatan ke Tanah Suci. **TH** capturing all 10 fingerprint images of the hajj pilgrims before their departure for the Holy Land.



**TH** melaksanakan "Safari Wuquf" untuk membawa jemaah sakit dengan kenderaan dari hospital terus ke Arafah untuk berwuquf. **TH** organised "Safari Wuquf" by ferrying ill pilgrims on special vehicles from hospitals directly to Arafah to perform wuquf.




**TH** mengagihkan pek makanan kepada jemaah haji ketika bermabit di Muzdalifah. **TH** distributed packed food to hajj pilgrims during their mabit in Muzdalifah.

# TAKRIFAN SEMULA CABARAN

Redefining Challenges





# Ketelusan Tadbir Urus

Governance Transparency



**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM**  
PJN, SSAP, SPDK, DCSM, SJMK, DIMP, JP, DHMS  
Pengerusi | **Chairman**

# PERUTUSAN PENGERUSI

## Chairman's Statement

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges



### Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda.

Alhamdulillah dengan keizinan dan rahmat Allah SWT, berkat ketabahan, sokongan dan keyakinan semua pemegang berkepentingan, **TH** mencatat satu lagi pencapaian positif untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Secara keseluruhan, operasi perniagaan, aktiviti pelaburan dan urusan pengendalian jemaah haji yang dilaksanakan oleh **TH** berjalan lancar walaupun menghadapi cabaran akibat ketidakstabilan ekonomi berikutan kejatuhan nilai Ringgit berbanding matawang utama dunia, kemelesetan sektor minyak dan gas berpanjangan yang memberi kesan kepada pendapatan negara, ketidakstabilan geopolitik yang berlarutan serta tempas kelembapan ekonomi dunia yang turut menjejaskan ekonomi domestik.

Berlatarkan sentimen pasaran yang lemah pada tahun ini, **TH** terus gigih menggerakkan langkah-langkah strategik jangka panjang yang telah diatur dengan teliti untuk menstabilkan portfolio pelaburan dan memastikan pulangan berterusan yang menepati jangkaan.

Namun cabaran getir yang dihadapi oleh **TH** sepanjang tahun 2016 bukanlah kesukaran operasi, tetapi sebaliknya persepsi negatif terhadap langkah-langkah strategik jangka panjang yang bertujuan semata-mata untuk meluas dan menstabilkan asas pendapatan masa depan **TH**. Kritikan-kritikan negatif yang dilemparkan ini telah ditangani secara profesional dan berhemat agar tidak menjejaskan keyakinan para pendeposit dan mengelirukan masyarakat umum secara keseluruhan.

Tahun 2016 juga menyaksikan perubahan teraju kepimpinan pengurusan tertinggi **TH**. Perubahan ini tidak mengganggu kelancaran operasi kerana ia telah dilaksanakan mengikut plan penggantian yang telah dirancang sejak awal lagi.

### Assalamualaikum and Salam 1 Malaysia

In the name of Allah the Most Compassionate and the Most Merciful. All praise is to Allah SWT, peace and blessings be upon the Prophet Muhammad SAW, his families and companions.

Alhamdulillah, with His permission and blessings, as well as perseverance, support and trust from the stakeholders, **TH** had recorded another positive performance for the financial year ended 31 December 2016.

In general, business operations, investment activities and hajj management undertaken by **TH** went smoothly despite the challenges due to economic instability resulting from depreciation in the value of Ringgit compared to major global currencies, the prolonged slowdown of oil and gas sector which had affected the nation's income, the dragging geopolitical instability and spill over of weak global economy which had also affected the domestic economy.

Amidst weak market sentiments during the year, **TH** diligently continued to mobilise its long-term strategic measures which were carefully planned to stabilise its investment portfolios and ensure continuous returns as expected.

Nevertheless, the most difficult challenge faced by **TH** in 2016 was not operational in nature, but more of negative perceptions towards **TH**'s long-term strategic measures designed to expand and stabilise its future income base. Negative criticisms levelled on **TH** were professionally and carefully addressed so as not to jeopardise our depositors' trust and confuse the public in general.

Year 2016 also witnessed a change in **TH**'s leadership. However, the change did not have any operational implications as it was based on a well-designed succession plan.

Bagi pihak Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji bersama Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

**Prestasi Kewangan Kekal Positif**

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, **TH** mampu mencatat prestasi kewangan yang positif dengan pendapatan sebanyak RM3.48 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat sebanyak RM2.49 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Keyakinan pendeposit terhadap **TH** tidak terjejas walaupun banyak kritikan serta tohmahan diterima terhadap ketidakupayaan pelaburan dan prestasi kewangan **TH**. Ini jelas terbukti dengan pertambahan bilangan pendeposit kepada 9.08 juta pada tahun 2016 berbanding 8.85 juta pada tahun 2015, sementara dana pendeposit turut menunjukkan peningkatan kepada RM67.70 bilion daripada RM62.55 bilion pada tahun sebelumnya.


On behalf of **TH** Board of Directors, I am pleased to present the **TH** Annual Report together with its audited Financial Statements for the year ended 31 December 2016.

**Positive Financial Performance**


In an uncertain global economic condition, I would like to extend our gratitude to Allah SWT for His virtuous benevolence which had enabled **TH** to successfully record a positive financial performance with an income of RM3.48 billion and net profit after zakat of RM2.49 billion for the financial year ended 31 December 2016.

Depositors' confidence towards **TH** was unaffected despite the many criticisms and allegations towards its underperformed investments and financial standing. This is clearly seen from the increased number of depositors to 9.08 million in 2016 compared to 8.85 million in 2015, while depositors' funds showed an increase to RM67.70 billion from RM62.55 billion the year before.

**Pendapatan TH 2016 | TH's 2016 Revenue**



**Pendapatan TH 2015 | TH's 2015 Revenue**





Pendapatan keseluruhan **TH** pada tahun 2016 telah dijana daripada beberapa sumber merangkumi pelaburan ekuiti sebanyak 48%, sekuriti hutang sebanyak 24%, sewaan sebanyak 12%, pembiayaan sebanyak 1% serta pasaran wang dan instrumen kewangan lain sebanyak 15%.

Hampir keseluruhan sektor ekonomi utama Malaysia di mana **TH** mempunyai pendedahan pelaburan, antaranya sektor hartanah, minyak dan gas, perladangan dan telekomunikasi berdepan dengan tempoh sukar yang telah menjejaskan pertumbuhan pendapatan dan margin keuntungan yang seterusnya memberi kesan terhadap pulangan pelaburan.

Namun dalam situasi mencabar ini, **TH** tabah menghadapi segala kesukaran dan terus komited untuk meneruskan pendekatan pelaburan patuh syariah dalam sektor strategik yang menjanjikan pendapatan berulang dan stabil.

### Sumbangan Zakat

Selain terjamin, simpanan di **TH** adalah halal dan bersih. **TH** telah membayar zakat bagi pihak pendeposit, maka pendeposit tidak perlu lagi membayar zakat ke atas wang simpanan mereka. Ini adalah berdasarkan keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-17 pada 3 Mei 1979.



**TH's** overall income during 2016 was generated from various sources comprising equity investments which stood at 48%, debt securities at 24%, rental income of 12%, 1% from financing and another 15% from money market and other financial instruments.

Almost all major Malaysian economic sectors where **TH** has investment exposure such as property, oil and gas, plantation and telecommunication faced challenging times, which affected their income growth and profit margins, thus in return had impacted investment returns.

In these trying situations, **TH** had persevered and remained committed with its shariah-compliant investments in strategic sectors which promise stable and recurring income.

### Zakat Contributions

Apart from being guaranteed, savings in **TH** is halal and untainted by doubtful element. Depositors do not need to pay zakat for their savings, as it is paid for by **TH** on their behalf. This is in line with the decision made during the 17th Conference of the National Council of Fatwa Committee for Malaysia Islamic Religious Affairs held on 3 May 1979.

**TH** adalah antara penyumbang zakat terbesar negara pada tahun 2016 dengan bayaran berjumlah RM60.29 juta, peningkatan sebanyak 1.7% berbanding RM59.26 juta pada tahun sebelumnya.

Agihan zakat dilaksana berasaskan kepada purata baki simpanan terkumpul minimum pendeposit bagi setiap negeri sepanjang tahun.

Antara program agihan zakat yang dilaksana oleh **TH** ialah Program Baiti yang telah membina 39 buah rumah, sebuah masjid dan sebuah surau. Selain itu, Program Iqra dan Program Ehsan masing-masing telah menyumbang manfaat kepada lebih 4,000 pelajar dan 4,400 golongan kurang bernasib baik termasuk ibu dan bapa tunggal di seluruh negara. **TH** turut memperkenalkan Program Mobiliti dengan menyumbang 11 buah kenderaan dwi-fungsi untuk kegunaan komuniti setempat dalam urusan pengebumian jenazah dan aktiviti keagamaan lain.

### Tanggungjawab Sosial Korporat

Sebagai sebuah organisasi Islam yang prihatin, program Tanggungjawab Sosial Korporat **TH** (CSR) terus dilaksanakan untuk para pemegang berkepentingan. Pemberian subsidi haji kekal sebagai sumbangan terbesar **TH** dengan keseluruhan subsidi haji berjumlah RM160 juta (1437H/2016M) berbanding RM126 juta pada tahun sebelumnya.

Selain subsidi haji, **TH** turut menanggung kos tidak langsung dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan nilai tambah secara percuma, antaranya kursus-kursus haji, pembimbing haji, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan kewangan, kaunseling dan petugas haji.

Pada tahun 2016, **TH** melancarkan Yayasan **TH** untuk mengurus pelaksanaan program CSR **TH** dengan lebih sistematik ke arah pembangunan ummah.

**TH** is among the nation's biggest zakat contributor for 2016, with a total payment of RM60.29 million, an increase of 1.7%, compared to RM59.26 million in the previous year.

Zakat distribution was made based on depositors' average minimum balance of accumulated savings in each state during the year.

Among the zakat distribution project carried out by **TH** was the Baiti Programme, which had built 39 houses, a mosque and a surau. Apart from that, Iqra and Ehsan Programme had contributed benefits to more than 4,000 students and 4,400 underprivileged including single parents respectively, throughout the nation. **TH** also introduced Mobility Programme with the contribution of 11 dual-function vehicles which could be used by the local community during burial process and for other religious activities.

### Corporate Social Responsibility

As a caring Islamic organisation, **TH** continued its Corporate Social Responsibility (CSR) programmes for the benefit of its targeted stakeholders. Hajj subsidy remained the largest of **TH** CSR contribution with total subsidy of RM160 million (1437H/2016M) compared to RM126 million in the previous year.

Besides hajj subsidy, **TH** also bore indirect costs via the provisions of several value-added services for free such as hajj courses, hajj ibadah facilitators, health services, financial services, counseling and hajj personnel.

In 2016, Yayasan **TH** was launched to manage the implementation of **TH** CSR programmes in a systematic manner towards development of the ummah.

Selain itu, **TH** turut bersimpati terhadap mangsa krisis kemanusiaan yang berlaku di Myanmar dan Aceh. Bagi membantu mereka, **TH** telah mengambil inisiatif melancarkan Tabung Rohingya Utusan – **TH** dan Tabung Kemanusiaan Aceh dengan kerjasama beberapa agensi untuk mengutip dana bagi membantu mengurangkan kesengsaraan penduduk Rohingya dan mangsa gempa bumi di Aceh.

In addition, **TH** sympathised with the victims of humanitarian crises in Myanmar and Aceh. To help those victims, **TH** had collaborated with several agencies to initiate 'Tabung Rohingya Utusan – **TH**' and 'Tabung Kemanusiaan Aceh' where the funds collected were used to help ease the agony of the Rohingyans and earthquake victims in Aceh.



**TH** meneruskan semua program CSR sedia ada sepanjang tahun 2016 di mana ia melibatkan komuniti, jemaah haji dan anggota selari dengan objektif yang telah ditetapkan.

**TH** continued with its existing programmes throughout 2016 which gave emphasis on communities, hajj pilgrims and **TH** staff, in line with its identified objectives.

### Menakrif Semula Cabaran

Sebagai sebuah organisasi yang mempunyai bilangan pendeposit dan pemegang berkepentingan yang besar, sudah pasti **TH** sentiasa menjadi perhatian umum. Oleh itu, Jemaah Lembaga Pengarah sentiasa memberi penekanan ke atas pengukuhan jenama **TH** melalui pengurusan operasi haji yang efisien dan pulangan pelaburan yang kompetitif.

### Redefining Challenges

As an organisation with a large number of depositors and stakeholders, **TH** becomes the centre of attention. Hence, the Board of Directors continually emphasises on the reinforcement of **TH** brand through efficient hajj operational management and competitive return on investments.

Melangkah ke hadapan, **TH** akan mengenal pasti dan menakrif semula semua cabaran serta merangka plan strategik bagi menanganinya bersesuaian dengan situasi **TH** dan keadaan sosio-ekonomi semasa.

Moving forward, **TH** will identify and redefine all challenges, as well as formulating strategic plans to address the issues that best suit **TH**'s situation and the current socio-economic conditions.

Saya yakin dengan Jemaah Lembaga Pengarah yang komited, barisan pengurusan yang berwibawa, dibantu oleh pasukan kerja yang setia dan berdedikasi, **TH** akan terus memastikan operasinya mematuhi hukum syariah, dipantau melalui dasar dan piawaian tadbir urus korporat yang ketat tetapi berhemat, pengurusan risiko yang mantap dan berlandaskan mandat akta penubuhannya.

I am confident with the commitment of the Board of Directors, competent management team as well as loyal and dedicated staff, **TH** will continue to ensure that its operations is shariah-compliant, monitored by strict but prudent policies and corporate governance, strong risk management and governed by its establishment mandate.



### Penghargaan

Pertamanya, saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak atas sokongan yang diberikan kepada **TH**. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih juga kepada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sentiasa memberi sokongan dan bersedia memberi nasihat kepada **TH**, baik dalam hal berkaitan pengendalian urusan haji mahupun dalam menjawab kritikan pelbagai pihak.

Penghargaan ikhlas juga ditujukan kepada YBhg. Tan Sri Ismee Ismail atas sumbangan beliau meletak **TH** di landasan yang kukuh sehingga mencatat rekod kewangan cemerlang sepanjang tempoh 10 tahun perkhidmatan beliau.

Ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Abdul Rahman Ahmad, mantan Ahli Panel Pelaburan **TH** atas sumbangan beliau dalam membantu memperkasa portfolio pelaburan **TH**. Pada masa sama, saya mengalu-alukan YBhg. Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos dan YBhg. Dato' Iskandar Mizal Mahmood yang dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan **TH** yang baharu. Saya berharap pengetahuan dan pengalaman luas yang mereka miliki akan menyumbang kepada peningkatan kualiti portfolio pelaburan **TH** pada masa hadapan.



### Appreciation

Firstly, on behalf of the Board of Directors, I would like to convey our gratitude to the Government of Malaysia under the leadership of YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak for the support extended to **TH**. We are also thankful to YB Major General Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (R), Minister in the Prime Minister's Department who is always ready to support and give advice to **TH** in hajj management as well as to rebut critics from various quarters.

A sincere appreciation also goes to YBhg. Tan Sri Ismee Ismail for his valuable contributions in positioning **TH** on strong footing which had enabled **TH** to record excellent financial performance throughout his 10 years of service.

My heartfelt appreciation also goes to YBhg. Dato' Abdul Rahman Ahmad, our former member of Investment Panel, for his contributions in strengthening **TH**'s investment portfolio. At the same time, I am pleased to welcome YBhg. Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos and YBhg. Dato' Iskandar Mizal Mahmood who were appointed as new members of the **TH** Investment Panel. I hope their vast knowledge and experience will contribute towards enhancing the quality of **TH**'s investment portfolio in the future.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah dan YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani. Saya percaya dengan pengalaman luas yang mereka miliki, khususnya dalam bidang kewangan Islam, mereka mampu melakukan pelan transformasi **TH** secara lebih holistik demi kesinambungan dan kecemerlangan **TH** seterusnya.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Jemaah Lembaga Pengarah atas komitmen yang diberi untuk memenuhi aspirasi mengangkat kedudukan **TH** ke tahap yang lebih tinggi walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada semua pendeposit dan jemaah haji atas kepercayaan yang diberikan kepada **TH**, sekaligus membolehkan kami melaksana tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik-baiknya. Kepada barisan pengurusan dan para anggota **TH**, terima kasih atas kesungguhan dan sikap dedikasi anda dalam memikul tugas serta kesetiaan yang ditunjukkan.

InshaAllah, dengan semangat kerja yang kuat dan perancangan masa depan yang mampan, saya yakin **TH** akan terus menempa lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang.

I would also like to congratulate and welcome YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah and YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani. I believe with their vast experience, especially in Islamic finance, they will be able to initiate a more holistic transformation plan towards **TH**'s sustainability and excellent achievements.

I am pleased to record my appreciation to my colleagues on the Board of Directors for their commitment in fulfilling our aspiration to uplift **TH** to greater heights despite the challenges.

My foremost appreciation goes to all loyal depositors and hajj pilgrims for their trust in **TH**, which had enabled us to shoulder the entrusted duties to our best ability. To the **TH** management team and staff, thank you for your dedication and hard work in carrying out your roles as well as your sincere loyalty.

InshaAllah, I am positive that with strong teamwork and a sustainable future plan, **TH** will be able to continue charting excellent results in the years ahead.



**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim**  
Pengerusi | Chairman



**TABUNG HAJI**  
حي علم الفلاح



**DATUK SERI PANGLIMA  
ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM**

PJN, SSAP, SPDK, DCSM, SJMK, DIMP, JP, DHMS

Pengerusi | [Chairman](#)



**DATUK SERI  
JOHAN ABDULLAH**

SMW, DJMK

**Pengarah Urusan Kumpulan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif |  
Group Managing Director and  
Chief Executive Officer**  
Dilantik pada 1 Julai 2016  
Appointed on 1 July 2016



**TAN SRI  
ISMEE ISMAIL**

PSM, PJN, SSAP, SSIS, DHMS, DSNS

**Mantan Pengarah Urusan Kumpulan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif |  
Former Group Managing Director and  
Chief Executive Officer**  
Tamat perkhidmatan pada 30 Jun 2016  
Ceased services on 30 June 2016

# LEMBAGA



**TAN SRI  
OTHMAN MAHMOOD**

PSM, PJN, SMW, DGMK, PMW, AMN

Wakil Jabatan Perdana Menteri (JPM)  
Prime Minister's Department (PMO)  
Representative

**TAN SRI  
DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH**

PSM, SSAP, SPSK, DCSM, DIMP, DPSK, SAP

Wakil Perbendaharaan  
Treasury Representative

**PROF. EMERITUS TAN SRI DATO'  
DR. ABDUL SHUKOR HUSIN**

PSM, DIMP, DSNS, JSM

**TAN SRI DATO' PADUKA  
BADRUDDIN AMIRULDIN**

PSM, DHMS, DSDK, BKM, PJK, JP

**TAN SRI  
DATUK MOHAMAD AZIZ**

PSM, PJN, SMJ, KMN, PIS, BSI, AMN, PPN

**TAN SRI  
SHUKRY MOHD SALLEH**

PSM, PJN, SMW, DPSK, PGBK, ASDK,  
PMP, PSK, AMN

**TAN SRI DATO' SRI  
MOHAMED APANDI ALI**

PMN, PSM, SSAP, SPSK, SIMP, DGSM, DPMK,  
DSAP, DIMP

**DATUK  
ROSNI SOHAR**

DMSM, PJK

# PENGARAH Board of Directors

# PROFIL LEMBAGA PENGARAH

## Board of Director's Profile



### ■ **DATUK SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM**

PJN, SSAP, SPDK, DCMS, SJMK, DIMP, JP, DHMS

Pengerusi | [Chairman](#)

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim** berasal dari Petaling Jaya, Selangor. Beliau adalah Ahli Parlimen Baling dan juga merupakan Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia sejak 2008 hingga kini. Di samping itu, beliau juga adalah Pengerusi Eksekutif Yayasan Pembangunan Rakyat Baling, Kedah.

Beliau juga merupakan Presiden Kelab Putera 1 Malaysia yang telah ditubuhkannya pada 2010. Beliau sangat aktif dalam kerja-kerja kebajikan dan sukarelawan serta terlibat secara langsung dalam semua siri bantuan kemanusiaan di negara-negara yang ditimpa bencana alam.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan korporat dan telah dilantik sebagai Pengerusi TH Hotel & Residence Sdn Bhd dan Pengerusi Putrajaya Perdana Berhad. Selain itu, beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Brahim's Holdings Berhad dan Glomac Berhad.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif di Azeera Management Consultants (M) Sdn Bhd sejak tahun 2003.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada tahun 2011. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi **TH** pada 1 Julai 2013.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim** is from Petaling Jaya, Selangor. He is a Member of Parliament for Baling and a Member of UMNO Supreme Council since 2008, as well as the Executive Chairman of Yayasan Pembangunan Rakyat Baling, Kedah.

He also acts as President of Kelab Putera 1 Malaysia which he formed in 2010. He is actively involved in various charitable and community activities and has been directly involved in a series of humanitarian aid to countries that have experienced natural disasters.

He has vast experience in both business and corporate sectors and appointed as Chairman in TH Hotel & Residence Sdn Bhd and Chairman of Putrajaya Perdana Berhad. He also serves as Board Member in Brahim's Holdings Berhad and Glomac Berhad.

Since 2003, he has been the Executive Chairman of Azeera Management Consultants (M) Sdn Bhd.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors in the year 2011. He was later appointed as **TH's** Chairman on 1 July 2013.



## ■ DATUK SERI JOHAN ABDULLAH

SMW, DJMK

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif | [Group Managing Director & Chief Executive Officer](#)

- Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) Universiti Morehead State, Kentucky Amerika Syarikat (AS)
- Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) Universiti Eastern Michigan, Michigan AS
- Diploma Perbankan, Universiti Teknologi MARA

**Datuk Seri Johan Abdullah** dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan. Beliau berpengalaman luas dalam kewangan korporat, pasaran modal, perbankan Islam dan pematuhan kawal selia.

Sebelum menyertai **TH**, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Berhad sejak Mei 2008. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan **TH**. Beliau juga pernah menyandang beberapa jawatan kanan semasa di Bursa Malaysia Berhad.

Beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** pada 1 Julai 2016.

**Datuk Seri Johan Abdullah** is from Kota Bharu, Kelantan. He has vast experience in corporate finance, capital market, Islamic banking and regulatory compliance.

Prior to joining **TH**, he was the Group Managing Director/Chief Executive Officer of BIMB Holdings Berhad since May 2008. He is a Board member in various subsidiary companies within **TH** Group. He held various senior positions while he was with Bursa Malaysia Berhad.

He was appointed as **TH** Group Managing Director and Chief Executive Officer on 1 July 2016.



## ■ TAN SRI OTHMAN MAHMOOD

PSM, PJN, SMW, DGMK, PMW, AMN

Wakil Jabatan Perdana Menteri (JPM) | [Prime Minister's Department \(PMO\) Representative](#)

- Sarjana Pengurusan Sumber Tanah, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Muda Sosiologi (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam (INTAN)

**Tan Sri Othman Mahmood** berasal dari Muar, Johor. Beliau telah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak tahun 2006 dan kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di JPM. Sepanjang kerjayanya di JPM, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting di antaranya, Setiausaha Bahagian di Bahagian Pengurusan Hartanah, Setiausaha Bahagian Kewangan & Pembangunan dan Timbalan Ketua Setiausaha. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Penolong Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Seremban dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri di Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka.

Beliau seorang yang aktif dalam kegiatan kebajikan, kemasyarakatan dan sukan. Antaranya beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Kelab Bukit Perdana JPM sejak tahun 2011, Naib Presiden Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) sejak 2014, Naib Yang Dipertua Majlis Sukan Anggota, Perkhidmatan Awam (MAKSAK) dan Pengerusi Jawatankuasa Protem Pembinaan Surau dan Sekolah Agama di Presint 18 Putrajaya sejak 2014.

Selain itu juga, Tan Sri Othman Mahmood telah dilantik sebagai Ahli Lembaga dan Pengerusi kepada beberapa entiti Kerajaan. Antaranya ialah Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sejak 2010, Ahli Lembaga Pengarah Majlis Ekuin Malaysia sejak 2011, Pengerusi Kluster Perkhidmatan Awam, Gabungan Pemikir Profesional Felda sejak 2014, Ahli Lembaga Pengarah TV Al-Hijrah (2016), Ahli Lembaga Majlis Professor Negara (2015), Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Golf Subang (2010), Ahli Lembaga Pengarah Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) (2016), Ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industry- Government Group for High Technology sejak 2014 dan Ahli Lembaga Pengarah TH Plantations Berhad sejak Oktober 2015.

Tan Sri Othman Mahmood dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 16 Januari 2012.

**Tan Sri Othman Mahmood** hails from Muar, Johor. He served in the Prime Minister's Department (PMO) 2006 and is currently the Senior Deputy Secretary General in the Prime Minister's Department. Throughout his career in the Prime Minister's Department, he has held several key positions including Secretary of Property Management Division, Secretary of Finance and Development Division and the Deputy Secretary General. He also served as an Assistant District Officer in Seremban District Office and Deputy State Financial Officer at the Department of Finance and Treasury of Malacca.

He has been actively involved in charitable activities, community and sports. Among them, he was appointed as the Chairman of the Bukit Perdana Club, Prime Minister's Department since 2011, the Vice President of Malaysia Civil Service Golf Club (KGPA) since 2014, the Vice President of Civil Service Sports Council (MAKSAK) and Protem Committee Chairman for Mosque and Islamic School Construction in Precinct 18, Putrajaya since 2014.

In addition, Tan Sri Othman Mahmood also appointed as a Board Member and Chairman of several government entities. Among them are the Board of Directors of the Federal Territory Islamic Religious Council since 2010, the Board of Directors of the Malaysian Equine Council since 2011, the Chairman of the Public Service Cluster, Joint Professional Thinkers of Felda since 2014, the Board of Directors of TV Al-Hijrah (2016), the Board of Directors Majlis Professor Negara (2015), the Board of Directors of Perbadanan Golf Subang (2010), the Board of Directors of Institut Kajian & Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) (2016), the Board of Directors of the Malaysian Industry-Government Group for High Technology since 2014 and the Board of Directors of TH Plantations Berhad since October 2015.

Tan Sri Othman Mahmood was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 16 January 2012.



## ■ TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH

PSM, SSAP, SPSK, DCSM, DIMP, DPSK, SAP

Wakil Perbendaharaan | [Treasury Representative](#)

- AMP Harvard, Amerika Syarikat
- PhD. Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Sarjana Sains Pengurusan Tenaga dan Dasar, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Demografi, Universiti Malaya

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah** berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1974 dan ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi. Beliau mula bertugas di Kementerian Kewangan pada tahun 2003 dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Cyberview Sdn Bhd.

Selain berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran kerajaan, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa agensi dan badan kerajaan, antaranya Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 Mac 2011.

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah** hails from Kota Bharu, Kelantan. He joined the Malaysian Administrative and Diplomatic Service in 1974 and assigned to the Economic Planning Unit. His career at the Ministry of Finance began in 2003 and he is now the Secretary-General of Treasury, the Ministry of Finance. He is also the Chairman of Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) and Cyberview Sdn Bhd.

Apart from his extensive experience in government administration, he also serves as a Board Member in several agencies and government bodies such as Malaysia Airline System (MAS), Petroliaam National Berhad (PETRONAS), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) and Bank Negara Malaysia (BNM).

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 1 March 2011.



■ **PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. ABDUL SHUKOR HUSIN**

PSM, DIMP, DSNS, JSM

- PhD. Akidah dan Falsafah Islam, Universiti Al-Azhar, Mesir
- Sarjana Akidah dan Falsafah, Universiti Al-Azhar, Mesir
- Sarjana Muda (Kepujian) Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Mesir
- Diploma Pendidikan, Universiti Ain Shams, Mesir

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin** dilahirkan di Jerantut, Pahang. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Khas Kabinet Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia serta Felo Utama di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pada masa yang sama, beliau menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di antaranya ialah Timbalan Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia (RABITAH), Ahli Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang, Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Ahli Majlis Pemikir Islam (MPI).

Beliau pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor USIM dari tahun 1999 hingga 2009 dan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selama enam tahun. Beliau menerima Ijazah Doktor Kehormat dari UKM pada tahun 2010. Pada tahun 2010, beliau dianugerahkan Profesor Emeritus oleh USIM. Beliau juga dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan pada tahun 2011.

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Properties Sdn Bhd pada tahun 2013 dan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 2014.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 15 Oktober 2004.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin** was born in Jerantut, Pahang. He is currently the Chairman of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs Malaysia, member of Special Cabinet Committee for Malaysian Syariah Index Governance and Distinguished Fellow at Islamic Science University of Malaysia (USIM). He also serves as Deputy Chairman of World Fiqh Academy (RABITAH) and is a member of several national and international committees i.e. National Council For Islamic Affair Malaysia, Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Pahang State Fatwa Committee, Islamic Religious Council and Pahang Malay Customs as well as the Consultative Council of Islamic Da'wah (MPI).

He was once the Vice Chancellor of USIM from 1999 to 2009 and as Dean for the Faculty of Islamic Studies in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) for six years. He received an Honorary Doctorate from the UKM in 2010. In 2010, he was honoured Professor Emeritus by USIM. He was also awarded the national-level Tokoh Ma'al Hijrah award for the year 2011.

He was appointed as a Board Member of TH Properties Sdn Bhd and Bank Islam Malaysia Berhad in 2013 and 2014, respectively.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 15 October 2004.



## ■ TAN SRI DATO' PADUKA BADRUDDIN BIN AMIRULDIN

PSM, DHMS, DSDK, BKM, PJK, JP

**Tan Sri Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin** telah dilahirkan di Yan, Kedah pada 20 Mei 1950.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi di United Transport Company (UTC) anak syarikat MARA Holdings pada tahun 1986 dan Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (Rumah Anak-Anak Yatim) pada tahun 1992. Selain itu, beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah di KTM Berhad pada tahun 1992 dan dipilih sebagai Ahli Majlis Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada tahun 1992 dan Tourism Development Corporation pada tahun 1994.

Lantikan pertama beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah pada 1 Mac 1994 sehingga 2000. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Kedah Cement Berhad pada tahun 1996, Pemas International Holdings Berhad dan MARA pada tahun 1997, Ahli Majlis Kolej Universiti Insaniah pada tahun 1997 dan Larut Consolidated Berhad pada tahun 1999. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Pada 1 Jun 2008, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi FAMA buat kali kedua sehingga kini dan sebagai Pengerusi FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACO) dari tahun 2010 hingga 2014.

Dalam pertubuhan politik pula, beliau merupakan Ketua UMNO Cawangan Pekan Yan dari tahun 1978 sehingga kini, menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jerai, Ketua UMNO Bahagian Jerai, Ketua Penerangan UMNO Negeri dan Bendahari UMNO Negeri Kedah. Beliau juga adalah Ahli Parlimen Yan/Jerai dari tahun 1992 sehingga tahun 1999 dan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dari tahun 1999 sehingga tahun 2004. Pada tahun 2004 hingga 2008, beliau sekali lagi dipilih sebagai Ahli Parlimen Jerai. Beliau juga merupakan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia sejak 2008 hingga kini.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Travel & Services Sdn Bhd pada 19 September 2012 dan Ahli Lembaga Pengarah TH Hotel & Residence Sdn Bhd pada 14 Ogos 2013. Pada 12 Mac 2015, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Global Services Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** sejak 1 Januari 2005.

**Tan Sri Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin** was born in Yan, Kedah on 20th May 1950.

He was the Chairman at the United Transport Company (UTC), a MARA Holdings subsidiary company in 1986, and also at the Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (orphanage) in 1992. In addition, he was also a Board Member of KTM Berhad in 1992 and was chosen to become an Executive Council Member in the Malay Chamber of Commerce in the same year, and the same post in the Tourism Development Corporation in 1994.

His inaugural appointment as the Chairman of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) was from 1 March 1994 to 2000. He was also on the Board of Directors for Kedah Cement Berhad in 1996, Pemas International Holdings Berhad and MARA in 1997, a Council Member for Insaniah College University in 1997 and Larut Consolidated Berhad in 1999. In 2006, he was appointed into the Board of Directors for Kedah State Development Corporation (PKNK).

In June 2008, he was re-appointed as FAMA's Chairman to-date, and also as FAMA Corporation Sdn Bhd's Chairman from 2010 to 2014.

In the arena of politics, he is the UMNO Head for the Pekan Yan division from 1978 to-date, the UMNO Youth Head and UMNO Head for Jerai division, he was also the UMNO State Communications Chief and UMNO Treasurer for Kedah. He was the Parliament Member for Yan/Jerai from 1992 to 1999, and the State Assembly Speaker for Kedah Darul Aman from 1999 to 2004. From 2004 to 2008, he was again re-appointed as the Parliament Member for Jerai. He is also the Permanent Chairman for UMNO Malaysia from 2008 to-date.

He was appointed into the Board of Directors for TH Travel & Services Sdn Bhd on 19 September 2012, and the Board of Directors for TH Hotel & Residence Sdn Bhd on 14 August 2013. On 12 March 2015, he was appointed into the Board of Directors for TH Global Services Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors since 1 January 2005.



■ **TAN SRI DATO' SRI MOHAMED APANDI ALI**

PMN, PSM, SSAP, SPSK, SIMP, DGSM, DPMK, DSAP, DIMP

- Certificate of Legal Drafting, Institute of Advance Legal Studies, London
- Bar-At-Law, Inner Temple London
- LLB (Hons), University of London

**Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi Ali** dilahirkan pada 11 Februari 1950 dan merupakan anak jati Kelantan. Sebelum dilantik sebagai Peguam Negara Malaysia pada 27 Julai 2015, beliau merupakan Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu dari tahun 1973 hingga tahun 1975. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Biro Bantuan Guaman di Kelantan dari tahun 1975 hingga 1977. Selain itu, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Terengganu dan Kelantan dari tahun 1977 hingga tahun 1980. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia sehingga tahun 1982.

Beliau membuka firma guamannya sendiri, Tetuan Apandi Ali & Co dan telah beramal sebagai peguambela dan peguamcara dari tahun 1982 hingga tahun 2003. Pada 1 Mei 2003, beliau telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dan berkhidmat di Mahkamah Tinggi Malaya Kuantan sehingga tahun 2004. Seterusnya, pada 21 Disember 2004, beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan kekal berkhidmat di Mahkamah Tinggi Malaya Kuantan sehingga 14 Februari 2007. Pada 15 Februari 2007 hingga 13 April 2010, beliau meneruskan khidmatnya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan pada 14 April 2010 hingga 29 September 2013. Beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 30 September 2013 hingga 26 Julai 2015.

Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi Ali dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 15 Januari 2016.

**Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi Ali** was born on 11 February 1950 in Kelantan. Before his appointment as the Attorney General of Malaysia on 27 July 2015, Tan Sri was a Judge of the Federal Court, Malaysia.

He served as a Magistrate at the Kuala Terengganu Magistrate Court from 1973 to 1975, before he was appointed as the Director of Legal Aid Bureau in Kelantan from 1975 to 1977. Tan Sri also served as a Deputy Public Prosecutor in Terengganu and Kelantan from 1977 to 1980. Subsequently, he was appointed as the Legal Advisor at the Ministry of Trade and Industry Malaysia until 1982.

Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi was a practicing advocate and solicitor at his own law firm, Tetuan Apandi Ali & Co from 1982 to 2003. On 1st May 2003, he was appointed as the Judicial Commissioner of the High Court of Malaya, Kuantan for a year until his next appointment as the Judge of the High Court of Malaya, Kuantan, the post he held for two years from 21st December 2004 to 14th February 2007. He continued his service as a High Court Judge at the High Court of Malaya, Kuala Lumpur from 15th February 2007 to 13th April 2010, after which he served as a Judge of the Court of Appeal from 14th April 2010 to 29th September 2013. He was later appointed as a Federal Court Judge from 30th September 2013 until 26th July 2015.

Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi Ali was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 15 January 2016.



## ■ TAN SRI DATUK MOHAMAD AZIZ

PSM, PJN, SMJ, KMN, PIS, BSI, AMN, PPN

**Tan Sri Datuk Mohamad Aziz** berasal dari Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia dari tahun 2008 sehingga kini. Di samping itu, beliau juga adalah Ahli Pihak Berkuasa RISDA. Beliau pernah menjadi wakil peribadi kepada YAB Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Seranta Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah dari tahun 1982 hingga 1986.

Beliau juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Kawasan Parit Yaani, Johor dari tahun 1986 hingga 1999, Exco Kerajaan Negeri Johor dari tahun 1990 hingga 1995, Ketua Penerangan Kerajaan Negeri Johor (Tugas-Tugas Khas) dari tahun 1995 sehingga 1999 dan juga sebagai Ahli Parlimen Seri Gading dari tahun 1999 hingga 2013.

Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Tenaga Switchgear Sdn Bhd (Anak Syarikat TNB) serta pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah TH Indopalms Sdn Bhd dan Sabaco Sdn Bhd.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Hotel & Residence Sdn Bhd pada 24 Ogos 2015.

Tan Sri Datuk Mohamad Aziz dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 Januari 2011.

**Tan Sri Datuk Mohamad Aziz** is from Parit Raja, Batu Pahat, Johor. He is currently the Permanent Deputy Chairman for UMNO Malaysia since 2008. Besides that, he is a RISDA Member of Authority. He was once the Personal Representative for YAB Tun Hussein Onn, the third Prime Minister of Malaysia. He served as the Seranta Officer of Ministry of Rural and Regional Development from 1982 to 1986.

He was a Member of Johor State Assembly for Parit Yaani, Johor from 1986 to 1999, an Exco Member from 1990 to 1995 and Johor State Government Information Chief from 1995 to 1999 as well as a Member of Parliament of Malaysia for Seri Gading Constituency in the State of Johor from 1999 until 2013.

He has also served as a Chairman of Tenaga Switchgear Sdn Bhd (Subsidiary of TNB), as a Board Member for TH Indopalms Sdn Bhd and Sabaco Sdn Bhd.

He was appointed as a Board Member of the TH Hotel & Residence Sdn Bhd on 24 August 2015.

Tan Sri Datuk Mohamad Aziz was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 1 January 2011.



■ **TAN SRI SHUKRY MOHD SALLEH**

PSM, PJN, SMW, DPSK, PGBK, ASDK, PMP, PSK, AMN

- Sarjana Kajian Dasar Sosial, University of Hull, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia

**Tan Sri Shukry Mohd Salleh** dilahirkan di Kelantan. Beliau pernah menyanggah jawatan sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran kerajaan dan pernah memegang beberapa jawatan penting dalam Kementerian, termasuk sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Penolong Setiausaha di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Beliau pernah bertugas dalam bidang Keselamatan di Negeri Sarawak, Sabah dan Selangor serta Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara di Putrajaya, Sabah, Negeri Sembilan dan Perak. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar di Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pada April 2015 dan Ahli Lembaga Pengarah Brandworth Corporation pada Mac 2016.

Tan Sri Shukry Mohd Salleh telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 September 2015.

**Tan Sri Shukry Mohd Salleh** was born in Kelantan. He has served as Principal Private Secretary to the YAB Prime Minister of Malaysia.

He has extensive experience in government administration and has held several key positions, including Director General of Implementation and Coordination Unit in Prime Minister's Department, Assistant Secretary in Ministry of Defense and Ministry of Home Affairs, Chief Assistant Secretary and Secretary of State Security Committee in Sarawak, Sabah and Selangor. He was once the Director of National Registration Department in Putrajaya, Sabah, Negeri Sembilan and Perak. He also served as the General Manager of Development Authority of South Kelantan (KESEDAR) and Kelantan Federal Development Department.

He was appointed as a Board Member of Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) in April 2015 and a Board Member of Brandworth Corporation in March 2016.

Tan Sri Shukry Mohd Salleh was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 1 September 2015.



## ■ DATUK ROSNI SOHAR

DMSM, PJK

**Datuk Rosni Sohar** dilahirkan pada 1 Februari 1958 dan merupakan anak jati Hulu Selangor, Selangor.

Beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Kawasan Hulu Bernam dan juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia. Selain itu, beliau adalah merupakan Penolong Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sejak tahun 2009 sehingga kini. Sebelum bergiat aktif dalam politik, beliau merupakan seorang usahawan dan pernah berkhidmat sebagai pendidik. Beliau juga merupakan Naib Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kecil Wanita dan Kebajikan KOM.

Beliau cenderung menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan sosio-ekonomi komoditi sejagat terutamanya di Negeri Selangor. Beliau turut aktif memperjuangkan hak-hak asasi dan mempertingkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai sektor ekonomi dan pendidikan. Beliau terlibat secara langsung sebagai Penolong Ketua Pesuruhjaya Skwad Sayang Kebangsaan yang melaksana dan menyelaras aktiviti kebajikan dan perkhidmatan sukarela bagi membantu rakyat di peringkat akar umbi seluruh negara. Sebagai satu-satunya wanita dalam Ahli Lembaga Pengarah **TH**, keprihatinan beliau lebih ditumpukan bagi mendekati dan mendalami isu serta keperluan jemaah wanita di Malaysia.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Hotel & Residence Sdn Bhd pada 24 Ogos 2015.

Datuk Rosni Sohar dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 1 Februari 2014.

**Datuk Rosni Sohar** was born on 1 February, 1958 and hails from Hulu Selangor, Selangor.

She is a Selangor State Assembly woman for Hulu Bernam and a Member of UMNO Supreme Council Malaysia. Apart from that, she serves Wanita UMNO as the Assistant Secretary since 2009. She was an entrepreneur and a teacher before actively involved in politics. She is also the Vice President of The Malaysia Athletics Federation (MAF) as well as the Chairman of Women Affairs and Welfare sub-committee of MAF.

She has a passion for community-based activities and socio-economic development of the global commodity especially in Selangor. She plays a vital role in promoting women's participation in both the economic and educational sectors. She is an Assistant Chief Commissioner of the National 'Skuad Sayang', a body that runs charitable activities and volunteer services towards providing assistance to grassroot communities nationwide. As the only female member of **TH's** Board of Directors, she focuses on reaching out and exploring issues pertaining to the needs of female pilgrims in Malaysia.

She was appointed as a Board Member of the TH Hotel & Residence Sdn Bhd on 24 August 2015.

Datuk Rosni Sohar was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors on 1 February 2014.



# PANEL PELABURAN

## Investment Panel



**DATO' MOHZANI  
DATUK DR. ABDUL WAHAB**

DPSJ, SMP, ASDK

Pengerusi | [Chairman](#)

**TAN SRI SHEIKH GHAZALI  
ABDUL RAHMAN**

PSM, PJJ, DSDK, SDK, AMN

**DATO' GHAZALI AWANG**

DIMP

**DATO' IZHAM YUSOFF**

DSDK



**DATO' ISKANDAR MIZAL MAHMOOD**

DIMP, DMSM

**DATO' SRI JAHABERDEEN YM MOHAMED YUNOOS**

SSAP, DIMP, PJM

**SYED ELIAS ALHABSHI**

**ABDUL KADIR MD KASIM**

Mantan Ahli  
Former Member  
Meletak jawatan pada 1 Jun 2016  
Resigned on 1 June 2016

**DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD**

DPMS  
Mantan Ahli  
Former Member  
Meletak jawatan pada 30 September 2016  
Resigned on 30 September 2016

■ **DATO' MOHZANI DATUK DR. ABDUL WAHAB**

DPSJ, SMP, ASDK

- Sarjana Ekonomi (Kepujian) Universiti Malaya Malaysia

Pengerusi | [Chairman](#)

**Dato' Mohzani Datuk Dr. Abdul Wahab** berasal dari Perlis. Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah Celcom Axiata dan Boustead Plantations. Beliau yang merupakan siswazah Ekonomi dari Universiti Malaya, menyertai Kumpulan Shell sejak tahun 1976. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd masing-masing dari tahun 2001 dan 2005 sehingga persaraan beliau pada penghujung tahun 2009. Beliau bersara dari Shell Malaysia pada penghujung Januari 2010 setelah berkhidmat selama 33 tahun. Sebelum persaraan, beliau adalah Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif untuk Shell Refining Company (FOM) Berhad sehingga 31 Disember 2009 dan Ahli Lembaga Brunei Shell Marketing. Pada 2011, beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Pavillion REIT Management dan Hong Leong Investment Bank.

Dato' Mohzani Datuk Dr. Abdul Wahab telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan sejak 1 Oktober 2007 sehingga 30 September 2015. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan **TH** pada 1 Oktober 2015.

**Dato' Mohzani Datuk Dr. Abdul Wahab** hails from Perlis. He is a Board Member of Celcom Axiata and Boustead Plantations. An Economics graduate from Universiti Malaya, he joined Shell Group in 1976. He served as Managing Director for Shell Malaysia Trading Sdn Bhd and Shell Timur Sdn Bhd beginning 2001 and 2005 respectively, up to his retirement at the end of 2009. He retired from Shell Malaysia at the end of January 2010 after 33 years of service. Prior to his retirement, he was a Non-Independent Non-Executive Director at Shell Refining Company (FOM) Berhad until 31 December 2009, and a Board Member of Brunei Shell Marketing. In 2011, he became an Independent Director for Pavillion REIT Management and Hong Leong Investment Bank.

Dato' Mohzani Datuk Dr Abdul Wahab was appointed as member of **TH** Investment Panel since 1 October 2007 until 30 September 2015, he was then appointed as Chairman of **TH** Investment Panel on 1 October 2015.



## ■ TAN SRI SHEIKH GHAZALI ABDUL RAHMAN

PSM, PJJ, DSDK, SDK, AMN

- Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- B.A Perundangan Islam (Syariah) Universiti Azhar, Kaherah, Mesir
- Diploma Pendidikan, Universiti Ain Sham, Kaherah, Mesir
- Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

**Tan Sri Sheikh Ghazali** berasal dari Tobiar, Pendang, Kedah. Beliau merupakan mantan Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Beliau pernah menyandang beberapa jawatan penting, di antaranya Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, JAKIM; Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Selain itu, beliau adalah Ahli Panel Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan, Perak, Pahang dan Terengganu sehingga sekarang dan pernah menjadi Ahli Panel Mahkamah Rayuan di Negeri- Negeri Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah & Sarawak.

Beliau aktif di dalam aktiviti sosial melalui pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis Perundangan Islam, Jabatan Perdana Menteri; Ahli Panel Undang-Undang Majlis Perundangan Islam, Jabatan Perdana Menteri; Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan; Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan MAIWP; Pengerusi Jawatankuasa “Good Governance” untuk Garis Panduan Syarikat MAIWP; Ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM); Ahli Jawatankuasa Kerja Projek Pembangunan IKIM; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penasihat Syariah Yayasan Waqaf Malaysia (YWM); Ahli Lembaga Pemegang Amanah (MALPA) YWM; Ahli Lembaga Penasihat, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Pengerusi Jawatankuasa Panel Syarie Tabung Wakaf Universiti Islam Malaysia (UIM); Panel Penasihat Pengajian Tinggi Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Ahli Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Program (Steering Committee on Programme Development), Diploma Kefatwaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD); Ahli Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM, Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa, JAKIM, Penyandang Kerusi Felo Utama, Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM, Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan, Pergerakan Gaji dan Kenaikan Pangkat IKIM, Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan IKIM, Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin IKIM, Ahli Majlis Fatwa Negeri Sabah dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Program Sarjana Syariah Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** sejak tahun 2010. Di atas sumbangan dan jasanya terhadap pembangunan ummah, beliau telah mendapat pengiktirafan dan pengurniaan Anugerah Tokoh Ma’al Hijrah 1416H, Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1995, Anugerah Penghargaan Ma’al Hijrah 1428H Peringkat Kebangsaan Tahun 2007 dan Tokoh Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/ 2014M.

Tan Sri Sheikh Ghazali dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada tahun 2001.



**Tan Sri Sheikh Ghazali** hails from Tobiar, Pendang, Kedah. He is the former Director General/Sharie Chief Judge, Malaysian Shariah Judicial Department. He has served in various capacities during the course of his illustrious career, including as Chairman of the Technical Committee of Islamic and Civil Law, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), Member of the Malaysia National Fatwa Committee, JAKIM; Member of the National Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia and Member of the Securities Commission's Shariah Advisory Council. He is currently a Panel Member of State Shariah Court of Appeal for Kelantan, Perak, Pahang and Terengganu and he was once a Panel Member of the State Shariah Court of Appeal for Federal Territory, Selangor, Penang, Negeri Sembilan, Malacca, Johor, Sabah and Sarawak.

He is actively involved in various social activities through his appointments as a Member of the Islamic Consultative Council, Prime Minister's Department; Chairman of the Islamic Consultative Council Law Panel, Prime Minister's Department; Member of the Federal Territory Mufti Department's Islamic Law Consultative Committee; Member of Federal Territory Islamic Religious Council (MAIWP); Member of Development and Investment Committee, MAIWP; Chairman of the Good Governance Committee for MAIWP's Company Guidelines; Board Member of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM); Working Committee Member of IKIM's Development Project; Chairman of the Shariah Advisory Working Committee for Waqaf Foundation Malaysia (YWM); Board of Trustees' Member (MALPA) YWM; Member of the Advisory Board, Faculty of Islamic Studies at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Chairman of Shariah Panel of Tabung Waqaf Universiti Islam Malaysia (UIM), Higher Education Advisory Panel of Shariah and Law at the University Sains Islam Malaysia (USIM); Member of the Steering Committee on Programme Development, Kefatwaan Diploma, World Fatwa Management and Research Institute (INFAD); Member of the Steering Committee of Malaysia Halal Certification Management JAKIM and Chairman of Research and Fatwa Management Committee JAKIM; the Incumbent Main Fellow of the Shariah and Law Faculty, USIM; Chairman for the Recruitment, Salary Review and Promotions IKIM; a Member of the Financial and Investment Committee IKIM; the Chairman for Disciplinary Committee IKIM, Member of the Fatwa Council of Sabah, and a Committee Member of the Advisory Panel for the Shariah Postgraduate Degree Program at the Law Studies Centre, Universiti Utara Malaysia (UUM).

He is also a member of **TH** Shariah Advisory Committee since 2010. In appreciation of his contributions and effort towards the development of the ummah, he was bestowed with the Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1416H, Federal Territory Level in 1995, Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah 1428H National Level in 2007 and Tokoh Ma'al Hijrah National Level in 1436H/2014M.

Tan Sri Sheikh Ghazali was appointed as a member of **TH** Investment Panel in 2001.

## ■ DATO' GHAZALI AWANG DIMP

- Sarjana Muda Perdagangan, University of Newcastle, Australia
- Akauntan Berkanun, The Institute of Chartered Accountants, Australia
- Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Diploma Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Diploma Pengajian Syariah, Kolej Dar Al-Hikmah, Malaysia
- Magister Agama (MA), Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Padang Indonesia

**Dato' Ghazali Awang** dilahirkan di Kelantan. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kewangan dan telah banyak memegang jawatan penting di dalam beberapa organisasi di antaranya Ketua Akauntan/Pengurus Kanan Kewangan & Pentadbiran di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Audit, Pengurus Perkhidmatan Kewangan, Ketua Akauntan dan Pengurus Dana di Kumpulan Shell Malaysia. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di Kumpulan Guthrie Berhad sebagai Pengarah Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Kewangan & Perkhidmatan Korporat dan juga sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Bank Simpanan Nasional dan CCM Duopharma Biotech Berhad. Beliau juga turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di TH Marine Holdings (L) Inc dan syarikat-syarikat senaraian awam iaitu HeiTech Padu Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, BIMB Investment Management Berhad dan TH Heavy Engineering Berhad.

Dato' Ghazali Awang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** sejak 1 September 2011 sehingga 31 Ogos 2015. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 Oktober 2015.

**Dato' Ghazali Awang** was born in Kelantan. He has extensive experience in the field of finance and has served in various capacities in several organisations, including as Chief Accountant/Senior Manager of Finance & Administration in Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad.

He was once the Audit Manager, Financial Services Manager, Chief Accountant and Fund Manager in Shell Malaysia Group of Companies. Apart from that, he served as Group Director and Executive Director for Finance & Corporate Services in Kumpulan Guthrie Berhad and also as a Board member of Bank Simpanan Nasional and CCM Duopharma Biotech Berhad. He also serves as a Board member TH Marine Holdings (L) Inc and several public listed companies such as HeiTech Padu Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, BIMB Investment Management Berhad and TH Heavy Engineering Berhad.

Dato' Ghazali Awang was appointed as a Member of **TH's** Board of Directors since 1 September 2011 until 31 August 2015. He was then appointed as a member of **TH** Investment Panel on 1 October 2015.





## ■ DATO' IZHAM YUSOFF

DSDK

- Sarjana Pengurusan Perniagaan, University of Miami, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Perakaunan, University of Miami, Amerika Syarikat
- Ahli Bersekutu di Institute of Internal Auditors Malaysia

**Dato' Izhah Yusoff** dilahirkan di Kedah. Beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Bina Darulaman Berhad (BDB).

Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BDB pada Ogos 2013 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada Februari 2014.

Sebelum menyertai BDB, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif di Percetakan Nasional Malaysia Berhad dari Februari 2010 hingga Januari 2014. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi Ninebio Sdn Bhd dari 2007 hingga 2010, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai KUB Malaysia Berhad dari 2004 hingga 2007, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Raya Berhad dari 2002 hingga 2004 dan Pengarah Bursa Malaysia Berhad.

Dato' Izhah Yusoff dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 Oktober 2015.

**Dato' Izhah Yusoff** was born in Kedah. He is the Executive Director and Group Managing Director of Bina Darulaman Berhad (BDB).

He was appointed as an Independent Non-Executive Director of BDB in August 2013 and later re-designated to Non-Independent Executive Director in February 2014.

Prior to working with BDB, he was the Managing Director and Chief Executive Officer of Percetakan Nasional Malaysia Berhad from February 2010 until January 2014. He has served as the Executive Director / Chief Operating Officer of Ninebio Sdn Bhd from 2007 until 2010, Managing Director and Chief Executive of KUB Malaysia Berhad from 2004 until 2007, Managing Director and Chief Executive Officer of Amanah Raya Berhad from 2002 until 2004 and Director of Bursa Malaysia Berhad.

Dato' Izhah Yusoff was appointed as a Member of **TH** Investment Panel on 1 October 2015.

## ■ SYED ELIAS ALHABSHI

- Sarjana Pengurusan Perniagaan, Asian Institute of Management Manila, Filipina

**Syed Elias Alhabshi** berasal dari Melaka. Beliau adalah merupakan bekas pegawai kanan dalam bidang pelaburan, kewangan korporat dan perbankan. Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan daripada Asian Institute of Management, Filipina. Karier beliau bermula pada tahun 1961 di Malayan Banking Berhad dalam operasi perbankan runcit dan kemudian beliau berkhidmat di Bank Bumiputra Malaysia Berhad termasuk sebagai Pengurus Besar di pejabat London dan ibu pejabat. Pada 1982, beliau dilantik sebagai Naib Presiden dan Timbalan Ketua Eksekutif dan kemudiannya sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif ASEAN Finance Corporation. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Babcock & Brown Asia Pacific, Penasihat Eksekutif Hong Leong Capital Berhad dan Ketua Pegawai Operasi Bahagian Pengguna, Hong Leong Bank Berhad dan sebagai Penasihat Phileo Allied Bank (Malaysia) Berhad. Semasa beliau di Merrill Lynch selama 11 tahun, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Private Banking/Securities & Investment Division bagi Asia Tenggara dan Pengarah Eksekutif Special Projects Asia Pacific District, Private Banking Division. Beliau kini adalah Pengerusi Threadneedle Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat Global Islamic Asset Management di Kuala Lumpur.

Syed Elias Alhabshi dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada tahun 2009.

**Syed Elias Alhabshi** hails from Malacca. He has a strong background in the areas of investment, corporate finance and banking. He holds an MBA from the Asian Institute of Management, Philippines. He started his career in 1961 with Malayan Banking Berhad in retail banking operations and then served at Bank Bumiputra Malaysia Berhad in various capacities, including General Manager of the London office and head office. In June 1982, Syed Elias was appointed as the Vice-President and Deputy Chief Executive, and later as the President/Chief Executive Officer of ASEAN Finance Corporation. He had also served as Managing Director of Babcock & Brown Asia Pacific, Executive Advisor of Hong Leong Capital Berhad as well as Chief Operation Officer Consumer Division of Hong Leong Bank Berhad. He was once the Advisor to Phileo Allied Bank (Malaysia) Berhad. While attached to Merrill Lynch for 11 years, he served as Executive Director and Head of Private Banking/Securities & Investment Division for Southeast Asia, as well as the Executive Director for Special Projects Asia Pacific District, Private Banking Division. Currently he is the Chairman of Threadneedle Asset Management Malaysia Sdn Bhd, a Global Islamic Asset Management company in Kuala Lumpur.

Syed Elias Alhabshi was appointed as a Member of **TH** Investment Panel in 2009.





## ■ DATO' SRI JAHABERDEEN YM MOHAMED YUNOOS

SSAP, DIMP, PJM

- Sarjana dalam Undang-undang Perbandingan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2006)
- Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Leeds University, United Kingdom (1991)
- Sijil Amalan Guaman (Lembaga Kelayakan Profesion Malaysia) (1992)
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (1985)

**Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos**, seorang anak watan Pulau Pinang, merupakan rakan kongsi pengurusan di Tetuan Jahaberdeen & Co. Beliau berkepakaran di dalam undang-undang jenayah, perlembagaan, tort dan politik-pentadbiran.

Selain pendedahan dalam bidang perundangan, beliau juga seorang aktivis sosial yang terlibat dengan pelbagai agensi Badan Bukan Kerajaan seperti Just International Movement, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Badan Peguam Malaysia, Ahli Panel bagi Lembaga Disiplin Badan Peguam Malaysia dan Pengerusi Yayasan Rapera, suatu yayasan yang menjadi asas ke arah pendidikan dalam erti kata yang luas.

Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos merupakan bekas pensyarah ekonomi dan undang-undang media di Lembah Klang dan universiti-universiti tempatan.

Beliau sangat aktif dalam menyampaikan syarahan dalam pelbagai topik kepada institusi-institusi dan korporat dalam hal ehwal Islam, motivasi, strategi pembelajaran dan politik. Di antaranya, beliau pernah menyampaikan syarahan undang-undang perniagaan kepada pengurusan tertinggi Permodalan Nasional Berhad (1995), undang-undang media kepada pengamal Perhubungan Awam serta syarikat penerbitan, dan undang-undang jenayah di PDRM. Di antara tahun 1997-2000, beliau sering dijemput sebagai penceramah jemputan bagi program diskusi ilmiah berkaitan undang-undang di TV3. Beliau juga telah menerbitkan buku teks ekonomi serta buku-buku berkaitan hal ehwal Islam dan sosio-politik. Beliau merupakan kolumnis popular di akhbar Malay Mail.

Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 November 2016.

*Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos, a Penangite, is the Managing Partner of Messrs Jahaberdeen & Co. He specialises in criminal, constitutional, tort and politico-administrative legal matters.*

*Other than exposures in the legal field, he is also a social activist involved with various Non-Government Organizations such as Just International Movement, Human Rights Sub Committee of the Bar Council, Panel member of the Bar Council Disciplinary Committee, and Chairman of Yayasan Rapera, a foundation geared towards education in the broadest sense.*

*Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos was an economics and media law lecturer in the Klang Valley and at local universities.*

*He is very active in delivering lectures in various topics to institutions and corporates in Islamic affairs, motivation, learning strategies and politics. Among others, he delivered lectures in business law to top management of Permodalan Nasional Berhad (1995), media law to public relations practitioners and publishers, and criminal law to Polis DiRaja Malaysia. Between 1997-2000, he was often invited as a guest speaker for various legal discussion programmes at TV3. He has also published an economics textbook as well as books on Islamic affairs and socio-political. He is a popular columnist in the Malay Mail.*

*Dato' Sri Jahaberdeen YM Mohamed Yunoos was appointed as a Member of **TH** Investment Panel on 1 November 2016.*

## ■ DATO' ISKANDAR MIZAL MAHMOOD

DIMP, DMSM

- Sarjana Sains dalam Pengurusan Perniagaan (Perakaunan) Boston University, Amerika Syarikat.

**Dato' Iskandar Mizal Mahmood** berasal dari Kelantan. Beliau mempunyai pengalaman 28 tahun bekerja dengan pelbagai syarikat antarabangsa, termasuk agensi kerajaan yang meliputi perbankan pelaburan hingga ke sektor teknologi di semua peringkat – dari bahagian operasi hinggalah ke bahagian pengurusan.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood memulakan kerjayanya di Arthur Andersen & Co, sebuah syarikat audit antarabangsa pada tahun 1989. Beliau kemudian menjelajah ke dalam perbankan perniagaan serta pelaburan untuk Bumiputra Merchant Bankers Berhad and Commerce International Merchant Bankers Berhad (sekarang dikenali sebagai CIMB Group). Pada tahun 1999, beliau telah menyertai Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan menguruskan Tawaran Awam Permulaan (IPO) dan Penyenaraian MAHB di Bursa Malaysia; serta melaksanakan tanggungjawab lain seperti kewangan korporat, perancangan strategik, pembangunan perniagaan dan perhubungan pelaburan. Pada tahun 2003, Kementerian Kewangan Malaysia telah melantik beliau untuk mengetuai Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd. Selepas dari itu, beliau telah dilantik pula untuk meneraju Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd, salah sebuah inisiatif teknologi utama Kerajaan pada waktu itu. Beliau kemudian telah memasuki sektor swasta akademik; bekerjasama dengan Manipal Education Global of India untuk menubuhkan Manipal International University di Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk Pos Malaysia Berhad. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah untuk beberapa syarikat teknologi termasuk Globetronics Technology Berhad, sebuah syarikat tersenarai awam.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan **TH** pada 1 November 2016.

**Dato' Iskandar Mizal Mahmood** was born in Kelantan. He has 28 years' experience with multitude of companies ranging from multinational to government companies and spanning from investment banking to technology sectors at all levels from hands-on operations to leadership.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood started his career with an international audit firm Arthur Andersen & Co in 1989. He moved into merchant and investment banking serving Bumiputra Merchant Bankers Berhad and Commerce International Merchant Bankers Berhad (now known as CIMB Group). He joined Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) in 1999 to undertake the Initial Public Offering and Listing of MAHB on Bursa Malaysia and assume other responsibilities such as corporate finance, strategic planning, business development and investor relations. In 2003, Ministry of Finance Malaysia appointed him to helm the leadership of Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd. He was later appointed to helm the leadership of Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd, one of the Government of Malaysia's key technology initiatives at that time. He then ventured into the private education sector by partnering with Manipal Education Global of India to set up Manipal International University in Malaysia. He also served as the Group Chief Executive Officer of Pos Malaysia Berhad. He currently sits on the Board of several technology companies including Globetronics Technology Berhad, a public listed company.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood was appointed as a Member of **TH** Investment Panel on 1 November 2016.



# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## Statement of Corporate Governance

Jemaah Lembaga Pengarah **TH** (Lembaga Pengarah) memberi perhatian dan komitmen sepenuhnya dalam memastikan aplikasi tadbir urus korporat berdasarkan piawaian tertinggi, efektif dan selari dengan tatacara tadbir urus yang termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan amalan terbaik bersesuaian dengan prinsip-prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

### Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan tadbir urus korporat **TH** termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat, polisi dan strategi untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut. Lembaga Pengarah diberi kuasa mentadbir kumpulan wang, segala yang berkenaan dengan kebajikan jemaah Haji dan merumus dasar yang berkaitan dengannya. Lembaga Pengarah juga berfungsi menjalankan perkara-perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta 535.

### Komposisi Lembaga Pengarah

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (Ahli) adalah mengikut garis panduan yang dinyatakan di Seksyen 6 Akta 535. Lembaga Pengarah dianggotai oleh Pengerusi dan tidak lebih daripada sembilan Ahli yang lain. Pengerusi dan tidak lebih daripada tujuh daripada Ahli lain adalah atas lantikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Menteri Pentadbir), manakala baki dua Ahli adalah wakil daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Kesemua Ahli mestilah warganegara Malaysia, beragama Islam serta berpengalaman dalam pelbagai bidang seperti kewangan, ekonomi, perakaunan, perkhidmatan awam dan perundangan. Gabungan ini penting dalam mencapai kejayaan strategik **TH** secara menyeluruh. Salah seorang Ahli akan dilantik oleh Menteri Pentadbir untuk memegang Jawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, di mana beliau dipertanggungjawabkan untuk mengurus secara langsung operasi **TH** serta melaksanakan matlamat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, seperti termaktub di dalam Seksyen 12 Akta 535. Ahli-ahli yang lain merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli-ahli yang dilantik hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

The Board of Directors of **TH** (the Board) gives full attention and commitment to ensure effective applications of corporate governance are adhered to the highest standards and are in line with the governance practices incorporated in Tabung Haji Act 1995 (Act 535) as outlined in the Principles of the Malaysian Code On Corporate Governance.

### The Board of Directors

The Board is fully responsible for the overall corporate governance of **TH** which includes determining its strategic development direction as well as its management objectives, policies and strategies and monitoring of the achievements of the said objectives. The Board is empowered to administer the depositors' fund, all matters concerning the welfare of pilgrims and also to formulate policies in connection therewith. The Board also functions to do such other things as obligatory or allowable under Act 535.

### Composition of the Board

The appointment of the Board Members (Members) is in accordance with the guidelines stipulated under Section 6 of Act 535. The Board comprises a Chairman and not more than nine other Members. The Chairman and not more than seven Members are appointed by the Minister from the Prime Minister's Department (Minister) while the remaining two Members are representatives from the Prime Minister's Department and the Ministry of Finance. Members must be Muslim Malaysian citizens with vast experience in diverse areas including finance, economy, accounting, public administration and law. Such a composition is crucial to ensure the overall strategic success of **TH**. One of the Members may be appointed by the Minister as Group Managing Director and Chief Executive Officer who is responsible in managing the operations of **TH** directly and carrying out objectives as determined by the Board and stipulated under Section 12 of Act 535. Other Members are Independent Non-Executive Directors. Members shall hold office for a term not exceeding three years and are eligible for reappointment.



## Imbuhan Lembaga Pengarah

Seorang Ahli tidak berhak menerima saraan tetapi boleh dibayar honorarium, elaun perjalanan dan elaun sara hidup yang ditentukan Menteri Pentadbir, seperti mana dibenarkan di bawah Seksyen 7 Akta 535. Hanya Ahli yang dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif sahaja layak menerima gaji atau elaun yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dengan persetujuan Menteri, seperti mana dibenarkan di bawah Seksyen 12 (3) Akta 535.

## Proses Membuat Keputusan

Ahli akan diberikan tempoh mencukupi bagi menelaah kertas kerja cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

## Integriti

Berdasarkan Seksyen 9 Akta 535, sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Ahli berkenaan hendaklah mengisytiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Berdasarkan Seksyen 8 Akta 535, Mesyuarat Lembaga Pengarah (Mesyuarat) perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan dan tiga orang Ahli diperlukan bagi membentuk kuorum pada mana-mana Mesyuarat.

## Board Remuneration

Members are not entitled to receive any remuneration, but may be paid such honorarium, travelling and subsistence allowance as determined by the Minister pursuant to Section 7 Act 535. As stipulated under Section 12 (3) Act 535, only a Member who is appointed as the Group Managing Director and Chief Executive Officer is allowed to receive salary or allowances as determined by the Board and approved by the Minister.

## Decision Making Process

Members will have ample time to study all the proposal papers in order to be able to make informed and accurate decisions.

## Integrity

Based on Section 9 of Act 535, in any event when a conflict of interest arises, Members shall declare their interest and shall not take part in any deliberation and shall not vote on matter which involves their interests.

## Board Meetings

In accordance with Section 8 Act 535, the Board Meetings (Meeting) should be held at least once every three months and three Members are required to form a quorum at any of the Meeting.

Sebanyak 14 Mesyuarat Lembaga Pengarah, termasuk 8 Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas diadakan sepanjang 2016. Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut:

There are 14 Board Meetings held during 2016, including 8 Special Board Meetings. The Meetings were held on the following dates:

<b>Bil.   No.</b>	<b>Mesyuarat   Meetings</b>	<b>Tarikh   Date</b>
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 1/2016 (K) (329)   Special Board Meeting No. 1/2016 (K) (329)	12 Januari 2016   12 January 2016
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 2/2016 (K) (330)   Special Board Meeting No. 2/2016 (K) (330)	19 Januari 2016   19 January 2016
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 3/2016 (K) (331)   Special Board Meeting No. 3/2016 (K) (331)	3 Februari 2016   3 February 2016
4.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2016 (332)   Board Meeting No. 1/2016 (332)	22 Februari 2016   22 February 2016
5.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 4/2016 (K) (333)   Special Board Meeting No. 4/2016 (K) (333)	7 Mac 2016   7 March 2016
6.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 5/2016 (K) (334)   Special Board Meeting No. 5/2016 (K) (334)	6 April 2016   6 April 2016
7.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2016 (335)   Board Meeting No. 2/2016 (335)	27 April 2016   27 April 2016
8.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 6/2016 (K) (336)   Special Board Meeting No. 6/2016 (K) (336)	16 Mei 2016   16 May 2016
9.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 7/2016 (K) (337)   Special Board Meeting No. 7/2016 (K) (337)	22 Jun 2016   22 June 2016
10.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2016 (338)   Board Meeting No. 3/2016 (338)	19 Julai 2016   19 July 2016
11.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2016 (339)   Board Meeting No. 4/2016 (339)	25 Ogos 2016   25 August 2016
12.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2016 (340)   Board Meeting No. 5/2016 (340)	10 November 2016   10 November 2016
13.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bil. 8/2016 (K) (341)   Special Board Meeting No. 8/2016 (K) (341)	21 November 2016   21 November 2016
14.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2016 (342)   Board Meeting No. 6/2016 (342)	7 Disember 2016   7 December 2016



## Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 11 Akta 535, terdapat beberapa Jawatankuasa diwujudkan bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi mereka dan memastikan tadbir urus korporat yang baik dan teratur. Setiap Jawatankuasa melaksanakan tugas mengikut terma rujukan yang ditetapkan dan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya adalah relevan dan terkini. Antara Jawatankuasa utama yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

## Board Committees

As stipulated in Section 11 of Act 535, several Committees have been established to assist the Board in performing its functions and to ensure the implementation of sound corporate governance practices. Each Committee is to perform their duties according to the terms of reference that has been set and reviewed from time to time to ensure that they are relevant and updated. Amongst the main Committees established are as follows:

### Jawatankuasa dengan Keahlian Lembaga Pengarah | Committees with Participation of the Board

Jawatankuasa Audit   <a href="#">Audit Committee</a>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seperti di Laporan Jawatankuasa Audit.</li> <li>• <a href="#">As tabled in the Audit Committee Report.</a></li> </ul>
Jawatankuasa Pengurusan Risiko   <a href="#">Risk Management Committee</a>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengesyor, mengkaji semula dan memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan secara efektif dan sewajarnya;</li> <li>• Mengesyor dan mengkaji semula pelan strategi pengurusan risiko, tahap penerimaan risiko, polisi-polisi pengurusan risiko dan had risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;</li> <li>• Mengkaji profil risiko dan pendedahan risiko untuk memastikan ianya dalam lingkungan ditetapkan;</li> <li>• Meluluskan pelan pengurusan kesinambungan perniagaan;</li> <li>• Meluluskan metodologi pengukuran risiko; dan</li> <li>• Meneliti dan memantau segala inisiatif pengurusan risiko dan usaha-usaha menyerapkan budaya mengawal risiko di <b>TH</b>.</li> <li>• <a href="#">Recommend, review and ensure the effectiveness of the Risk Management Framework;</a></li> <li>• <a href="#">Review and recommend the risk management strategic plan, risk tolerance level, risk management policies and risk limits for approval by the Board;</a></li> <li>• <a href="#">Review risk profile and risk exposures to ensure they remain within the specified scope;</a></li> <li>• <a href="#">Approve the business continuity management plan;</a></li> <li>• <a href="#">Approve the risk measurement methodology; and</a></li> <li>• <a href="#">Deliberate and monitor all risk management initiatives and efforts to inculcate a risk management culture in <b>TH</b>.</a></li> </ul>
Lembaga Tender   <a href="#">Tender Board</a>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan perolehan bernilai di antara RM10 juta - RM30 juta; dan</li> <li>• Memperakukan cadangan sesuatu perolehan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.</li> <li>• <a href="#">Approval of purchases worth between RM10 million and RM30 million; and</a></li> <li>• <a href="#">Endorsement of procurement proposals for approval by the Board.</a></li> </ul>
Jawatankuasa Urusan Haji   <a href="#">Hajj Affairs Committee</a>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab bagi kebajikan, perlindungan, pengawalan dan kebajikan am jemaah haji; dan</li> <li>• Pengurusan Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia.</li> <li>• <a href="#">Responsible in welfare, protection control and general well-being of the hajj pilgrims; and</a></li> <li>• <a href="#">Management of the Malaysian Pilgrims Welfare Fund.</a></li> </ul>

<p>Jawatankuasa Penasihat Syariah   Shariah Advisory Committee</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menasihati Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara berkaitan syariah untuk memastikan bahawa operasi perniagaan <b>TH</b> mematuhi prinsip syariah pada setiap masa;</li> <li>• Menjelaskan keputusan syariah berhubung urusanniaga <b>TH</b> seperti yang diputuskan oleh jawatankuasa berdasarkan kepada apa yang dirujuk kepadanya oleh Lembaga Pengarah, Pengerusi, Bahagian Syariah atau mana-mana juga cabang perniagaan <b>TH</b>;</li> <li>• Mengesahkan urusanniaga dan kontrak <b>TH</b> adalah mematuhi syariah melalui laporan yang dikemukakan oleh Bahagian Syariah kepada jawatankuasa secara berkala, menjelaskan pelaksanaan resolusi dan hukum yang dikeluarkan oleh jawatankuasa; dan</li> <li>• Mewakili <b>TH</b> dalam bidang syariah di persidangan, seminar, dan juga untuk mengambil bahagian dalam forum kewangan Islam.</li> <li>• Advising the Board on matters pertaining to Shariah so as to ensure that the business operations of <b>TH</b> are in compliance with the Shariah principles at all times;</li> <li>• Provide explanation on Shariah decisions in relation to any of <b>TH</b> transactions as decided by the committee based on the matters referred to it by the Board, Chairman, Shariah Division or any branches of business under <b>TH</b>;</li> <li>• Confirmation of transactions and contracts to be entered into by <b>TH</b> are Shariah-compliant based on reports presented by the Shariah Division to the Committee on periodic basis, explaining the resolution and principles issued by the committee; and</li> <li>• Represent <b>TH</b> in Shariah matters at conventions, seminars and to participate in any Islamic finance forum.</li> </ul>
<p>Jawatankuasa Penamaan   Nomination Committee</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji keperluan dan mengenalpasti calon-calon yang sesuai untuk dilantik sebagai wakil <b>TH</b> di dalam Lembaga Pengarah syarikat di mana <b>TH</b> mempunyai kepentingan; dan</li> <li>• Meneliti urusan pelantikan dan penamatan perwakilan <b>TH</b> dalam Lembaga Pengarah syarikat yang dilabur.</li> <li>• Reviewing matters relating to the appointment and retirement of <b>TH</b> Board representatives in investee companies; and</li> <li>• Identifying individuals suitably qualified to be appointed as <b>TH</b> Board representative in <b>TH</b> investee companies.</li> </ul>
<p>Jawatankuasa Perkhidmatan   Services Committee</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan Seksyen 13 dan 14 Akta Tabung Haji yang secara amnya berkenaan dengan pelantikan pegawai perkhidmatan, ejen, penasihat dan sebagainya;</li> <li>• Mempunyai kuasa membuat peraturan-peraturan berkaitan syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib; dan</li> <li>• Bertanggungjawab dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan di bawah arahan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif mengikut peraturan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.</li> <li>• Implementing Section 13 and 14 of Tabung Haji Act which generally are in respect of the appointment of service officer, agents, advisor etc.;</li> <li>• Empowered to formulate rules and regulations on service conditions and discipline; and</li> <li>• Responsible for enacting policies and implementing them under the directive of the Chief Executive Officer as provided by the guidelines determined by the Board.</li> </ul>
<p>Jawatankuasa Tata tertib   Disciplinary Committee</p> <p>(i) Jawatankuasa Tata tertib Kumpulan Pengurusan Eksekutif   Management and Executive Disciplinary Committee</p> <p>(ii) Jawatankuasa Tata tertib Kumpulan Bukan Eksekutif   Non-Executive Disciplinary Committee</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menimbang dan menentukan hukuman tata tertib ke atas anggota yang telah melanggar syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa; dan</li> <li>• Menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan tatakelakuan anggota <b>TH</b>.</li> <li>• Disciplinary actions on employees who breached terms and conditions of their appointments as well as rules and regulations that are enforced from time to time; and</li> <li>• Decide on matters in relation to <b>TH</b>'s employees' code of conduct.</li> </ul>

<p>Jawatankuasa Rayuan Tatatertib   Disciplinary Appeal Committee</p> <p>(i) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif   Management and Executive Disciplinary Appeal Committee</p> <p>(ii) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif   Non-Executive Disciplinary Appeal Committee</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seorang pekerja terhadap keputusan hukuman tatatertib Jawatankuasa Tatatertib berdasarkan peruntukan Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.</li> <li>• To accept, deliberate and decide on all appeals made by employees of <b>TH</b> against decisions in regards to disciplinary actions that have been made by the Disciplinary Committee as provided under the Tabung Haji Disciplinary Regulations 2010.</li> </ul>
<p>Majlis Penasihat Haji   Hajj Advisory Council</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menasihati Menteri Pentadbir berkenaan kebajikan jemaah haji dan perkara yang dirujuk padanya berhubung dengan isu urusan haji;</li> <li>• Memberi maklumbalas kepada pengurusan <b>TH</b> berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh jemaah haji; dan</li> <li>• Memberi cadangan bagi meningkatkan perkhidmatan kepada jemaah haji.</li> <li>• Advise the Minister on matters regarding the hajj pilgrims' welfare and other hajj-related issues;</li> <li>• Provide feedback to <b>TH's</b> management regarding issues faced by the hajj pilgrims; and</li> <li>• Provide suggestions on how to improve the existing hajj management services.</li> </ul>

### Kehadiran Ahli dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa **TH** dengan Keahlian Lembaga Pengarah

### Attendance of Members in the Board Meeting and **TH** Committee with Participation of the Board

Butiran kehadiran mesyuarat yang dihadiri Ahli adalah seperti berikut:

The attendance of meetings by Members are as follows:

Ahli Lembaga Pengarah   The Board Members	Lembaga Pengarah   The Board	Jawatankuasa Audit   Audit Committee	Jawatankuasa Pengurusan Risiko   Risk Management Committee	Jawatankuasa Urusan Haji   Hajj Affairs Committee	Jawatankuasa Penasihat Syariah   Shariah Advisory Committee	Jawatankuasa Perkhidmatan   Services Committee	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif   Management and Executive Disciplinary Committee	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif   Non-Executive Disciplinary Committee	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif   Management and Executive Disciplinary Appeal Committee	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif   Non-Executive Disciplinary Appeal Committee	Majlis Penasihat Haji   Hajj Advisory Council
<b>Pengerusi   Chairman</b>											
Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim	14/14	-	-	3/3	-	-	-	-	1/1	2/2	1/1
<b>Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif   Group Managing Director and Chief Executive Officer</b>											
Datuk Seri Johan Abdullah (Dilantik pada 1 Julai 2016   Appointed on 1 July 2016)	4/5*	-	1/1*	1/2*	-	4/4*	0/1*	-	-	-	-
Tan Sri Ismee Ismail (Tamat perkhidmatan pada 30 Jun 2016)   Ceased services on 30 June 2016)	8/9*	-	1/1*	1/1*	-	2/4*	-	-	-	-	1/1

Ahli Lembaga Pengarah   <b>The Board Members</b>	Lembaga Pengarah   <b>The Board</b>	Jawatankuasa Audit   <b>Audit Committee</b>	Jawatankuasa Pengurusan Risiko   <b>Risk Management Committee</b>	Jawatankuasa Urusan Hajj   <b>Hajj Affairs Committee</b>	Jawatankuasa Penasihat Syariah   <b>Shariah Advisory Committee</b>	Jawatankuasa Perkhidmatan   <b>Services Committee</b>	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif   <b>Management and Executive Disciplinary Committee</b>	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif   <b>Non-Executive Disciplinary Committee</b>	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Eksekutif   <b>Management and Executive Disciplinary Appeal Committee</b>	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif   <b>Non-Executive Disciplinary Appeal Committee</b>	Majlis Penasihat Hajj   <b>Hajj Advisory Council</b>
<b>Wakil Kementerian Kewangan   Ministry of Finance Representative</b>											
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah	9/14	0/2	-	-	-	1/8	0/1*	-	-	-	-
<b>Wakil Jabatan Perdana Menteri   Prime Minister's Department Representative</b>											
Tan Sri Othman Mahmood	13/14	2/2	-	1/3	-	8/8	1/1	5/5	-	-	-
<b>Ahli   Member</b>											
Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin	13/14	-	-	2/3	4/4	7/8	1/1	-	-	-	-
Tan Sri Dato' Paduka Badruddin Amiruldin	13/14	-	-	-	-	-	-	-	1/1	2/2	-
Tan Sri Dato' Sri Mohamed Apandi Ali (Dilantik pada 15 Januari 2016   <b>Appointed on 15 January 2016</b> )	9/13*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Datuk Mohamad Aziz	12/14	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Shukry Mohd Salleh	13/14	-	4/4	-	-	-	-	-	1/1	2/2	-
Datuk Rosni Sohar	12/14	2/2	-	-	-	6/7*	1/1	-	-	-	-

Rujukan: | **Reference:**

- Tiada mesyuarat Lembaga Tender dan Jawatankuasa Penamaan diadakan pada 2016. | **No Tender Board and Nomination Committee meeting held in 2016.**
- Kesemua ketidakhadiran adalah dengan bersebab. | **All non attendance are with valid reason.**

\* Berdasarkan bilangan mesyuarat sepanjang tempoh pelantikan. | **Based on the number of meetings held during the tenure of appointment.**



Lembaga Pengarah boleh dari masa ke semasa mendapatkan khidmat dan nasihat profesional bebas dalam menjalani tugas dan tanggungjawab mereka. Oleh yang demikian, beberapa Jawatankuasa tanpa Lembaga Pengarah telah ditubuhkan menurut Seksyen 11 Akta 535 bagi tujuan tersebut, antaranya:

The Board may from time to time seek independent professional services and advice in carrying out their roles and responsibilities. For that reason, some Committees without participation of the Board were established pursuant to Section 11 of Act 535 as follows:

Jawatankuasa tanpa Keahlian Lembaga Pengarah   Committees without Participation of the Board	
Panel Pelaburan   Investment Panel	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menasihati Lembaga Pengarah dalam menilai dan memberi sokongan terhadap cadangan pelaburan yang berdaya maju untuk <b>TH</b> sebelum ia diangkat untuk kelulusan Menteri Pentadbir; dan</li> <li>Menasihati Pengurusan <b>TH</b> akan keberkesanan aktiviti dan kawalan dalaman pelaburan <b>TH</b>. (Rujuk halaman Profil Panel Pelaburan mengenai komposisi keahlian)</li> <li>Advises the Board in their assessment and recommendation of viable investment proposals for <b>TH</b> prior to submission to the Minister for approval; and</li> <li>Advises the Management of <b>TH</b> on internal control effectiveness of investment-related matters. (Refer to Investment Panel Profile page on membership composition)</li> </ul>
Jawatankuasa Penasihat Ibadah   Hajj Ibadah Advisory Committee	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memutuskan kedudukan hukum-hakam isu ibadat haji yang dirujuk;</li> <li>Memberi cadangan kepada Pengurusan <b>TH</b> berkaitan isu pelaksanaan ibadat haji;</li> <li>Mengesahkan bahan penerbitan ibadat haji oleh <b>TH</b>; dan</li> <li>Bertugas sebagai pakar rujuk ibadat haji dalam Rombongan Kebajikan Haji ke Tanah Suci. (Keahlian: 1 Pengerusi, 1 wakil JAKIM dan 7 ahli)</li> <li>Decide the status of relevant laws and regulations pertaining to hajj issues;</li> <li>Advise <b>TH</b> Management on issues relating to the performance of hajj;</li> <li>Approve publication of hajj materials by <b>TH</b>; and</li> <li>Act as adviser for hajj matters during Hajj Pilgrimage at the Holy Land. (Membership: 1 Chairman, 1 JAKIM representative and 7 other members)</li> </ul>

## Akauntabiliti Dan Audit

### Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang diaudit dan memastikan bahawa ianya disediakan menurut prinsip perakaunan yang diterima umum dan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diselaras menurut prinsip-prinsip syariah.

## Accountability And Audit

### Financial Report

The Board is responsible for preparing the audited financial statements and ensuring that the financial statements are prepared in accordance with generally accepted accounting principles (GAAP) and comply with accounting standards issued in Malaysia and in line with shariah principles.

Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab memastikan laporan kewangan yang dibentangkan adalah benar, saksama dan komprehensif mengenai kedudukan kewangan **TH** dan Kumpulan kepada semua pendeposit dan orang awam. Laporan kewangan **TH** dikemukakan setiap tahun kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan dan dibentangkan di Parlimen.

Lembaga Pengarah komited memberikan pernyataan telus dan terkini mengenai penyata kewangan kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah perlu memastikan proses penyediaan penyata kewangan berasaskan konsep usaha berterusan berdasarkan andaian munasabah dengan sumber mencukupi untuk meneruskan operasi.

### **Kawalan Dalaman**

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab dan komited untuk mengekalkan pelaksanaan kawalan dalaman yang berwibawa. Lembaga Pengarah perlu mengenalpasti bidang risiko penting dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurus risiko-risiko tersebut di samping mengkaji kecukupan dan integriti kawalan dalaman.

Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman serta tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman dibentangkan di seksyen Penyata Kawalan Dalaman di dalam Laporan Tahunan ini.

### **Komunikasi**

Lembaga Pengarah mengiktiraf akan kepentingan memberi maklumat tepat yang melibatkan pihak berkepentingan. Untuk itu, kaedah-kaedah digunapakai adalah melalui Tabung Haji Contact Centre, kenyataan akhbar, laman web **TH**, laporan tahunan, media sosial, dan pelaporan kepada Jabatan Perdana Menteri, Parlimen serta lain-lain pihak berkepentingan secara langsung.

The Board is also responsible to ensure that the presentation of the financial statements reflect a true, fair and comprehensive view of the financial position of **TH** and the Group to the depositors and the public. The financial statements of **TH** are submitted annually to the Auditor-General for auditing purposes and are presented to Parliament.

The Board is committed to provide stakeholders with transparent and timely release of latest financial statements. The Board must ensure that the financial statements are prepared according to the 'going concern concept' based on reasonable estimation of adequate resources to continue operations.

### **Internal Control**

The Board acknowledges its responsibility and is committed to maintain a sound implementation of internal control. The Board is required to identify key risk areas and to take appropriate measure in managing such risks while reviewing the adequacy and integrity of the internal control.

The information on the state of internal control and a comprehensive appraisal in relation to its position are presented in the section on Statement of Internal Control in this Annual Report.

### **Communication**

The Board recognizes the importance of disseminating accurate information regarding matters involving the interest of the stakeholders. The platforms used for this purpose are through the Tabung Haji Contact Centre, press statements, **TH** website, annual reports, social media, and reporting to the Prime Minister's Department, Parliament and directly to other stakeholders.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

## Statement of Internal Control



Jemaah Lembaga Pengarah (Lembaga Pengarah) mengiktiraf kepentingan mengekalkan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko serta tadbir urus korporat yang baik bagi menjaga Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit dan aset **TH**. Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawab untuk memastikan sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat adalah berkesan, mencukupi serta berintegriti dalam aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan.

Sistem kawalan dalaman yang kukuh membolehkan Lembaga Pengarah menjalankan operasinya secara cekap dan berkesan, memastikan pelaporan kewangan yang tepat, prosedur kerja yang mantap serta pematuan undang-undang dan peraturan-peraturan. Namun begitu oleh kerana wujudnya batasan dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini hanya akan dapat memberikan kepastian munasabah dan bukan kepastian mutlak akan keberkesanan menghindari berlakunya kesilapan penting penyata pengurusan serta maklumat kewangan ataupun terhadap kerugian kewangan dan penipuan.

Sistem kawalan direkabentuk bagi memastikan risiko-risiko dihadapi Lembaga Pengarah dalam mencapai objektif penubuhan **TH** dapat dikenalpasti dan diurus, walaupun tidak dapat dihapuskan sama sekali, berada pada tahap boleh diterima. Berikut adalah ciri-ciri utama kawalan dalaman di **TH** dan Kumpulan:

### Struktur Organisasi dan Pentadbiran

- Penubuhan pelbagai jawatankuasa dengan terma rujukan ditakrifkan jelas ke atas peranan dan tanggungjawab;
- Manual Kuasa Tabung Haji yang menyatakan tahap dan had kuasa pengurusan;
- Manual Pengurusan Pejabat Dan Tadbir Urus Tabung Haji yang merupakan rujukan berpusat komprehensif, seragam, praktikal serta boleh diaplikasi di semua pejabat **TH** dan menjadi peraturan yang digunapakai;
- Struktur organisasi yang jelas mengenai akauntabiliti, penurunan kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat;

The Board of Directors (the Board) recognizes the importance of maintaining good internal controls, risk management practices and corporate governance to safeguard the depositors' funds and **TH's** assets. Ultimately, the Board is cognisant of its responsibility to ensure effectiveness, adequacy and integrity of internal controls and information management systems in both financial and non-financial aspects.

An effective internal control system has enabled the Board to carry out its operations efficiently and effectively, ensuring accurate financial reporting and establishing working procedures that are in compliance with laws and regulations. Nevertheless, it must be acknowledged that due to the limitations inherent in any system of internal control, the system is designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve the objectives. Accordingly, it can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss.

The control system is designed to ensure that the risks faced by the Board in its effort to achieve **TH's** objectives can be identified and managed, but not entirely eliminated, to an acceptable level. The main features of internal control at **TH** and the Group are:

### Organizational Structure and Administration

- Establishment of various committees with terms of reference on the roles and responsibilities;
- **TH** Authority Manual sets the level and limit of management authority;
- Tabung Haji Office Management and Governance Manual as a centralised reference that is comprehensive, uniform, practical and can be applied at all **TH** offices and has become adopted regulations;
- An organizational structure with clearly defined lines of accountability, empowerment and responsibility at all levels;

- Bahagian Audit Dalam melapor terus kepada Jawatankuasa Audit yang menyediakan penilaian bebas terhadap kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman serta mengetengahkan sebarang risiko yang ketara. Pelaksanaan audit adalah berdasarkan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Bagi memantau sistem kawalan dalaman syarikat subsidiari, **TH** telah mengarahkan penubuhan Jabatan atau Bahagian Audit Dalam untuk setiap syarikat subsidiari. Bahagian Audit Dalam juga membuat auditan di ibu pejabat, pejabat-pejabat cawangan dan syarikat subsidiari **TH**. Pemeriksaan tunai dan lawatan mengejut dibuat ke pejabat-pejabat cawangan **TH** secara berterusan;
- Bahagian Integriti bertanggungjawab membentuk persekitaran perniagaan adil, telus dan bebas daripada rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Ia juga berperanan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan kawalan dalaman serta menerapkan budaya integriti di dalam organisasi;
- Bahagian Pengurusan Risiko (BPR) berperanan mewujudkan budaya pengurusan risiko yang kukuh dan mantap yang dimanifestasikan melalui pemahaman risiko merentasi setiap peringkat, keputusan perniagaan dan aktiviti. BPR juga telah mengembangkan fungsinya untuk mengurus risiko pematuhan yang mungkin boleh berlaku jika **TH** tidak mematuhi undang-undang, polisi dalaman atau tatakkerja perniagaan; dan
- **TH** juga mewakili sekurang-kurangnya seorang Lembaga Pengarah atau pegawai pengurusan **TH** di setiap syarikat subsidiarinya.
- The Internal Audit Division reports directly to the Audit Committee. The division provides an independent assessment on the adequacy and integrity of internal control system and subsequently notifies all departments of any apparent risks. Audit implementation is based on an annual audit plan approved by the Audit Committee. To monitor its subsidiaries' internal control systems, **TH** has directed for the establishment of Internal Audit Departments or Divisions within **TH** subsidiaries. The Internal Audit Division also audits the departments at the head office, branch offices and subsidiaries of **TH**. Surprise visits and cash inspections are continuously conducted at **TH** branch offices;
- The Integrity Division is responsible to create a business environment that is fair, transparent and free from bribery, malpractices and misuse of authority. It is also part of the Division's role to increase service delivery efficiency and internal control as well as nurture the culture of integrity within the organisation;
- The role of the Risk Management Division (RMD) is to inculcate a robust and sound risk management culture; manifested through clear understanding of the existence of risk elements in each level of the decision-making process and business activities undertaken. RMD had expanded its function to include managing risk of compliance that may arise if **TH** fails to adhere to the law, internal policies, or business conduct; and
- **TH** also assigns at least one Board Member or an officer from the management of **TH** to monitor each subsidiary.

### Pelaburan

- Bagi urusan pelaburan, Jawatankuasa Penasihat Pelaburan (Panel Pelaburan) telah ditubuhkan, di mana ahli-ahlinya adalah daripada kalangan profesional di dalam bidang masing-masing dan tidak mempunyai keahlian Lembaga Pengarah. Tanggungjawab Panel Pelaburan adalah menasihati Lembaga Pengarah dalam menimbang cadangan pelaburan sebelum diangkat untuk kelulusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
- Prospek-prospek pelaburan juga perlu melalui BPR, Jawatankuasa Penilaian Portfolio sebelum melalui Panel Pelaburan;
- Panel Pelaburan juga akan menasihatkan Pengurusan **TH** ke atas keberkesanan aktiviti dan kawalan dalaman pelaburan; dan

### Investment

- An Investment Advisory Committee (Investment Panel) was set up, whose membership consist of professionals within their field and not from the Board. The Investment Panel's role is to advise the Board in discharging its duties by deliberating on any viable investment proposals prior to submission to the Minister in the Prime Minister's Department for approval;
- All prospective proposals must also go through the RMD, Portfolio Review Committee and subsequently presented to the Investment Panel;
- The Investment Panel also advises **TH** Management on the effective method of implementing internal control and investment activities; and



- Dasar dan polisi pelaburan serta penggunaan rangkakerja Alokasi Aset Strategik (SAA) juga merupakan tonggak utama kawalan risiko kewangan di **TH**. Strategi pelaburan **TH** pada dasarnya disokong oleh toleransi risiko seperti yang dicadangkan dengan mengambil kira analisa persekitaran pasaran dana dan modal, pemandu ekonomi aliran tunai, ufuk masa pelaburan, tadbir urus atau kekangan peraturan dan faktor-faktor lain yang berkaitan. SAA ini dikaji semula secara berkala untuk memastikan aset dilaburkan pada tahap yang optimum. **TH** akan meneruskan aktiviti pelaburan yang berhemat di dalam lingkungan toleransi risiko yang ditetapkan untuk memastikan pulangan yang kompetitif ke atas pelaburan.
- The investment policies and the adoption of the Strategic Asset Allocation (SAA) framework have been the main thrust of the financial risk control in **TH**. **TH**'s investment strategy in essence is underpinned by the recommended risk tolerance level by taking into account the environmental analysis of fund and capital markets, economic drivers of cash flows, investment time horizons, governance or regulatory constraints and other related factors. The SAA is reviewed regularly to ensure the assets are invested at an optimum level. **TH** will continue its prudent investment activities within the risk tolerance that ensures a competitive return on investment.

### **Khidmat Pendeposit dan Operasi**

- Penyediaan kemudahan perkhidmatan pengeluaran dan simpanan melalui mesin ATM/CDM selain berurusan di kaunter-kaunter **TH** seluruh Malaysia; dan
- Penggunaan khidmat *Tabung Haji Contact Centre* menjadi perhubungan utama untuk menangani sebarang pertanyaan atau aduan daripada orang awam.

### **Kewangan**

- Sistem Pengurusan Kewangan sentiasa melalui penambahbaikan berterusan terutama daripada segi perakaunan, kewangan serta pelaporan; dan
- Dari sudut pengurusan bajet, **TH** mengamalkan budaya berbelanja secara berhemah dan terkawal di mana bajet yang diluluskan tidak semestinya dibelanjakan. Perbelanjaan adalah mengikut keutamaan di samping memastikan kualiti perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang.

### **Sistem dan Teknologi**

- Sistem Pendeposit, Haji, Hartanah dan Sumber Manusia sentiasa melalui usaha penambahbaikan berterusan. Urusan perolehan juga dilaksanakan secara Sistem Perolehan Elektronik;

### **Operations and Depositors Services**

- Withdrawal and deposit services through ATM/CDM terminals apart from performing their transactions at **TH** counters nationwide; and
- The usage of Tabung Haji Contact Centre as the main channel to handle queries and complaints by the general public.

### **Finance**

- The Financial Management System undergoes continuous improvement especially on accounting, financial and also reporting practices; and
- From the budget management perspective, **TH** practises a prudent spending culture whereby budgets approved by the Board are not necessarily spent. **TH**'s spending is based on priority without compromising on the quality of service provided for its customers.

### **Technology and System**

- The Depositor, Haji, Properties and Human Resource systems are continuously improved. Procurement management is conducted via the Electronic Procurement System;

- Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi **TH** (ICT Policy) dirangka dan didokumenkan menggariskan dasar serta prosedur yang perlu untuk memastikan keselamatan, kerahsiaan, kewibawaan dan ketersediaan maklumat, data dan aplikasi di dalam organisasi. Melalui pelaksanaan serta pematuhan dasar ini, ianya dapat mengawal penggunaan perkakasan IT milik **TH** dan juga keselamatan maklumat yang berbentuk digital. Ciri-ciri keupayaan Sistem Keselamatan ICT **TH** adalah merangkumi Perlindungan Kebocoran Data, Penapisan Kandungan, Laporan Pemantauan segala penggunaan sistem, aplikasi, peralatan komputer termasuk peralatan USB dan Perlindungan Sekuriti Parameter;
- Demi mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Sistem AML/CFT disepadukan dengan Sistem Pendeposit. Sesi latihan dan penerangan kepada anggota **TH** berkaitan AML/CFT ini dibuat secara berterusan;
- **TH** juga menggunakan kaedah Pengurusan Risiko Bersepadu dalam menguruskan risikonya;
- Bagi memastikan perkhidmatan komputer yang lebih mantap serta pengurangan risiko dalam menampung operasi perniagaan dan perkhidmatan pelanggan, **TH** menyediakan satu Pusat Data **TH** dengan pensijilan Piawaian Antarabangsa oleh Uptime Institute (spesifikasi Pusat Data Tier 3) dan mempunyai tahap keselamatan tinggi dan kawalan ketat Pusat Data dan dipantau sepanjang masa;
- Bagi memastikan keselamatan dokumen sensitif dan terperingkat sentiasa terkawal, selamat serta tidak terdedah kepada umum **TH** melaksanakan mekanisme kawalan keselamatan termasuk enkripsi dokumen dan penggunaan *watermark* ke atas semua dokumen terperingkat, sama ada dalam bentuk fizikal atau perkongsian dengan penerima sah melalui peranti elektronik seperti mel elektronik dan pemacu luaran. Sistem enkripsi ini direka untuk memitigasi kebocoran maklumat dan dokumen dikunci apabila dikongsi dengan penerima yang tidak sah. Dokumen dienkrp berdasarkan kepada tahap-tahap sensitiviti yang menentukan cara pengurusannya seperti Dokumen Terperingkat (Terhad) dan hanya untuk edaran dalaman sahaja, Dokumen Sensitif serta Dokumen Terperingkat (Sulit, Rahsia dan Rahsia Besar);
- **TH's** Information and Communication Technology Policy (ICT Policy) is designed and documented outlining the policies and procedures to ensure the security, confidentiality, integrity, availability of information, data and applications within the organization. Through the implementation and compliance with this policy, it can control the use of IT hardware and security of information in digital form. The features of **TH** ICT Security System comprise Data Leakage Protection, Content Filtering, Report Monitoring on the use of systems, applications, computer peripherals including USB devices and security protection parameters;
- In compliance with the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, the AML/CFT System is integrated into the Depositor System. Training and briefing sessions pertaining to AML/CFT are carried out with **TH's** personnel on a continuous basis;
- **TH** also uses the Enterprise Risk Management method in managing its risks;
- To ensure better computer services and reduce risks in supporting business operations and customer service, **TH** provides a **TH** Data Centre that meets International Standards Certification by the Uptime Institute (Data Centre Tier 3 specification) and also with high level of security and strict Data Centre control and monitored continuously;
- To ensure the security of sensitive and classified documents are being controlled, safe and not exposed to the public, **TH** implemented the security control mechanism that includes document encryption and watermarking on all classified documents, both in physical form or shared documents with authorised recipients through electronic devices such as e-mails and external drives. This encryption system is designed to mitigate information leakages. Documents are locked when shared with unauthorised recipients. The documents are encrypted based on sensitivity levels which define how they should be dealt with such as Classified Documents (Restricted) and strictly for internal circulation only, Sensitive Documents and Classified Documents (Confidential, Secret and Top Secret);



- Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM Berhad bagi:
  - Jabatan Haji (Pengurusan dan Operasi Perkhidmatan Haji di Malaysia dan Arab Saudi);
  - Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi (Penyampaian Perkhidmatan Pelanggan dan Tabungan); dan
  - Bahagian Pentadbiran dan Perolehan (Perkhidmatan Pengurusan Perolehan).
- Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MS 1772:2011 bagi Skop Pengurusan Bangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti oleh pihak SIRIM Berhad.
- Certification of Quality Management System (QMS) ISO 9001:2008 given by SIRIM Berhad for:
  - Hajj Division (Pilgrimage Services Management and Operations in Malaysia and Saudi Arabia);
  - Depositor Services and Operations Division (Customer Service Delivery and Savings); and
  - Administration and Procurement Division (Procurement Management Services).
- Certification of MS 1772: 2011 by SIRIM Berhad under the Scope of Building Management and Maintenance of Facilities.

### Pengurusan Sumber Manusia

- **TH** sentiasa memberi penekanan bagi mempertingkatkan tahap profesionalisme di kalangan anggota melalui proses pengambilan, latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersesuaian;
- **TH** telah membangunkan Indeks Penilaian Prestasi dalam membuat penilaian tahunan ke atas prestasi pengurusan pertengahan dan tertinggi;
- **TH** adalah komited untuk menjadi organisasi yang dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus serta bebas daripada gejala rasuah seperti mana dizahirkan dalam Ikrar Integriti Korporat **TH**;
- **TH** melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memastikan persekitaran dan premis **TH** adalah selamat serta sihat untuk semua anggota **TH** dan juga pihak lain dalam aktiviti-aktiviti pekerjaan yang dijalankan. Dasar ini akan sentiasa dinilai dan disemak semula dari semasa ke semasa secara berkala berdasarkan kepada perundangan dalam usaha meningkatkan pengurusan dan keselamatan di **TH**;
- Dasar bagi Pendedahan Maklumat Tentang Salah Laku di Tempat Kerja diwujudkan bagi memastikan proses pelaporan maklumat salahlaku anggota dibuat mengikut prosedur dan cara yang diperuntukkan oleh polisi dalaman. **TH** telah menyediakan saluran e-Whistleblowing untuk maklumbalas atau aduan di dalam laman webnya;

### Human Resource Management

- **TH** has always emphasized on improving the level of professionalism among staff through appropriate process of recruitment, training and performance evaluation system;
- **TH** has also developed a Performance Assessment Index as a basis to make annual assessment on the performance of its middle and senior management;
- **TH** is committed to be an organization that creates fair, transparent and independent business environment that is free from corruption as stated in **TH's** Corporate Integrity Pledge;
- The implementation of Occupational Health and Safety Policy in **TH** is to ensure the environment and premises are safe and healthy for all the staff and also other parties when carrying out their work. This policy will be continuously evaluated and revised from time to time on a regular basis based on the regulation in order to improve the management and safety of **TH**;
- A Whistleblowing Policy was put in place to ensure that the reporting process for cases of staff misconduct is carried out in accordance with procedures and methods provided by **TH's** internal policy. **TH** has provided an e-Whistleblowing channel on its website to receive feedbacks or complaints;

- **TH** mewujudkan Polisi Integrity Pact dalam urusan Perolehan **TH** di mana ianya merupakan satu proses pengisytiharan secara dokumen bertulis oleh pembida/orang awam dan anggota **TH** supaya tidak terlibat dalam amalan rasuah;
  - **TH** menguatkuasakan peraturan-peraturan tata tertib melalui Peraturan-Peraturan Tata tertib Tabung Haji 2010 dan Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib) 2010;
  - Kursus pengukuhan kerja dan ceramah integriti diberikan kepada anggota; dan
  - Dasar pusingan kerja terutama dalam kalangan anggota teller dilaksanakan secara berperingkat serta berterusan.
- **TH** has established an Integrity Pact Policy in **TH's** Procurement process where bidders/members of the public and **TH** staff are required to make a written declaration not to get involved in corrupt practices;
  - **TH** enforced disciplinary regulations through the Tabung Haji Disciplinary Regulations 2010 and Tabung Haji Regulations (Disciplinary Committee and Disciplinary Appeal Committee) 2010;
  - Job competency enhancement training and integrity talks are given to staff; and
  - Job rotation policy, especially among tellers, has been implemented in stages and on a continuous basis.

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan sama ada di peringkat **TH** mahupun Kumpulan dan akan terus menjalankan proses mengenal pasti, menganalisa dan mengurus risiko utama yang mungkin dihadapi sepanjang tahun.

Proses tersebut akan selalu dikaji oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan akan dilakukan dengan panduan Piagam Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit.

Sistem kawalan dalaman yang telah dilaksanakan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa secara berterusan selaras dengan perubahan persekitaran.

Penyata ini telah disediakan sejajar dengan kelulusan Lembaga Pengarah bertarikh 13 April 2017.

The Board is satisfied with the system of internal controls that have been established at either **TH** or its Group and will continue to carry out the process of identifying, analyzing and managing significant risks that may be encountered during the year.

These processes will be reviewed constantly by the Board of Directors via the Audit Committee. Inspections will be made based on the Internal Audit Charter under the guidance of the Audit Committee.

Internal control systems that have been implemented will be continuously upgraded from time to time in line with changes in the environment.

This statement is prepared in line with the Board of Directors approval made on 13 April 2017.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

## Audit Committee Report



### Jawatankuasa Audit

Rujukan dan pelantikan ahli Jawatankuasa Audit yang berkuat kuasa adalah mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 – Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

### Keahlian Jawatankuasa Audit 2016

Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif. Senarai Ahli Jawatankuasa Audit tahun 2016 adalah seperti berikut:

Nama   Name	Status Jawatan   Position
<b>Tan Sri Othman Mahmood</b> Dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 25 Februari 2016   Appointed as Chairman of the Audit Committee on 25 February 2016	Pengerusi   Chairman Wakil Jabatan Perdana Menteri   Representative of the Prime Minister's Department
<b>Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah</b>	Wakil Perbendaharaan   Treasury Representative
<b>Datuk Rosni Sohar</b> Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit pada 22 Februari 2016   Appointed as Member of the Audit Committee on 22 February 2016	Ahli   Member

### Kekerapan Mesyuarat

Kuorum mesyuarat ialah dua orang ahli dan Ketua Audit Dalam sebagai Setiausaha. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan **TH** akan turut hadir atas jemputan daripada Jawatankuasa. Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak dua kali sepanjang tahun 2016 iaitu pada tarikh seperti berikut:

- Mesyuarat Pertama – 6 April 2016
- Mesyuarat Kedua – 5 Ogos 2016

### Audit Committee

Reference and appointment of its active members of Audit Committee are in accordance with The General Circular No. 3 1998 – Guidelines on Roles and Responsibilities of The Ministry, Board of Directors and Chief Executive in the Management of the Federal Statutory Bodies.

### 2016 Audit Committee Membership

The Committee comprises Non-Executive Directors. Members of the Audit Committee for 2016 are as follows:

### Frequency of Meeting

The required quorum is two members and the Chief Internal Auditor acts as the Secretary. The Group Managing Director and Chief Executive Officer and Senior Management of **TH** will attend as invitees. The Audit Committee met twice in 2016 on the following dates:

- First Meeting – 6 April 2016
- Second Meeting – 5 August 2016

## Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat semua aktiviti yang termasuk dalam bidang kuasanya;
- Memperolehi semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya;
- Memperolehi semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan semua aktiviti;
- Komunikasi dengan juruaudit luar dan dalam serta pihak pengurusan Kumpulan **TH**;
- Mendapatkan khidmat nasihat profesional atau guaman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan; dan
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan dalam.

## Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit kepada Jemaah Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji, menilai dan melaporkan mengenai perkara-perkara berikut:

- Menetapkan skop audit dan perancangan audit dalaman;
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, kawalan dalaman dan operasi yang efektif dilaksanakan;
- Memastikan juruaudit mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mereka;
- Memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan demi mengukuhkan kawalan dalaman;
- Memastikan tiada sebarang urusan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan terhadap integriti Pengurusan **TH**;
- Mengkaji struktur Bahagian Audit Dalam untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesannya dalam melaksanakan fungsinya;
- Mengkaji dan meluluskan perubahan dalam tumpuan dan kaedah pengauditan seperti pendekatan audit berasaskan pematuhan kepada audit berasaskan risiko. Ini termasuklah mengkaji garis panduan audit serta kaedah pengauditan berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik; dan
- Mengkaji keperluan anggota dan latihan yang diperlukan anggota Audit Dalam bagi melaksanakan tugas dengan lebih kompeten, efisien dan efektif.

## Terms of Reference

The Audit Committee is given authority by the Board to:

- Investigate all activities within its terms of reference;
- Access to all the necessary resources to carry out their duties;
- Access to all information and documents relevant to all their activities;
- Communicate directly with external and internal auditors as well as **TH's** Group Management;
- Seek expert and experienced professional or legal advices on related matters; and
- Hold meetings with external and internal auditors.

## Duties and Responsibilities

The Audit Committee's duties and responsibilities to the Board of Directors are to examine, assess and report on the following matters:

- Determination of scope of audit and the internal audit plan;
- Ensure that the internal policies, procedures and guidelines, internal control and operations implemented are effective;
- Ensure auditors have the authority to carry out their duties;
- Ensure improvement actions are implemented for tighter internal control;
- Ensure that no transactions may give rise to conflict of interests and raise doubts on the integrity of **TH's** Management;
- Review the structure of the Internal Audit Division to improve as well as enhance the efficiency and effectiveness in carrying out its functions;
- Review and approve changes in the audit focus and approach, such as from compliance-based to risk-based audits. This includes reviewing the audit guidelines and risk-based audit approach based on industry standards and global best practices; and
- Review staff requirements and their training needs to ensure that Internal Audit staffs are competent, efficient and effective in conducting audit assignments.

# LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

## Risk Management Report

Pendekatan Pengurusan Risiko Bersepadu (ERM) terus digunakan pada seluruh organisasi untuk menguruskan potensi risiko secara berhemah berdasarkan toleransi risiko dan pelan mitigasi yang ditetapkan untuk memastikan pencapaian objektif strategik **TH**.

The Enterprise Risk Management (ERM) approach is adopted across the organisation to manage potential risks prudently based on the risk tolerance and mitigation plan set to ensure the achievement of **TH**'s strategic objectives.

### Kenyataan Dasar Pengurusan Risiko

Setiap aktiviti perniagaan yang diceburi boleh menimbulkan pelbagai jenis risiko di tahap-tahap yang tertentu berdasarkan kepada kebarangkalian dan impak. Risiko-risiko ini hendaklah dikenalpasti, diukur, dinilai dan diurus secara bersepadu dan konsisten oleh **TH** sendiri.

### Risk Management Policy Statement

Every business activities undertaken may trigger potential risks with different risk levels based on its probability and impact. These risks must be identified, evaluated, reviewed and managed integrally and consistently by **TH**.

### Objektif Pengurusan Risiko

Untuk melindungi **TH** daripada kegagalan untuk mencapai visinya sebagai institusi yang menjana ekonomi ummah yang unggul dan pengurusan haji yang cemerlang melalui pengurusan risiko yang efektif dan bersepadu.


### Risk Management Objective

To protect **TH** from failure in achieving its vision of becoming the institution that generates ummah economic success and excellence in pilgrimage management through an effective and integrated risk management.

### Proses Pengurusan Risiko

### Risk Management Process

#### Proses Pengurusan Risiko | Risk Management Process



### Risiko-Risiko Utama TH dan Mitigasinya

- Risiko Keselamatan Dokumen**

Beberapa tindakan kawalan telah diambil seperti berikut:

- Penambahbaikan berterusan kepada sistem *Data Leak Prevention* di mana kandungan sensitif digunakan oleh anggota dipantau dan laporan terperinci dikeluarkan; dan
- Pelaksanaan Mekanisme Kawalan Keselamatan termasuk enkripsi dokumen dan penggunaan *watermark* ke atas dokumen terperingkat.

Dokumen dienkrp berdasarkan tahap-tahap sensitiviti:

### Material Risks of TH and its Key Risk Mitigations

- Document Security Risk**

Several control measures have been taken as follows:

- Continuous enhancement to the Data Leak Prevention system where sensitive contents used by staff are monitored and detailed reports are produced; and
- The implementation of Security Control Mechanism that includes document encryption and watermark on classified documents.

Documents are encrypted based on sensitivity levels:

Tahap Sensitiviti   Sensitivity Level	Jenis Dokumen   Type Of Documents
Hijau   Green	Dokumen Terperingkat (Terhad) dan hanya untuk edaran dalaman sahaja. Classified Documents (Restricted) and strictly for internal circulation only.
Kuning   Yellow	Dokumen Sensitif. Sensitive Documents.
Merah   Red	Dokumen Terperingkat (Sulit, Rahsia dan Rahsia Besar). Classified Documents (Confidential, Secret and Top Secret).



## • Risiko Kewangan

Secara keseluruhan bagi tahun 2016, penilaian risiko pelaburan menunjukkan bahawa tahap toleransi risiko untuk semua kelas aset adalah di antara sederhana dan tinggi. Dari segi kecairan tunai, **TH** mempunyai tunai dan aset bersamaan tunai mencukupi bagi menampung tahap pengeluaran tinggi.

Pada masa ini, **TH** mempunyai aset cair berkualiti tinggi secukupnya untuk menampung sebarang krisis kecairan.

Alokasi Aset Strategik (SAA) merupakan antara tonggak utama kawalan risiko kewangan di **TH**. SAA dikaji semula secara berkala bagi memastikan aset pelaburan sentiasa pada tahap optimum.

## • Risiko Operasi

Risiko Operasi adalah kemungkinan berlakunya kerugian akibat dari kegagalan atau kelemahan proses dalaman, manusia, sistem atau apa-apa peristiwa luaran yang boleh mengganggu proses dan operasi perniagaan **TH**. Bagi mengawal risiko operasi, berikut merupakan inisiatif-inisiatif utama yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016:

- Penilaian Risiko Operasi diperluaskan ke peringkat Pejabat **TH** Negeri dan Cawangan;
- Mengenalpasti risiko korporat **TH** yang boleh menghalang **TH** daripada mencapai objektif perniagaannya;
- Penilaian risiko yang menyeluruh ke atas projek-projek teknologi maklumat sebelum pelaksanaan dan pembangunan projek dimulakan;
- Projek menaiktaraf tapak alternatif bagi meneruskan operasi fungsi-fungsi perniagaan yang kritikal; dan
- Mengemaskini Analisis Keberkesanan Perniagaan bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa dan melaksanakan ujian-ujian bagi melihat keberkesanan Pelan Kesenambungan **TH** semasa bencana.

## • Financial Risk

Overall for the year 2016, investment risk assessment indicates that the risk tolerance level for all asset class is between medium and high. In terms of liquidity, **TH** has sufficient cash and cash equivalent assets to accommodate high level of withdrawals.

Currently, **TH's** High Quality Liquid Asset is sufficient to withstand any liquidity crisis.


Strategic Asset Allocation (SAA) has been one of the mainstays of the financial risk control in **TH**. The SAA is reviewed regularly to ensure the assets are invested at optimum level.

## • Operational Risk

Operational risk is defined as possibility of losses resulting from the failure or weaknesses of internal processes, people, systems or any external events that can disrupt **TH's** process and business operations. To control operational risks, the following are the main initiatives which have been implemented in 2016:

- Operational Risk Assessment are extended throughout **TH's** state and branch offices;
- Identify **TH** corporate risks which could prevent **TH** from achieving its business objectives;
- Comprehensive risk assessment on information technology projects prior to implementation and development of the projects;
- Upgraded alternate site project for the continuation of operations for critical business functions; and
- Business Impact Analysis updates exercise to adapt with current operational needs and perform various tests to gauge the effectiveness of **TH** Business Continuity Plan during disaster.

Kad Skor Risiko Operasi 2016 (Aras Risiko Sisa) |  
2016 Operational Risk Scorecard (Residual Risk Rating)



• Risiko Operasi Haji

Secara keseluruhan, risiko tahun 1437H adalah didapati berada di tahap sederhana dan terkawal. Untuk Musim Haji 1437H, fokus pengurusan risiko haji tertumpu kepada tiga ruang kerja iaitu :

- Memantau isyarat amaran awal risiko melalui Petunjuk Risiko Utama yang telah dikenalpasti;
- Menilai dan memantau keberkesanan kawalan risiko terutama risiko yang di tahap tinggi; dan
- Memastikan kesiapsiagaan Operasi Haji di Tanah Suci dalam menghadapi bencana.

Selain daripada itu, **TH** berterusan meningkatkan pengurusan risiko operasi haji dengan inisiatif seperti berikut:

- Menambahbaik Pelan Pengurusan Bencana Operasi Haji Tanah Suci;
- Mengadakan Latihan Table Top untuk menyediakan Pasukan Tindakan Kecemasan akan sebarang bencana keselamatan di Tanah Suci; dan

• Hajj Operation Risk

Overall, the risk for the year 1437H hajj operations was moderate and under control. For the 1437H Hajj Season, the hajj risk management is focused on three areas of work, namely:

- To monitor early warning signals of possible risks through identified Key Risk Indicators;
- To assess and monitor the effectiveness of risk controls especially those recognized as high level of risk; and
- To ensure Hajj Operation in the Holy Land is ready to face any disaster.

In addition, **TH** continues to enhance its hajj operation risk management by setting up initiatives such as:

- Enhancing Disaster Management Plan for Hajj Operation in the Holy Land;
- Organising Table Top Exercise to ensure Emergency Response Team are ready for any disaster in the Holy Land; and

- Memantau secara dekat keberkesanan setiap kawalan yang telah dibangunkan semasa Operasi Haji Tanah Suci berlangsung.

- Close monitoring of controls effectiveness that has been developed during Hajj Operation in the Holy Land.

**• Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)**

**• Anti-Money Laundering and Counter Financing Terrorism (AML/CFT)**

Antara risiko dan tindakan kawalan yang telah dijalankan sepanjang 2016 adalah seperti berikut:

Among the risks and control actions which were implemented during 2016 are as follows:

Cabaran 2016   Challenges in 2016	Kawalan dan Pelan Mitigasi   Controls and Mitigation Plans	Inisiatif Utama Sepanjang 2016   2016 Key Initiatives
<p>Memastikan pematuhan menyeluruh terhadap Akta AMLATFPUAA 2001 dan Sektor 1 oleh Bank Negara Malaysia (BNM). To ensure the compliance to AMLATFPUAA 2001 Act and Sector 1 of Bank Negara Malaysia (BNM).</p>	<p>Peningkatan pemahaman dan kesedaran AML/CFT secara meluas melalui latihan yang kerap dan berterusan. Increasing understanding (awareness) of AML/CFT through regular and on-going training.</p>	<p>Latihan, bengkel dan seminar untuk anggota TH, Pengurusan Kanan dan Ahli Lembaga Pengarah. Training, workshop and seminar for employees, Senior Managements and Board Members.</p>
<p>Memupuk budaya pematuhan dan menanam rasa bertanggungjawab menguruskan risiko sepanjang masa dan semasa operasi harian. To cultivate compliance culture and to instil sense of responsibility to manage risk at all time and daily business operations.</p>	<p>Pelaksanaan Sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram komprehensif. Implementing a comprehensive Anti-Money Laundering System.</p>	<p>Penguatkuasaan pematuhan AML/CFT bagi cawangan dan pelantikan pegawai pematuhan untuk setiap pejabat cawangan. Enforcing AML/CFT compliance check for branches, and appointing branch compliance officer.</p>
<p>Membangunkan pendekatan strategik yang komprehensif dan bersepadu bagi memastikan maklumat dan keputusan sejajar dengan peraturan yang ditetapkan. To develop comprehensive and integrated strategic approach in order to ensure information and decision-making comply with the regulatory expectations.</p>	<p>Penambahbaikan standard prosedur operasi, melaksanakan penambahbaikan kepada sistem teras, meningkatkan kaedah-kaedah pengurusan kes serta menyemai dan merealisasikan budaya pematuhan di semua peringkat organisasi dan di setiap aktiviti. Improving guidelines standards operating procedure, performing enhancement to core system, enhancing case management rules and cultivating and realizing compliance culture at all levels of the organisation and activities.</p>	<p>Mengkaji dan memperbaiki dasar AML/CFT di TH, dasar penerimaan pelanggan, usaha wajar pelanggan, pemantauan transaksi mencurigakan, penilaian sendiri pelanggan, pemeriksaan/penyaringan pekerja, penyimpanan rekod dan pelaporan kepada badan-badan berkuasa. Reviewing and improving TH's AML/CFT policy, customer acceptance policy, customer due diligence, suspicious transaction monitoring, customer self-assessment, employee screening, record keeping and reporting to regulatory bodies.</p>
<p>Mengenal pasti risiko dan mengadaptasikan ke dalam konsep selera risiko dalam pendekatan yang sedia ada. To identify risk inherent and to embed it into the concept of risk appetite within the existing approach.</p>	<p>Penggunaan teknologi untuk memantau, mengkaji semula, menilai, dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan berasaskan risiko dan pendekatan yang praktikal. Utilising technology to monitor, review, evaluate, escalate and report suspicious activities using risk-based and practical approach.</p>	<p>Penambahbaikan secara berterusan bagi modul sistem AML/CFT sedia ada untuk menutup mana-mana jurang pengawalseliaan dan memperbaiki sebarang kekurangan kawalan. Further enhancing the quality of existing AML/CFT system module to close any regulatory gaps and control deficiencies.</p>
<p>Untuk menguji dan memastikan keberkesanan kawalan serta kajian Sistem AML/CFT secara berkala dalam mengenal pasti sebarang jurang dan kekurangan dalam pematuhan peraturan pengawalseliaan. To test and ensure control effectiveness and to regularly review the AML/CFT System to identify any regulatory gaps and control deficiencies.</p>	<p>Penambahbaikan berterusan dengan menguasai dan mengemaskini pemahaman terhadap ancaman dan kelemahan sistem yang boleh mempengaruhi keberkesanan program AML/CFT TH. Constant improvement by continually capture and update understanding of threats and system weaknesses that can influence the effectiveness of TH AML/CFT program.</p>	<p>Pelaporan kerap tentang penilaian risiko utama AML/CFT, hasil tinjauan pematuhan TH terhadap AMLATFPUAA 2001 dan Sektor 1 BNM, serta isu-isu lain yang berkaitan kepada pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah. Regular reporting on key AML/CFT risk assessment, outcome of the reviews of TH's compliance with the AMLATFPUAA 2001 and Sector 1 BNM, as well as other related issues to Senior Managements and Board Members.</p>

### • Pematuhan

lanya ditakrifkan sebagai risiko kegagalan mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan dalaman yang boleh menjejaskan operasi. Aktiviti-aktiviti kawalselia pematuhan yang dijalankan adalah:

- **Risiko Pematuhan dan Penilaian**  
Menjalankan penilaian ke atas pejabat cawangan dan mengkaji serta menilai tahap pematuhan cawangan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- **Pengurusan Pematuhan dan Mitigasi**  
Dijalankan ke atas cawangan yang terpilih berdasarkan transaksi yang tinggi bagi menilai tahap pematuhan, kecukupan dan keberkesanan mekanisme kawalan yang sedia ada.
- **Pemantauan Pematuhan**  
Pemantauan terhadap keberkesanan kawalan dan usaha mitigasi untuk memenuhi obligasi terhadap peraturan.
- **Laporan Pematuhan**  
Menyediakan laporan pematuhan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pengurusan Kanan bagi menggalakkan kesedaran berterusan mengenai kepentingan pematuhan dan kesan ketidakpatuhan seperti sekatan perundangan atau peraturan, potensi kerugian kewangan dan kehilangan reputasi.

### Melangkah Ke Hadapan

Dalam memastikan **TH** kekal kuat demi menghadapi cabaran yang mendatang, **TH** akan terus meningkatkan keupayaan dalam penggunaan ERM dengan sasaran untuk memperluaskan pendekatan tersebut kepada anak-anak syarikat. Penambahbaikan dan inisiatif berterusan akan dibuat di seluruh peringkat **TH** dalam menempuh risiko yang bakal timbul. **TH** komited untuk terus menambahbaik rangka kerja pengurusan risiko, keupayaan, dan budaya di seluruh peringkat Kumpulan untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang dan kemampunan perniagaan **TH**.

### • Compliance

It is defined as the risk of failure to comply with legal requirements and internal regulations that may affect operations. Regulatory compliance activities conducted are:

- **Compliance Risk and Identification Assessments**  
Performed assessments at branches and to review and assess the level of compliance of predetermined guidelines.
- **Compliance Management and Mitigation**  
Conducted at selected branches with high volume transactions in order to assess level of compliance, adequacy and effectiveness of existing control mechanism.
- **Compliance Monitoring**  
Monitoring of the effectiveness of control and mitigation effort to satisfy regulatory obligations.
- **Compliance Reporting**  
Providing compliance reports to Risk Management Committee and Senior Management to promote continuous awareness of the importance of compliance and the effect of non-compliance such as legal restrictions or regulations, potential for financial loss and loss of reputation.

### Moving Forward

In ensuring that **TH** stays strong while facing the challenges ahead, **TH** continues to enhance its ERM capabilities with the aim to extend the approach to **TH** subsidiaries. Continuous improvements and initiatives will be made across all functions in **TH** in the light of the emerging risks. **TH** is committed to continually improving **TH** risk management framework, capabilities and culture across the Group so as to ensure the long-term growth and sustainability of **TH**'s businesses.

# LAPORAN INTEGRITI

## Integrity Report



Pada sepanjang tahun 2016 Bahagian Integriti telah memberi tumpuan terhadap pelaksanaan dan pembentukan Pelan Integriti **TH**, Pek Integriti, Kod Etika Perniagaan, Kod Etika Pembekal dan Polisi 'Whistle Blowing' yang telah dibangunkan pada tahun sebelumnya. Di samping itu, Bahagian Integriti telah mengambil langkah mempertingkatkan imej **TH** dari perspektif integriti ke arah memantapkan keyakinan masyarakat terhadap organisasi ini. Lima bidang keberhasilan ditetapkan iaitu:

- Tadbir urus yang mantap, telus dan berintegriti;
- Pengurusan maklumat yang diterima secara efektif;
- Pematuhan kepada sistem dan prosedur kerja;
- Pengendalian kes-kes khidmat rundingan dengan cekap, berkesan dan berhemah; dan
- Keterlibatan semua peringkat lapisan pengurusan dan anggota **TH** serta anak-anak syarikat bagi program integriti secara efektif.

Selari dengan penubuhan **TH** untuk memartabatkan ekonomi ummah, adalah menjadi prasyarat **TH** untuk meletakkan integriti pada tahap yang tinggi. Bagi mencapai visi dan misi tersebut, **TH** telah mengorak langkah dengan menyusun strategi bagi memperkasa integriti secara cekap dan berkesan serta patuh syariah sebagai teras untuk meningkatkan ekonomi ummah. Seajar dengan hasrat tersebut, **TH** telah:

- Menambahbaik standard amalan tadbir urusnya;
- Mempertingkatkan tahap integriti, ketelusan dan ketinggian sahsiah tanpa bertolak ansur kepada penyelewengan, rasuah serta mutu perkhidmatan kepada masyarakat;
- Melaksanakan program pencegahan dan pendidikan yang komprehensif dan berskala besar melalui komunikasi bersemuka, medium interaktif elektronik dan media cetak;
- Menyemak keberkesanan usaha pencegahan rasuah dan kawalan dalaman, menguatkuasa mekanisme semakan dan keseimbangan bagi menutup peluang dan ruang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam sistem, prosedur dan tatacara kerja; dan
- Membina keutuhan dan kecekapan melalui beberapa perubahan dan penambahbaikan terhadap aspek prosedur kerja, pengurusan amalan tadbir urus dan modal insan.

Justeru, **TH** memberi penekanan kepada usaha membina penghayatan dan pembudayaan terhadap integriti sebagai pendekatan untuk menyemai jiwa integriti ke dalam diri semua anggota **TH**.

In 2016, the Integrity Division focused on the implementation and formation of **TH** Integrity Plan, Integrity Pact, Code of Business Ethics, Code of Supplier Ethics and Whistle Blowing Policy which were developed in the year before. Furthermore, Integrity Division had taken steps to enhance **TH**'s image from integrity perspective in order to strengthen public's confidence towards the organisation. Five key result areas specified are:

- A sound governance with high integrity and transparency;
- Effective management of information received;
- Compliance with system and work procedures;
- Efficient, effective and cautious in handling consultative cases; and
- Effective participation from all levels of management and members of **TH** as well as its subsidiaries in integrity programmes conducted.

Lifting integrity to the highest level has always been the ever-important prerequisite at **TH**, which justifiably is in line with the vision of the establishment of **TH**, to elevate the economic status of the ummah. To achieve this vision and mission, **TH** has devised various strategies to efficiently and effectively reinforce integrity as well as to be shariah-compliant, so as to uphold the core to improve the economy of ummah. In line with the above, **TH** has:

- Improved the standard of governance practices;
- Enhanced the level of integrity, transparency and impeccable character, without compromising on malpractices, corruptions as well as service standards to the community;
- Conducted large-scale and comprehensive prevention and education programmes through face-to-face communications, interactive electronic and printed medium;
- Reviewed the efficacy of anti-corruption initiatives and internal control, as well as enforcing a check and balance mechanism to eradicate any opportunities for bribery, malpractice and abuse of power within the systems, procedures and work processes; and
- Developing strength and efficiency, through the implementation of various changes and improvement towards work procedure, governance practice and human capital management.

As such, **TH** emphasised on efforts that develop appreciation and acculturation of integrity as an approach to nurturing the spirit of integrity among all **TH** members.

## Memperkasa Peranan Bahagian Integriti Melalui Mekanisme Pelaporan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

**TH** telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) berdasarkan Pekeliling Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 menggantikan Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU). Peranan dan tanggungjawab JITU adalah untuk mengenalpasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan sumber-sumber berikut:

- Laporan auditan antaranya Laporan Audit Negara dan Laporan Audit Dalam; dan
- Enam terma rujukan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan iaitu dasar dan perundangan; sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan; tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan; pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika; pengurusan pelanggan; dan membina permuafakatan dengan pihak berkepentingan.

Agenda mesyuarat JITU adalah meliputi isu-isu berikut:

- Pematuhan, tadbir urus dan pelanggaran peraturan berdasarkan penemuan audit;
- Laporan statistik maklumat 'Whistle Blower' **TH** dan isu-isu utama semasa;
- Pembentangan laporan tatatertib **TH**;
- Laporan pengurusan aduan melalui Tabung Haji Contact Centre (THCC) dan Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan **TH**;
- Laporan maklum balas JITU berdasarkan enam terma rujukan; dan
- Laporan maklum balas pejabat cawangan **TH**.

Struktur pelaporan JITU di peringkat cawangan dan negeri **TH** diwujudkan melalui pelantikan Pengurus Besar Operasi Pejabat Cawangan (OPC) sebagai wakil. Isu-isu integriti di peringkat Negeri disalurkan oleh semua Pengarah **TH** Negeri selaku Duta Integriti di peringkat negeri kepada Pengurus Besar OPC.

## Empowering Integrity Division's Role Through Integrity and Governance Committee Reporting Mechanism (JITU)

**TH** had formed the Integrity and Governance Committee (JITU) to replace the Governance Committee (JKTU) based on The Prime Minister's Directive Circular No. 1 Year 2014. The roles and responsibilities of JITU are to identify issues, problems and steps for improvement based on the following sources:

- Audit reports, such as, the Auditor General's Report and Internal Audit Report; and
- Six terms of reference to solidify the soundness of Government's administration management, which include policy and law; service delivery systems and procedures; detection, punitive and rehabilitation actions; acculturation of values and code of ethics; customer management; and building mutual understanding with stakeholders.

JITU meeting agenda includes the following:

- Compliance, governance and violation of regulations based on audit's findings;
- The statistical report of **TH** Whistle Blowing information and the current burning issues;
- **TH** disciplinary report presentation;
- Complaint management report through the Tabung Haji Contact Centre (THCC) and **TH** Group Corporate Communication Division;
- JITU feedback report based on the six terms of reference; and
- **TH** Branch Office feedback report.

The reporting structure of JITU at **TH** branch and state level was established through the appointment of the General Manager of Branch Office Operation (OPC) as representative. Integrity issues at state level are channelled to the OPC General Manager by **TH** State Directors who are the state's Integrity Ambassador.




## Integriti dan Pematuhan

**TH** membina, merancang dan melaksanakan program bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran mengenai pengurusan integriti melalui pelbagai kaedah komunikasi antaranya bicarawara Bicara Integriti, forum, rundingan meja bulat, dokumen integriti dan lain-lain pendekatan kepada anggota **TH**, Ahli Lembaga Pengarah **TH**, Ketua-ketua anak syarikat, pembida, petender, pelanggan **TH** dan pihak-pihak berkepentingan. Melalui program komunikasi, **TH** akan dapat:

- Membentuk persekitaran perniagaan yang adil, telus dan berintegriti, bebas daripada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- Meningkatkan keberkesanan tadbir urus korporat terbaik dan etika perniagaan untuk kepentingan pihak berkepentingan dan pendeposit **TH**;
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan kawalan dalaman; dan
- Penerapan dan pembudayaan integriti dalam organisasi.

Dalam membina organisasi berintegriti tinggi, **TH** melalui pendekatan pendidikan dan pematuhan melaksanakan tindakan berikut:



## Integrity and Compliance

**TH** builds, plans and implements programmes to enhance knowledge, awareness and skills in integrity management through various communication methods that includes *Bicara Integriti* roadshow, forum, round-table discussion, integrity document and other approaches for **TH** members, Board of Directors, Head of subsidiaries, bidders, tenderers, customers and stakeholders. Through communication programmes, **TH** is able to:

- Establish a business environment which is fair, transparent and with high integrity, free from corruption, malpractice and abuse of power;
- Elevate the effectiveness of good corporate governance and business ethics for the interest of **TH**'s stakeholders and depositors;
- Improving the efficiency in service delivery system and internal control; and
- Instil and acculturate integrity in the organisation.

In building an organization of high integrity, through education and compliance approaches, **TH** had implemented these actions:

Pendekatan komunikasi mengenai integriti menggunakan media berikut:

- **Media Cetak**

Maklumat dan polisi-polisi integriti turut dicetak dalam bentuk brosur dan diedarkan kepada anggota **TH** dan pihak berkepentingan dalam program-program integriti untuk penyebaran maklumat integriti.

Communication approach in relation to integrity is supported using the following medium:

- **Printed Media**

Information and policies on integrity were printed in brochure format and distributed to **TH** members and stakeholders during various integrity programmes in order to spread information on integrity.



- **Media Elektronik**

Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memberikan satu slot bersiaran secara langsung melalui media elektronik di MACCFM yang merupakan saluran radio internet kendalian SPRM kepada Ketua Pegawai Integriti **TH** pada 13 Oktober 2016 dalam slot "Tokoh". Topik yang dibincangkan adalah kepentingan Ketua Pegawai Integriti di agensi luar untuk dikongsikan bersama pendengar di dalam dan di luar negara.

- **Electronic Media**

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) provided a live airtime slot via electronic media on MACCFM, an internet radio channel operated by MACC, to **TH** Chief Integrity Officer on 13 October 2016 through a slot called 'Tokoh'. The topic that was discussed and shared with the listener in and outside of the country was on the importance of Chief Integrity Officer in external agencies.

## Tadbir Urus

Bahagian Integriti **TH** bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu tadbir urus; pengukuhan integriti; pematuhan; tata tertib; pengesanan dan pengesahan; dan pengurusan aduan. Melalui tadbir urus, Bahagian Integriti bertanggungjawab melaksanakan peranan berikut:

- Meningkatkan amalan tadbir urus korporat terbaik melalui usaha memastikan pematuhan kepada proses kerja, sistem, kod etika kerja dan piagam pelanggan;
- Melaksanakan kod etika bagi mengawal selia syarikat dan orang perseorangan yang berurusan dengan **TH** melalui perkhidmatan dan pembekalan; dan
- Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dengan cara penambahbaikan sistem, prosedur dan tatacara kerja serta menutup peluang dan ruang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

## Kempen Kesedaran dan Pengiktirafan

**TH** telah melaksanakan Pertandingan Pejabat Paling Berintegriti di peringkat pejabat cawangan dan di ibu pejabat **TH** bagi memupuk semangat integriti, meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran dan kemahiran anggota **TH** mengenai pengurusan integriti. **TH** turut mengadakan pelbagai pertandingan terbuka kepada orang awam dan anggota **TH** seperti Pertandingan Menulis Esei Integriti **TH** dan Pertandingan Lukisan Kartunis yang Melambangkan Integriti bertujuan untuk menyebarkan mesej pembudayaan integriti di **TH**, selain mesej anti-rasuah.

## Governance

**TH** Integrity Division is responsible for implementing six core functions, namely governance; integrity reinforcement; compliance; disciplinary; detection and substantiation; and complaint management. Through governance, the Integrity Division is responsible for carrying out the following roles:

- Improving on the practice of good corporate governance by ensuring compliance with work processes, systems, code of work ethic and customer's charter;
- Implementing code of ethics to regulate companies and individuals that conduct businesses with **TH** through supply and services; and
- Enhancing management transparency by improving work system, procedure and practice and eradicate any openings for bribery, malpractice and abuse of power.

## Awareness Campaign

**TH** had conducted a competition for 'The Highest Integrity Office' at its branches as well as at head office to nurture the spirit of integrity, enhancing the level of knowledge, awareness and skills among **TH** personnel on integrity management. **TH** had also organised various competitions which were opened to the public and **TH** personnel, which include **TH** Integrity Essay Writing Competition and Cartoon Drawing that Symbolises Integrity, which aimed to spread the message on acculturation of integrity in **TH** as well as anti-corruption messages.



Lukisan-Lukisan Yang Memenangi Pertandingan Lukisan Kartunis IntegrITI TH  
Winning Drawings For TH Integrity Cartoon Drawing Competition





### Konsep Deposit Tabung Haji

Antara objektif utama penubuhan **TH** adalah untuk menyediakan tabungan bagi membolehkan umat Islam di Malaysia menyimpan wang bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji atau untuk pelaburan. Menerusi dana pendeposit yang besar, **TH** berupaya menceburi dunia pelaburan di peringkat tempatan dan antarabangsa, dengan sasaran untuk mengembangkan peranannya dalam memperkasa ekonomi ummah.

Oleh yang demikian, amatlah penting bagi **TH** memastikan akaun deposit **TH** adalah berlandaskan prinsip syariah dan bebas dari sebarang unsur riba. Akaun simpanan **TH** adalah berdasarkan konsep simpanan *wadi'ah yad dhamanah* iaitu konsep simpanan dengan jaminan. Berdasarkan konsep ini, pendeposit menyimpan wang dan memberi keizinan kepada **TH** untuk menggunakan wang tersebut bagi tujuan perniagaan, pelaburan dan sebagainya. **TH** sebagai penjaga bersetuju untuk menjaga wang tersebut dan memberi jaminan ke atas wang di bawah jagaannya.

Secara teori, pengertian *wadi'ah* seperti yang dikemukakan oleh Jumhur ulama' bermaksud "mewakilkkan orang lain untuk menjaga harta tertentu dengan cara tertentu". Manakala menurut ulama mazhab Hanafi *wadi'ah* ialah "mengikut sertakan orang lain dalam menjaga harta, sama ada melalui lafaz yang jelas, perbuatan atau isyarat".

### Keharusan *Wadi'ah*

*Wadi'ah* merupakan kontrak yang diharuskan dalam Islam. Keharusannya adalah berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

- **Al-Quran**

Allah S.W.T berfirman:

"Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah, Tuhannya"

(Al-Baqarah : 283)

"Sungguh Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaklah kamu menetapkannya dengan adil"

(An-Nisa' : 58)

### Deposit Concept Of Tabung Haji

Among the main objectives in the establishment of **TH** is to provide a mean of savings to enable Muslims in Malaysia to save money to fund their pilgrimage or for investments. Through these substantial depositors' funds, **TH** is able to venture into various investments, locally and internationally, with the aim to broaden its role in reinforcing the economy of the ummah.

It is therefore, imperative for **TH** to ensure that all of its deposit accounts are in accordance with shariah principles and completely untainted by any element of *riba*. **TH** savings account is based on *wadi'ah yad dhamanah*, which is a saving concept with guarantee. Based on this concept, depositors who save their money provide their consent to **TH** to use the money for business, investment and other purposes. As custodian, **TH** agrees to safeguard the money and pledges assurance on the money under its custody.

As put forth by the Jumhur Ulama' or majority of Islamic scholars, theoretically, *wadi'ah* means "appointing others to safeguard certain property in certain manner". Meanwhile, according to scholars from Hanafi school of thoughts, *wadi'ah* is "to include involvements of others in safeguarding property, either through clear pronouncement, actions or gestures".

### The Permissibility of *Wadi'ah*

*Wadi'ah* is a contract permissible in Islam. Its permissibility is based on the following evident:

- **Al-Quran**

Allah S.W.T says:

"Then if one of you entrusts the other, let the one who is entrusted discharge his trust, and let him have taqwa of Allah, his Lord"

(Al-Baqarah : 283)

"Verily, Allah commands that you should render back the trusts to those, to whom they are due; and that when you judge between men, you judge with justice"

(An-Nisa' : 58)

- **Hadis Rasulullah S.A.W.:**  
 “Tunaikanlah amanah kepada orang yang mempercayaimu (untuk menunaikan amanah kepadanya), dan jangan khianati orang yang telah mengkhianatimu”  
 (Sunan Abi Dawud, 3/290)
- **Ijma’**  
 Ulama’ juga telah bersepakat akan keharusan wadi’ah kerana transaksi *wadi’ah* merupakan keperluan dalam kehidupan manusia.

### Wadi’ah Yad Dhamanah

Walaupun penjaga di bawah akad *wadi’ah* pada asasnya tidak bertanggungjawab menjamin harta yang disimpan, terdapat beberapa perkara yang menjadikan penjaga bertanggungjawab menjamin harta tersebut. Dalam istilah kewangan Islam moden, keadaan ini dirujuk sebagai *Wadi’ah Yad Dhamanah*. Berikut merupakan beberapa contoh keadaan tersebut:

- Apabila penjaga menggunakan harta tersebut dengan izin;
- Apabila penjaga secara sengaja melupuskan harta itu; atau
- Apabila penjaga mencampurkan harta yang dijaganya dengan harta lain yang mana harta tersebut tidak boleh dibezakan.

Apabila berlaku keadaan-keadaan yang dinyatakan di atas, penjaga harta tersebut bertanggungjawab sebagai penjamin (*damin*) ke atas harta. Antara ciri-ciri penting bagi *Wadi’ah Yad Damanah* adalah:


- **Hadith Rasulullah S.A.W.:**  
 “Discharge the trust bestowed upon you by others (to make good on the trust to them) and do not betray those who have betrayed you”  
 (Sunan Abi Dawud, 3/290)
- **Ijma’**  
 Unanimity among Islamic scholars concerning the permissibility of *wadi’ah* was also achieved due to the needs of *wadi’ah* transaction in the life of the ummah.

### Wadi’ah Yad Dhamanah

Although the custodian under *wadi’ah* covenant is fundamentally not responsible to guarantee the property under custody, there are still several circumstances that render the custodian liable to guarantee the said property. According to modern Islamic financial terminology, these circumstances are referred to as *Wadi’ah Yad Dhamanah*. The following are a few instances of the circumstances:

- When the custodian uses the property with consent;
- When the property is purposely disposed by the custodian; or
- When the custodian mixes the property under custody with other properties that cannot be differentiated.

When the abovementioned circumstances transpire, the custodian of the property is responsible as a guarantor (*damin*) of the said property. The following characteristics delineate salient features of *Wadi’ah Yad Damanah*:





Berhubung pemberian hibah yang diberikan atas budi bicara penjaga sebagai pemilik keuntungan, hibah yang diberikan tidak boleh dijanjikan dari awal kerana menurut perspektif syariah, implikasi hukum *Wadi'ah Yad Damanah* adalah sama dengan *qard* (pinjaman). Oleh yang demikian, sebarang manfaat yang dijanjikan dianggap sebagai *riba*. Sebagaimana mafhum hadith Rasulullah S.A.W:

“Setiap pinjaman yang memberi manfaat kepada pemberi pinjam, maka ia adalah *riba*”.

Sehubungan itu, konsep *wadi'ah* sesuai diaplikasi sebagai kontrak yang mendasari konsep simpanan pendeposit **TH**. Pengaplikasian konsep ini membolehkan **TH** menggunakan serta melaburkan dana pendeposit bagi mendapatkan keuntungan dengan persetujuan pelanggan yang diperolehi di awal kontrak. Sekiranya dana tersebut sekadar disimpan atas dasar amanah, **TH** tidak berhak menggunakan dana tersebut bagi tujuan perniagaan kerana dana tersebut masih milik pelanggan sedangkan **TH** hanya bertindak sebagai pemegang amanah.

Oleh yang demikian, konsep *Wadi'ah Yad Damanah* ini dilihat dapat memberi ruang dan fleksibiliti kepada **TH** untuk mengembangkan lagi dana sedia ada untuk tujuan perniagaan dan pelaburan strategik yang seterusnya berupaya memperkukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam secara keseluruhannya.

In relation to hibah that is given according to the discretion of custodian as the owner of profit, it can never be initially pledged due to the implication of *Wadi'ah Yad Damanah*, which according to shariah's standpoint is the same as *qard* (loan). As such, any pledged benefit is considered as *riba*. This is in line with a *hadith* of Rasulullah S.A.W:

“Every loan that gives benefit to the lender, is indeed *riba*.”


Therefore, the *wadi'ah* concept is suitable to be applied as the rudimentary contract for **TH** deposits. With the application of this concept as well as initial contractual agreement from depositors, **TH** is able to utilise and invest depositors' funds to generate profit. If the fund is only kept on the basis of trust, **TH** shall have no right to use the fund for business purposes because the fund is still owned by depositors, and **TH** only acts as a trustee.

The concept of *Wadi'ah Yad Damanah* is therefore seemed to provide opportunity and flexibility for **TH** to expand existing fund for business and strategic investment purposes, which shall ultimately strengthen the economy of the ummah as a whole.

# CARTA ORGANISASI TH

## TH Organisation Chart





# BARISAN PENGURUSAN KANAN

## Senior Management



**MOHD HISHAM HARUN**

Pengurus Besar Kanan  
Sumber Manusia  
Senior General Manager  
Human Resource



**DATO' SYED SALEH SYED ABDUL RAHMAN**

Pengurus Besar Kanan Haji  
Senior General Manager Haji



**DATUK ROZAIDA OMAR**

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan  
Group Chief Financial Officer



**DATUK SERI JOHAN ABDULLAH**

Pengarah Urusan Kumpulan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Group Managing Director and  
Chief Executive Officer



**DATO' BADLIYAH ABDUL GHANI**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
Deputy Chief Executive Officer



**ABD KADIR SAHLAN**

Ketua Pegawai Pelaburan  
Chief Investment Officer



**DATO' ADI AZUAN ABDUL GHANI**

Ketua Pegawai Operasi  
Chief Operating Officer



**RIFINA MD ARIFF**

Pengurus Besar Kanan  
Kewangan Korporat dan Perkhidmatan  
Senior General Manager  
Corporate Finance and Services

# PEJABAT PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Group Managing Director and Chief Executive Officer's Office



**DATUK SERI JOHAN ABDULLAH** ▶

**Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**  
Group Managing Director and Chief Executive Officer



**DATIN NORMIMY MOHAMED NOOR** ▶

**Pengurus Besar Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**  
General Manager Group Managing Director and Chief Executive Officer's Office

◀ **DATO' BADLISYAH ABDUL GHANI**

**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif**  
Deputy Chief Executive Officer

Dilantik pada 1 Julai 2016  
Appointed on 1 July 2016



**DATO' LATIFAH MD YATIM** ▶

Ketua Pegawai Integriti  
Chief Integrity Officer

Bersara pada 28 Mac 2017  
Retired on 28 March 2017



**AZHAR NAYAN** ▶

Ketua Audit Dalam  
Head of Internal Audit



**BADRUL HISHAM MOHD SALLEH** ▶

Pengurus Besar Pengurusan Risiko  
General Manager Risk Management



◀ **IMRAN MOHAMMAD KHAYAT**

Pengurus Besar Syariah  
General Manager Shariah



◀ **HAZLINA MOHD KHALID**

Penasihat Undang-Undang  
Legal Advisor



**MOHAMMAD SAIMI MAT SOM** ▶

Pengarah THKSA  
Director THKSA



**ANIS ZUHANI AHMAD** ▶

Pengurus Besar  
Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat  
Kumpulan  
General Manager  
Group Public Affairs and  
Corporate Communications



# JABATAN KEWANGAN

## Finance Department



◀ **DATUK ROZAIDA OMAR**  
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan  
Group Chief Financial Officer

**MOHAMED AMEEN S.M.A  
ABDUL WAHAB** ▶  
Pengurus Besar Perniagaan Kad  
General Manager Card Business



**NOR AIDA AHMAD** ▶  
Pengurus Besar  
Pengurusan Strategik  
Kewangan Kumpulan  
General Manager  
Group Strategic Financial  
Management



◀ **NORUL HUDA MOHD SIDEK**  
Pengurus Besar  
Pentadbiran dan Perolehan  
General Manager  
Administration and Procurement



◀ **ANISUATI YAHYA**  
Ketua Perkhidmatan  
Head of Shared Services



**AMRAN ABDUL LATIP** ▶  
Ketua Bahagian  
Teknologi Maklumat  
Head of Information Technology



◀ **CHE GAYAH SALLEH**  
Ketua Bahagian  
Perkhidmatan Pelaburan  
Head of Investment Services  
Bersara pada 1 Februari 2017  
Retired on 1 February 2017



# JABATAN PELABURAN

## Investment Department

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges



◀ **MOHD FAZLI ZAINAL**

**Ketua Pengurusan Portfolio Ekuiti Asing**  
Head of Foreign Equity Portfolio Management



**ABD KADIR SAHLAN** ▶

**Ketua Pegawai Pelaburan**  
Chief Investment Officer



◀ **HAMDAN RASID**

**Ketua Pengurusan Portfolio Pendapatan Tetap**  
Head of Fixed Income Portfolio Management



◀ **MUSTAKIM MOHAMAD**

**Ketua Pelaburan Dana dan 'Outsourcing'**  
Head of Fund Investment and Outsourcing



◀ **MOHAMAD IKHWAN BAKREN**

**Ketua Penyelidikan**  
Head of Research




◀ **AHMAD SUHAIMEE ISMAIL**

**Ketua Pengurusan Portfolio Ekuiti**  
Head of Equity Portfolio Management

Dipinjamkan ke THTS pada 13 Februari 2017  
Secondment to THTS on 13 February 2017

# JABATAN HAJI

## Hajj Department




**NURRINANUWAR SHAMSUDDIN** ▶

Pengurus Besar Pengurusan Haji  
General Manager Hajj Management



**DATO' AHMAD RUZMAN  
AHMAD RAZALI** ▶

Pengurus Besar  
Operasi Domestik  
General Manager  
Domestic Operations



◀ **DATO' SYED SALEH SYED ABDUL RAHMAN**

Pengurus Besar Kanan Haji  
Senior General Manager Hajj



**TENGGU AZIZ RAJA ABDULLAH** ▶

Pengurus Besar Bimbingan  
General Manager Guidance



**MAT ADMARA ALANG AZIZDIN** ▶

Pengurus Besar Agensi Haji  
General Manager Hajj Agency



◀ **DATO' AHMAD SOHAIMI DATO' ABD RAHIM**

Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan Haji  
General Manager Hajj Research and Development

# JABATAN KHIDMAT PENDEPOSIT DAN OPERASI

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges

## Depository Services and Operations Department



◀ **MOHD RIDZUAN WAHI**

**Pengurus Besar  
Simpanan dan Pengeluaran**  
General Manager Savings and  
Withdrawals



◀ **TAHAR PILUS**

**Pengurus Besar  
Operasi Pejabat Cawangan**  
General Manager  
Branch Office Operations



**DATO' ADI AZUAN ABDUL GHANI** ▶

**Ketua Pegawai Operasi**  
Chief Operating Officer

**KHAIRUL 'A'ZIHAR RAPAR** ▶

**Pegawai Khas Kepada  
Ketua Pegawai Operasi**  
Special Officer to  
Chief Operating Officer



**MOHD NASIR MOHD  
YUSOFF** ▶

**Pengurus Besar  
Khidmat Pelanggan**  
General Manager  
Customer Service



◀ **MD. RIDZA MD. ZAIN**

**Pengurus Besar  
Penyelenggaraan Hartanah**  
General Manager  
Property Maintenance



◀ **ZAINI RASHID**

**Pengarah Negeri Gantian I**  
State Director Relief I




◀ **HELENA HASHIM**

**Pengarah Negeri Gantian II**  
State Director Relief II

# JABATAN SUMBER MANUSIA

## Human Resource Department



**ZAINAL ABIDIN OMAR** ▶

**Pengurus Besar  
Pengurusan Sumber Manusia**  
General Manager  
Human Resource Management

◀ **MOHD HISHAM HARUN**

**Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia**  
Senior General Manager Human Resource

**MOHD NORBER KASSIM** ▶

**Pengurus Besar  
Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti**  
General Manager  
Human Resource Development and Quality

**KHAIRUL BARIAH ABDUL KARIM** ▶

**Pengurus Besar  
Perhubungan Industri dan Anggota**  
General Manager  
Industrial and Employee Relations

**AISHAH ABDUL SAMAD** ▶

**Pengurus Besar Yayasan TH**  
General Manager TH Foundation

# JABATAN KEWANGAN KORPORAT DAN PERKHIDMATAN

Corporate Finance and Services Department

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges

**RIFINA MD ARIFF** ▶

**Pengurus Besar Kanan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan**  
Senior General Manager Corporate Finance and Services



◀ **NIK ABDUL HAMID SHUKRI NIK ABDULLAH**

**Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat**  
General Manager Corporate Services



◀ **DATO' REDHUAN SABARUDDIN**

**Pengurus Besar Pemasaran dan Penyewaan**  
General Manager Marketing and Leasing



◀ **HAZZELINA HASSAN**

**Pengurus Besar Kewangan Korporat**  
General Manager Corporate Finance

Tamat perkhidmatan pada 2 Januari 2017  
Completion of service on 2 January 2017



# PENGARAH-PENGARAH NEGERI TH

## TH State Directors

**AMAT KASSIM PAIT** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Perlis



**MUHAMAD HAMDAN OMAR** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Kedah



◀ **MOHAMAD ABAS**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Pulau Pinang

**NAWAWI ISHAK** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Perak



**MOHD SAWAL ABONG** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Selangor



◀ **ZAITON MOHD YUSOFF**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Wilayah Persekutuan



◀ **KHAIRODDIN AHMAD**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Negeri Sembilan



◀ **ZAKARIAH @ ZAKARIA PUTEH**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Melaka

Bersara pada 1 April 2017  
Retired on 1 April 2017



◀ **DATO' MOHAMMAD @ MOKHZANI MUKHTAR**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Johor



◀ **MUSALIMAH MUSTAFFA**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Pahang



**DATO' MOHYEN MOSMAN** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Terengganu



◀ **WAHYUDIN TAMAMI**

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Kelantan



**DATIN NURLAILA SAID** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Sabah



**ROZIMIN AHAMED KAMIL** ▶

Pengarah Negeri  
State Director  
TH Sarawak



**TAKRIFAN SEMULA CABARAN**  
Redefining Challenges

# Kecekapan Pengurusan

Management Efficiency



**DATUK SERI JOHAN ABDULLAH**

SMW, DJMK

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif |  
Group Managing Director & Chief Executive Officer

# ULASAN OPERASI

## Operational Review

Takrifan Semula Cabaran  
Redefining Challenges



Sebagai mukadimah kepada ulasan operasi Laporan Tahunan **TH** 2016, marilah kita terlebih dahulu mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana mengurniakan rahmat dan rezeki yang melimpah, terutamanya sepanjang tempoh mencabar yang dialami pada tahun 2016.

Dengan minda optimistik, **TH** melihat situasi ini sebagai proses pemerksaan untuk memasuki fasa pertumbuhan sebagai sebuah entiti korporat yang hebat dalam semua aspek penubuhan, samada dalam pengurusan haji, mahupun penglibatan dalam perniagaan dan pelaburan. Justeru, kesukaran persekitaran operasi kesan penurunan nilai Ringgit, kenaikan kos sara hidup, kelemahan harga komoditi utama dan ketidakstabilan geopolitik yang berpanjangan telah ditangani secara langsung oleh **TH** dengan berhemat.

Laporan Tahunan **TH** 2016 bertema 'Takrifan Semula Cabaran' mendedahkan kejayaan kami mengolah cabaran menjadi prospek peluang. **TH** akan terus menilai cabaran-cabaran yang dihadapi dan melakarkan satu rangka kerja bagi menanganinya mengikut kesesuaian situasi dan keadaan ekonomi semasa. Melalui pelan Alokasi Aset Strategik (SAA), portfolio pelaburan **TH** di pelbagai dan difokus untuk menjana pendapatan berulang yang mempunyai ketahanan risiko yang bersesuaian bagi menghasilkan potensi pertumbuhan dalam jangkamasa panjang.

### Keputusan Kewangan Positif

Walaupun landskap kewangan yang mencabar pada tahun 2016, **TH** masih mampu merekodkan keputusan kewangan yang positif.

Alhamdulillah, dengan langkah berhemat yang diambil untuk menangani situasi yang menguji kekuatan organisasi, kami masih berjaya mencatat pendapatan kasar yang memberangsangkan sebanyak RM3.48 bilion dengan keuntungan bersih selepas zakat sebanyak RM2.49 bilion.

To begin with the review of operations for **TH**'s 2016 Annual Report, let us first and foremost offer our gratitude to Allah SWT, for His mercy and benevolence in extending us with bountiful sustenance, especially during the challenging times experienced in 2016.

Ingrained with optimistic mind set, we deemed the situation as a solidification passage to our next phase of growth in becoming a superior corporate entity in all aspects of our establishment, be it in the hajj management, business or investment ventures. Hence, the challenging operating environment marked by rapid decrease in the value of Ringgit, rising cost of living, slow recovery in the oil and gas sector, soft prices of major commodities and extended geopolitical instability were steadily managed by **TH** head on.

**TH**'s 2016 Annual Report themed 'Redefining Challenges' reveals our accomplishment in turning challenges into prospect of opportunities. We will continue to reassess the challenges and design a framework to address them based on our current situation and economic conditions. We had in place, our long term Strategic Asset Allocation (SAA) through which our investment portfolios were effectively diversified and focused to generate steady recurring income with reasonable risk resistance that brings potentials for long term growth.

### Positive Financial Results

Despite the challenging financial landscape in 2016, **TH** continued to record positive financial results.

Alhamdulillah, with prudent measures undertaken to address the trying situation, we still had successfully achieved a commendable gross income of RM3.48 billion, with net profit after zakat of RM2.49 billion.



Nilai Aset Boleh Direalisasi (RAV) **TH** pada 31 Disember 2016 masih kukuh berjumlah RM67.90 bilion dan Nilai Portfolio Bersih Terlaras (NWA) selepas hibah juga kekal positif berjumlah RM0.20 bilion. Penurunan nilai NWA berbanding tahun 2015 adalah disebabkan oleh pasaran ekuiti yang lemah, pertukaran kadar matawang asing yang tidak menguntungkan dan secara amnya pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya.

**TH** Realisable Asset Value (RAV) as at 31 December 2016 remained strong at RM67.90 billion and Net Worth Adjusted (NWA) after hibah also remained positive at RM0.20 billion. The lower NWA as compared to 2015 was mainly due to the bearish equity market, unfavourable foreign exchange position and generally slower economic growth as compared to previous year.

Kedudukan Kewangan (RM Bilion)   Financial Position (RM Billion)	Kumpulan   Group		TH	
	2016	2015	2016	2015
Nilai Aset Boleh Direalisasi   Realisable Asset Value (RAV) tolak:   less:	70.33	66.76	67.90	63.99
Baki akhir tahun Kumpulan Wang Pendeposit   Depositors' Funds as at year end	(64.83)	(59.33)	(64.83)	(59.33)
Nilai Portfolio Bersih Terlaras   Net Worth Adjusted (NWA) tolak: Hibah   less: Hibah	5.50 (2.87)	7.43 (3.22)	3.07 (2.87)	4.66 (3.22)
NWA Selepas Hibah   NWA After Hibah	<b>2.63</b>	<b>4.21</b>	<b>0.20</b>	<b>1.44</b>



## Hibah 2016

Selepas menimbang keperluan memenuhi matlamat jangka panjang dan perlindungan terhadap ketidakpastian ekonomi pada masa depan, **TH** telah memberi ganjaran kepada para pendeposit melalui pemberian hibah sebanyak 4.25% dan tambahan sebanyak 1.50% Hibah Haji kepada pendeposit yang masih belum menunaikan haji, menjadikan jumlah pemberian hibah bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM2.87 bilion.

**TH** menggunakan terminologi ‘hibah’ berbanding ‘bonus’ pada pengumuman hibah 2016 kerana menyedari rata-rata masyarakat telah menyalah tafsir konsep simpanan di **TH** yang berlandaskan *Al-Wadiah Yad Dhamanah*. Saya percaya para pendeposit sedar bahawa tujuan asal menyimpan di **TH** adalah untuk menunaikan haji, selain keyakinan terhadap simpanan yang selamat dan patuh syariah.

Saya ingin menasihatkan para pendeposit agar tidak mudah percaya kepada tuduhan tanpa asas dan khabar angin kerana wang simpanan di **TH** dijamin sepenuhnya oleh kerajaan seperti yang termaktub di bawah Akta Tabung Haji.

## 2016 Hibah

After weighing the need to meet our long-term objectives and insulate against uncertainty in future economic condition, **TH** had rewarded our depositors with a hibah of 4.25% and an additional 1.5% Hajj Hibah for those who have yet to perform hajj, which brings the amount of our hibah distribution for 2016 to RM2.87 billion.

Realising that most people have misinterpreted the concept of savings with **TH** which is based on *Al-Wadiah Yad Dhamanah*, **TH** uses the terminology ‘hibah’ instead of ‘bonus’ for 2016 hibah announcement. I believe our depositors realise that the primary purpose for saving in **TH** is to fund their pilgrimage, besides knowing that their savings is secured and shariah-compliant.

I would like to advise our depositors not to be influenced by baseless allegations and rumours because savings in **TH** are fully guaranteed by the government as mandated under the Tabung Haji Act.

## Rasionalisasi Perniagaan

Pada tahun ditinjau, kami telah menyelaras Pelan Perniagaan **TH** agar selari dengan Pelan Transformasi Tiga Tahun Menuju 2020, sebagai usaha kami dalam mempertingkatkan pertumbuhan pendapatan jangka panjang.

Pelan Transformasi ini memberi penekanan kepada pelaburan mampan yang menyumbang kepada pendapatan berulang dan patuh syariah dalam beberapa sektor terpilih seperti hartanah, perladangan, konsesi, infrastruktur dan hospitaliti.

Sejajar dengan pelan ini, **TH** telah secara berperingkat mengurangkan kebergantungan kepada pendapatan ekuiti yang terdedah kepada turun naik harga di pasaran. Sebagai contoh, sepanjang tempoh kejatuhan nilai Ringgit, pelaburan hartanah **TH** di pasaran United Kingdom dan Australia masih mampu menyumbang kepada pendapatan sewa yang stabil.

## Ringkasan Operasi

Alhamdulillah, Operasi Haji Musim 1437H/2016M berjalan lancar hasil perancangan teliti dan pembangunan program secara menyeluruh yang dilaksanakan oleh seluruh anggota operasi haji dengan komitmen dan kesungguhan yang tinggi.

Selain daripada pelbagai penambahbaikan yang dilaksanakan oleh **TH**, Kerajaan Arab Saudi turut memperkenalkan beberapa inisiatif seperti pengimbasan 10 imej cap jari jemaah sebelum bertolak ke Tanah Suci dan penggunaan gelang tangan yang mengandungi maklumat daripada Sistem e-haji bagi tujuan keselamatan. Kami bersyukur kerana berjaya melaksanakan semua arahan tersebut tanpa halangan yang besar.

**TH** komited untuk mengekalkan bayaran haji sebanyak RM9,980 walaupun kos haji bagi setiap jemaah telah meningkat kepada RM18,890 pada tahun 2016. Kami menanggung subsidi sebanyak RM8,910 bagi setiap jemaah dan jumlah keseluruhan subsidi haji telah meningkat kepada RM160 juta daripada RM126 juta pada tahun sebelumnya.

## Business Rationalisation

During the year under review, we had realigned **TH's** Business Plan into a Three Year Transformation Plan Roadmap towards 2020, in our effort to boost long term income growth.

The Transformation Plan placed emphasis on sustainable investments that would contribute towards recurring and shariah-compliant income in selected sectors such as property, plantation, concession, infrastructure and hospitality.

In tandem with this plan, **TH** had begun gradually reduce our reliance on equity income which was more vulnerable to market volatility. In the interval of weakening Ringgit, for example, our investments in the United Kingdom and Australia property markets still managed to contribute stable rental income.

## Operational Review Summary

Alhamdulillah, the 1437H/2016M Hajj Operations ran smoothly due to careful planning and comprehensive development programmes which were executed by the entire hajj operations personnel with high commitment and dedication.

Besides the improvements carried out by **TH**, the Saudi Arabia Government had also introduced several initiatives such as scanning of 10 fingerprints image of pilgrims before departure to the Holy Land and the use of wrist bands which consisted of information from the e-haji System, for security purposes. We are grateful as we had successfully complied with these instructions without any major obstacles.

**TH** committed to maintain the hajj payments for pilgrims at RM9,980 despite the rising hajj cost of RM18,890 for each pilgrim in 2016. We had absorbed a subsidy of RM8,910 for every pilgrim and the total amount of hajj subsidy increased to RM160 million compared to RM126 million in the previous year.



Bagi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan akses para pendeposit kepada perkhidmatan kami, kolaborasi strategik dengan beberapa bank tempatan telah dilakukan bagi menyediakan lebih banyak perkhidmatan elektronik dan mentransformasi perkhidmatan atas talian kami, e-THiJARI supaya lebih mesra pengguna, menyeluruh dan berdaya saing. Selain Maybank2U, kini perkhidmatan **TH** boleh dicapai melalui Perbankan Internet Bank Rakyat (iRakyat) yang dilancarkan pada bulan Disember 2016.

To enhance our service quality and improve depositors' accessibility to our services, we had increased our strategic collaboration with local banks to provide more electronic services and transformed our online service e-THiJARI, to be more user-friendly, comprehensive and competitive. Other than Maybank2u, **TH** services are currently available through Bank Rakyat Internet Banking (iRakyat), which was launched in December 2016.

Perkembangan membanggakan yang dilaksana pada tahun 2016 ialah pengenalan kenderaan perkhidmatan bergerak kami, **TH** Komuniti bagi memenuhi keperluan penduduk luar bandar yang tiada akses kepada pejabat dan perkhidmatan **TH**.

An exciting new development in 2016 was the introduction of our mobile service vehicle, **TH** Community, to fulfil the need of rural population with no convenient access to **TH**'s offices and services.

Di sepanjang tahun juga, **TH** telah melaksanakan pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), selaras dengan aspirasinya untuk meningkatkan kesejahteraan ummah. Bagi memperkukuhkan lagi aktiviti CSR kami, Yayasan **TH** telah ditubuhkan pada 17 Mei 2016 sebagai wadah untuk memperluas aktiviti CSR **TH** secara lebih bersepadu dan sistematik.

**TH** had during the year, implemented various Corporate Social Responsibility (CSR) programmes in line with our aspiration to elevate the well-being of the ummah. To further strengthen **TH**'s CSR activities, we incorporated Yayasan **TH** on 17 May 2016, as a vehicle to broaden our CSR activities in a more integrated and systematic approach.

Saya dengan sukacitanya membentangkan butiran operasi **TH** secara terperinci bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

I am pleased to present the information in regards to **TH**'s operations in detail for the financial year ended 31 December 2016.

# PERKHIDMATAN PELANGGAN

## Customer Service

Pada tahun 2016, jumlah pendeposit terkumpul adalah seramai 9.08 juta orang, menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% berbanding tempoh sama pada tahun 2015 sebanyak 8.85 juta pendeposit.

Selaras dengan jumlah pendeposit yang semakin berkembang, **TH** terus berusaha memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pendeposit di seluruh negara.

Inisiatif strategik dengan bank-bank tempatan dan perkhidmatan atas talian dipertingkatkan bagi membolehkan para pendeposit mendapat akses mudah kepada perkhidmatan **TH** tanpa mengira masa dan lokasi mereka.

Pada tahun 2016, jumlah keseluruhan perkhidmatan elektronik hasil kerjasama dengan rakan-rakan strategik adalah seperti berikut:

In year 2016, the cumulative number of depositors amounted to 9.08 million, an increase of 2.6% from 8.85 million depositors in 2015.

The growing number of depositors has driven **TH** to continue focusing on providing facilities and convenience for depositors nationwide.

Strategic initiatives with local banks and additional online services were enhanced to enable depositors to access **TH** services easily at any time, regardless of their location.

In 2016, the total numbers of electronic services as a result of collaboration with strategic partners are as follows:

Perkhidmatan ATM/CDM/CICO   ATM/CDM/CICO Services	
Bank	Touchpoint
Bank Islam	1,046
Bank Rakyat	845
Maybank	3,893
<b>Jumlah   Total</b>	<b>5,784</b>

\*CICO-Cash in Cash out

Perkhidmatan Uniteller   Uniteller Service	
Bank	Touchpoint
Bank Islam	145
Bank Rakyat	173
<b>Jumlah   Total</b>	<b>318</b>

### Peluasan Perkhidmatan Atas Talian

Selaras dengan peningkatan profil pendeposit yang berusia muda dan bekerjaya, **TH** terus menambahbaik perkhidmatan atas talian, e-THiJARI agar lebih mudah, komprehensif dan berdaya saing.

### Online Service Expansion

Consistent with the increase in profile of young careered depositors, **TH** continued to improve its online service, e-THiJARI making it more user-friendly, comprehensive and competitive.



Selain Maybank2u, perkhidmatan **TH** juga boleh dilakukan melalui Perbankan Internet Bank Rakyat (iRakyat) yang telah dilancarkan pada bulan Disember 2016.

Other than Maybank2u, **TH** services are also available through Bank Rakyat Internet Banking (iRakyat), inaugurated in December 2016.

Perkhidmatan atas talian melalui Maybank2u dan e-THiJARI pada tahun 2016 didapati meningkat sebanyak 27% berbanding tahun sebelumnya.

In 2016, online services through Maybank2u and e-THiJARI saw a 27% increase in the number of transactions as compared to the previous year.

**TH** secara agresif telah melakukan promosi untuk perkhidmatan atas talian melalui bahan cetak dan media elektronik sebagai cara untuk menarik lebih ramai pendeposit menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan perkhidmatan **TH**.

Printed and electronic media were deployed in an aggressive promotion exercise for **TH** online services, aimed to spur interest among depositors to use this medium to gain access to **TH** services.

**Perbandingan Transaksi Tahun 2015 dan 2016 | Transaction Comparison Between Year 2015 and 2016**

Tahun Year	Kaunter <b>TH</b> <b>TH Counter</b>	Uniteller	ATM & CDM	Agen Kutipan   <b>Collection Agent</b>	Perkhidmatan Atas Talian   <b>Online Services</b>		
					Maybank2u	e-THiJARI	iRakyat
2015	6,228,448	941,632	6,119,158	454,868	1,050,463	394,094	-
<b>2016</b>	<b>6,693,622</b>	<b>930,974</b>	<b>6,627,292</b>	<b>464,223</b>	<b>1,255,343</b>	<b>707,220</b>	<b>3,226</b>

## Merakyatkan Perkhidmatan

Selaras dengan saranan kerajaan untuk “Merakyatkan Perkhidmatan”, **TH** telah melancarkan satu lagi inisiatif terbaharu untuk kemudahan pendeposit **TH** iaitu Perkhidmatan Bergerak **TH** Komuniti. **TH** Komuniti memberi kemudahan untuk pendeposit mendapatkan perkhidmatan **TH**, khususnya masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar atau jauh dari pejabat Cawangan **TH**.

Inisiatif ini juga merupakan tanda sokongan terhadap usaha kerajaan melalui Program Mobile Community Transformation Centre (MOBILE CTC) iaitu perkhidmatan bergerak yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk penduduk luar bandar.

Perkhidmatan bergerak **TH** Komuniti telah dilancarkan pada 16 Jun 2016 oleh Pengerusi **TH**, YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim di Sungai Besar, Selangor. Manakala pelancaran kedua dilakukan oleh YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 16 Julai 2016 di Guar Chempedak, Kedah.

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh **TH** Komuniti:

- Simpanan dan pengeluaran wang tunai
- Pembukaan akaun baru **TH**
- Pendaftaran Haji
- Gantian buku akaun simpanan
- Kemaskini maklumat
- Pertukaran akaun kanak-kanak ke dewasa
- Permohonan *pin mailer* (e-THiJARI)
- Permohonan penyata akaun
- Potongan gaji; dan
- Kelab TaHa dan TaHa@U



## Humanising Services

Echoing the government’s recommendation to “Humanise Public Service”, **TH** had launched its latest initiative for **TH** depositors’ comfort, namely **TH** Community Mobile Service. **TH** Community provides convenience and access for depositors, especially those living in rural areas or far from any **TH** branches, to access to **TH** services.

The initiative is also in line with government’s Mobile Community Transformation Centre Programme (MOBILE CTC) a mobile service that offers convenience and assistance to communities in rural areas.

The **TH** Community soft launch was done by **TH** Chairman, YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim on 16 June 2016 in Sungai Besar, Selangor, while the second launch by YB Major General Dato’ Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (R), Minister in the Prime Minister’s Department was held on 16 July 2016 in Guar Chempedak, Kedah.

Amongst services offered by **TH** Community include:

- Savings and cash withdrawal
- New **TH** account registration
- Hajj registration
- Saving account book replacement
- Information update
- Children to adult account conversion
- Mailer pin application (e-THiJARI)
- Account statement application
- Salary deduction; and
- Kelab TaHa and TaHa@U



Selain itu, **TH** meneruskan pembukaan operasi kaunter di cawangan terpilih pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan. Waktu operasi kaunter bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari. Inisiatif ini memberi peluang kepada pendeposit **TH** yang tidak dapat berurusan pada hari bekerja untuk berurusan di hujung minggu.

Sehingga akhir 31 Disember 2016, sebanyak 39 buah pejabat **TH** cawangan terpilih telah membuka kaunter operasi masing-masing pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan seperti berikut:

Apart from the abovementioned, **TH** continued to open its operation counters on the first Saturday of every month. Operation hours are from 9.00am to 12.30pm. This initiative gave an opportunity for depositors who are unable to come during weekdays to perform their transactions on weekend.

As at 31 December 2016, operation counters at 39 selected **TH** branches were opened on first Saturday of the month as follows:

Negeri   State	Cawangan <b>TH</b> Terpilih   Selected <b>TH</b> Branches
Perlis	<b>TH</b> Kangar
Kedah	<b>TH</b> Jitra • <b>TH</b> Kulim • <b>TH</b> Sungai Petani • <b>TH</b> Baling • <b>TH</b> Guar Chempedak
Pulau Pinang	<b>TH</b> Bayan Lepas • <b>TH</b> Bukit Mertajam • <b>TH</b> Kepala Batas
Perak	<b>TH</b> Teluk Intan • <b>TH</b> Taiping
Selangor	<b>TH</b> Kelana Jaya • <b>TH</b> Batu Caves • <b>TH</b> Klang • <b>TH</b> Shah Alam • <b>TH</b> Banting • <b>TH</b> Bangi • <b>TH</b> Ampang • <b>TH</b> Tanjung Karang
Wilayah Persekutuan	<b>TH</b> Putrajaya • <b>TH</b> Jalan Tun Razak
Negeri Sembilan	<b>TH</b> Seremban
Melaka	<b>TH</b> Masjid Tanah
Johor	<b>TH</b> Batu Pahat • <b>TH</b> Muar • <b>TH</b> Kota Tinggi • <b>TH</b> Kluang • <b>TH</b> Segamat • <b>TH</b> Pontian
Pahang	<b>TH</b> Temerloh • <b>TH</b> Pekan
Terengganu	<b>TH</b> Kemaman
Kelantan	<b>TH</b> Pasir Mas • <b>TH</b> Pasir Puteh • <b>TH</b> Bachok • <b>TH</b> Machang
Sabah	<b>TH</b> Kota Kinabalu • <b>TH</b> Tawau
Sarawak	<b>TH</b> Miri

## Indeks Kepuasan Pelanggan

Bagi memastikan pendeposit **TH** mendapat mutu perkhidmatan dan layanan terbaik, **TH** mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan **TH** melalui Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP).

Skop analisis dibahagikan kepada perkhidmatan kaunter **TH** dan Pusat Panggilan Tabung Haji (THCC).

Pada tahun 2016, perkhidmatan THCC mencatat purata IKP 100% berbanding 99.7% pada tahun 2015 dan purata keseluruhan IKP **TH** adalah sebanyak 99.9% berbanding 99.7% pada tahun 2015.

## Customer Satisfaction Index

To ensure **TH** depositors received the best and quality services, **TH** measures the level of customer satisfaction towards **TH** services through Customer Satisfaction Index (CSI).

The scope of analysis was divided into **TH** counter service and Tabung Haji Contact Centre (THCC).

In 2016, THCC service achieved an average CSI of 100% compared to 99.7% recorded in 2015, while the overall average of **TH** CSI stood at 99.9% as compared to 99.7% in 2015.

Bil.   No.	Skop Analisis   Scope of Analysis	Suku 1-2016   1st Quarter 2016	Suku 2-2016   2nd Quarter 2016	Suku 3-2016   3rd Quarter 2016	Suku 4-2016   4th Quarter 2016	Purata   Average
1.	Perkhidmatan Kaunter   Counter Service	99.96%	99.96%	99.93%	99.96%	99.95%
2.	THCC	100%	100%	100%	100%	100%
<b>Jumlah Purata   Average Total</b>						99.97 %

# PERKHIDMATAN HAJI

## Hajj Service

Selari dengan visi Pengurusan Haji Terbilang, **TH** terus beriltizam untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada para jemaah haji negara ke arah mencapai haji yang mabrur.

Alhamdulillah, Operasi Haji Musim 1437H/2016M telah berjalan lancar hasil perancangan teliti, pembangunan program yang komprehensif dan komitmen tinggi pengurusan serta semua petugas haji yang terlibat.

Saban tahun semasa mesyuarat tahunan urusan haji di antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan Menteri Haji Saudi, pihak Menteri Haji Arab Saudi sentiasa mengiktiraf **TH** sebagai pengendali urusan haji terbaik dan memuji usaha **TH** dalam memberi bimbingan berkesan berkenaan ibadat haji dan perkhidmatan yang amat baik kepada para bakal jemaah haji.

Keseluruhan Operasi Haji Musim 1437H telah memperlihatkan **TH** berjaya mengekalkan Pensijilan Haji MS ISO 9001:2008 Perkhidmatan Haji di Malaysia dan Arab Saudi. Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH) kekal 98% seperti Musim Haji 1436H. Manakala Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) melalui respon soal selidik jemaah haji meningkat kepada 88%. Kedua-dua hasil indeks menjangkau sasaran masing-masing pada 95% dan 85%.

Tahun   Year	IPPH   IPPH	IKP   CSI
1436H/2015M	98 %	86 %
1437H/2016M	98 %	88 %

Semua jemaah haji telah selamat berwuquf pada 9 Zulhijjah 1437H bersamaan 10 September 2016 (Sabtu) kecuali lima orang jemaah yang mengalami masalah kesihatan. Manakala seramai 30 jemaah haji telah meninggal dunia di Tanah Suci akibat serangan jantung, radang paru-paru dan lain-lain penyakit.

### Persediaan Musim Haji 1437H/2016M

Musim Haji 1437H/2016M bermula dengan sesi pasca-nilai operasi haji musim yang lalu untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan haji. Sesi ini menjadi pemangkin untuk **TH** terus kekal relevan sebagai organisasi pengurusan haji unggul dengan pelaksanaan inovasi berterusan meliputi aspek pengurusan dan bimbingan kepada jemaah.

In tandem with the vision to achieve Excellence in Hajj Management, **TH** stays committed in delivering the best service to the country's pilgrims towards attaining a mabrur hajj.

Alhamdulillah, as a result of meticulous planning, comprehensive programme development and steadfast commitment from the management and hajj personnel involved, the 1437H/2016M Hajj Operation had been implemented smoothly.

Each year, during the annual meeting discussing on hajj affairs between the Minister in the Prime Minister's Department and the Hajj Minister of Saudi, the Saudi's Hajj Minister continue to acknowledge **TH** as the best operator of hajj affairs and applauds **TH**'s effort not only able to provide excellent service but also in preparing the prospective pilgrims with proper guidance on hajj ritual.

The overall 1437H Hajj Operation shows that **TH** had successfully maintained the Hajj Certification of MS ISO 9001:2008 Hajj Service in Malaysia and Saudi Arabia. The Hajj Service Performance Index (IPPH) remained at 98% similar to 1436H Hajj Season, while the Customer Satisfaction Index (CSI), through survey responses among pilgrims, increased to 88%. Both index results surpassed their targets of 95% and 85% respectively.

All pilgrims safely performed their wuquf on 9 Zulhijjah 1437H or 10 September 2016 (Saturday) except for five pilgrims, due to health reasons. Meanwhile 30 pilgrims passed away in the Holy Land due to heart attack, lung inflammation and other complications.

### Preparation For 1437H/2016M Hajj Season

The 1437H/2016M Hajj Season began with post evaluation of past hajj season's to identify room for improvement to further enhance the quality of hajj service. This session has been the catalyst for **TH** to remain relevant as the exemplary hajj management organisation with continuous innovative implementations that include management and guidance for pilgrims.



Selain itu, beberapa sesi muzakarah serta perkongsian pengalaman bersama negara serantau turut diadakan bagi percambahan idea-idea baru demi pelaksanaan perkhidmatan haji yang lebih efisien selaras dengan ekspektasi jemaah haji masa kini.

Furthermore, numerous *muzakarah* (discussion) as well as sharing sessions with countries in the region were also conducted to brainstorm for new ideas on improving the efficiency of hajj service operation, in line with the discerning expectations of today's pilgrims.

Pemantapan pengetahuan ibadah dan latihan sendiri telah diterapkan kepada bakal haji menerusi siri-siri kursus haji di 230 masjid terpilih di seluruh negara. Para petugas haji pula dipersiapkan dengan pelbagai kursus bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan, mesra pelanggan dan kefahaman ibadah haji untuk menyantuni jemaah haji di Tanah Suci.

Pilgrims were equipped with in depth knowledge on *ibadah* and self survival training through series of hajj courses at 230 chosen mosques nationwide. Our hajj personnel, on the other hand, were primed through various courses that enhanced their knowledge in management, customer friendliness and understanding on hajj rituals to assist pilgrims in the Holy Land.





### Operasi Haji

Bagi Musim Haji 1437H/2016M, Malaysia masih diperuntukkan dengan 22,320 kuota haji, pengurangan 20% daripada kuota asal sebanyak 27,900. Pengurangan kuota ini telah dikuatkuasakan sejak empat tahun lalu berikutan pelaksanaan projek pembesaran Masjidil Haram.

Pelepasan pertama penerbangan haji ke Tanah Suci dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ialah pada 4 Ogos 2016 (1 Zulkaedah 1437H) manakala penerbangan pulang terakhir jemaah haji ke Tanah Air ialah pada 15 Oktober 2016 (14 Muharam 1438H).

Bayaran menunaikan fardhu haji bagi Musim Haji 1437H masih kekal pada RM9,980 seorang jemaah berbanding kos haji yang telah meningkat kepada RM18,890 seorang. Berikutan itu, **TH** menanggung subsidi haji sebanyak RM8,910 bagi seorang Jemaah Haji Muassasah (pertama kali) dengan jumlah tanggungan haji keseluruhan berjumlah RM160 juta.



### Hajj Operation


For 1437H/2016M Hajj Season, a hajj quota of 22,320 was allocated to Malaysia, which was 20% less than the original quota of 27,900. The quota reduction was enforced four years ago due to the expansion project of Masjidil Haram.

The first hajj flight from Kuala Lumpur International Airport to the Holy Land was on 4 August 2016 (1 Zulkaedah 1437H), while the last inbound flight of pilgrims departed for home was on 15 October 2016 (14 Muharram 1438H).

The hajj payment for 1437H season remained at RM9,980 per pilgrim, compared to the actual cost for hajj which has increased to RM18,890. Following that, **TH** subsidised RM8,910 for each Muassasah pilgrim (first timer), making the total subsidy cost amounting to RM160 million.



## Pergerakan Jemaah Sewaktu Kemuncak Haji | The Movement of Pilgrims During Hajj



### Operasi Masyair

Operasi Masyair merupakan kemuncak kepada keseluruhan Operasi Haji Tanah Suci yang melibatkan pergerakan kesemua Jemaah Haji Malaysia ke Arafah, Muzdalifah, Mina dan Makkah bagi tempoh lima hari, bermula dari 8 hingga 13 Zulhijjah setiap tahun bagi menyempurnakan ibadah rukun dan wajib haji.

Para jemaah haji dibawa ke Arafah dengan menaiki bas pada hari Jumaat, 8 Zulhijjah 1437H, bersamaan 9 September 2016. Bas pertama bertolak dari Makkah seawal jam 1:30 petang secara tiga pusingan.

Waktu wuquf bermula selepas gelincir matahari pada 9 Zulhijjah hingga terbit fajar pada 10 Zulhijjah. Selesai berwuquf, jemaah dibawa ke Mudzalifah untuk bermabit sehingga 11:45 malam, sebelum dibawa ke Mina. Kesemua jemaah selamat sampai di perkhemahan Mina Muaisim pada jam 6:30 pagi pada 10 Zulhijjah.

Di Mina, jemaah melakukan lontaran Jamratul Aqabah pada 10 Zulhijjah dan ketiga-tiga jamrah pada hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah yang diurus oleh Pejabat Perkhidmatan Maktab, berdasarkan jadual melontar yang dikeluarkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi. Kemudahan penggunaan terowong sejak Musim Haji 1433H dan laluan pejalan kaki bergerak dari kawasan perkhemahan jemaah ke tempat melontar telah membantu memberi keselesaan kepada jemaah haji.

### Masyair Operation

Masyair operation is the pinnacle of the entire Hajj Operation in the Holy Land. It involves the mobilisation of all Malaysian Pilgrims to Arafah, Muzdalifah, Mina and Makkah in the duration of five days to fulfil the tenets and compulsory rituals of hajj, which started from 8 to 13 Zulhijjah every year.

Pilgrims were transported to Arafah by buses on Friday, 8 Zulhijjah 1437H or 9 September 2016. The first bus departed from Makkah at 1:30pm via three trips.

Time for wuquf starts when the sun shifts to the west at noon on 9 Zulhijjah and ends at dawn of 10 Zulhijjah. After wuquf, the congregations were transported to Mudzalifah for mabit, up until 11:45pm, before they were brought to Mina. During the last hajj season, all pilgrims safely arrived at the Mina Muaisim camp site at 6:30am on 10 Zulhijjah.

In Mina, pilgrims perform the pelting of pebbles ritual at Jamratul Aqabah on 10 Zulhijjah and the other three Jamrahs on the Tasyrik days, which are 11, 12 and 13 Zulhijjah. These are managed by Maktab Management Office based on the pelting schedule issued by the Hajj Ministry of Saudi Arabia. Pedestrian tunnels that were first opened in the 1433H Hajj Season and walkalators from the camp area to the pelting sites provide added convenience for pilgrims.



Ketika Operasi Haji 1437H, **TH** telah memperkenalkan 'Safari Wuquf' buat pertama kalinya, di mana pesakit dari Pusat Rawatan **TH** dibawa dengan bas ambulan untuk berada di Arafah buat seketika bagi tujuan berwuquf. Inisiatif **TH** yang baharu ini sudah tentunya memberi lebih keselesaan kepada jemaah haji yang sakit dan uzur.

### Perkhidmatan di Tanah Suci

Demi keselesaan para jemaah haji, **TH** menyediakan bas khas untuk membawa jemaah haji ke hotel penginapan setibanya mereka di Lapangan Terbang Madinah atau Jeddah. Bangunan penginapan Jemaah Haji Malaysia jaraknya tidak melebihi 200 meter dari Masjidil Nabawi, Madinah dan 950 meter dari Masjidil Haram, Makkah.



During the 1437H haji operation, **TH** for the first time implemented 'Safari Wuquf', where patients from **TH** Medical Centre were transported via ambulance bus to stay momentarily at Arafah for wuquf.

### Services in The Holy Land

For the convenience of our pilgrims, **TH** provides special buses to transport them to their respective hotels upon their arrival at Madinah or Jeddah Airport. The accommodation for Malaysian Pilgrims was located less than 200 meters from Masjidil Nabawi, Madinah and 950 meters from Masjidil Haram, Makkah.



Selain itu, **TH** juga turut menyediakan pelbagai perkhidmatan lain bagi kemudahan dan keselesaan jemaah sepanjang tempoh mereka berada di Tanah Suci seperti:

**TH** also provides other services for the convenience and comfort of the pilgrims during their stay in the Holy Land as follows:

Bil   No	Jenis Perkhidmatan <b>TH</b>   Type of <b>TH</b> Service	Kaedah   Method
1	Bimbingan ibadat haji dan kaunseling   Hajj ritual guidance and counselling	✓ Ceramah   Talks
		✓ Talian Ibadat (TAIB)   Hajj Ibadat Helpline (TAIB)
		✓ Talian Kaunseling (PEKA)   Counselling Helpline (PEKA)
2	Perkhidmatan kaunter kewangan   Financial counter service	✓ Simpanan/pengeluaran wang   Deposit/withdrawal
		✓ Bayaran dam dan qurban   Dam and qurban payment
3	Katering   Catering	✓ Sajian makan 2 kali sehari   Meals served twice a day
		✓ Kafeteria dan kiosk   Cafeteria and kiosk
4	Perubatan   Medical	✓ Rawatan hospital/klinik   Hospital/clinic treatment
		✓ Rawatan pergigian   Dental treatment

Selain perkhidmatan yang diberikan oleh **TH**, perkhidmatan dan kemudahan lain oleh pihak ketiga atau agen yang dilantik **TH** juga turut disediakan. Antara perkhidmatan pihak ketiga yang disediakan ialah:

**TH** also provides other services and facilities, which are delivered by appointed third parties or agents. Among the services rendered by third parties include the following:

Bil   No	Jenis Perkhidmatan   Type of Service	Agen   Agents
1	Kiriman bagasi ke Malaysia   Baggage delivery to Malaysia	✓ Pos Malaysia Berhad
		✓ Nationwide Express Courier Sdn Bhd
		✓ Shah Kargo Forwarder Sdn Bhd
		✓ Koperasi TH Logistic Sdn Bhd
2	Bagasi 'City Check-In' sebelum keberangkatan pulang ke Tanah Air   City Check-in baggage before departing home	✓ Syarikat yang dilantik di Arab Saudi   Appointed service providers in Saudi Arabia
3	I-Talk	✓ Telekom Malaysia
4	Kiosk (dobi, buku, cenderahati)   Kiosk (laundry, books, souvenirs)	✓ Pihak tempatan Arab Saudi   Local service provider in Saudi Arabia
5	Ziarah Makkah/Madinah   Visiting Makkah/Madinah	✓ Pihak Muassasah   Muassasah

**Inovasi / Penambahbaikan:**

TH telah berjaya melaksanakan beberapa penambahbaikan pada Musim Haji 1437H di antaranya :

**Innovations / Enhancement:**

TH has successfully implemented a number of enhancements during the 1437H Hajj Season, which include:

Bil   No	Perkara   Item
1	Penggunaan pesawat A380 yang lebih selesa dengan kapasiti 489 penumpang dari KLIA bagi membawa jemaah haji. Jemaah haji dari tujuh stesen luar dibawa ke KLIA dengan penerbangan domestik (penerbangan feeder). Flying the pilgrims from KLIA using A380 aircraft which is a more comfortable and can seat 489 passengers. Pilgrims from other seven domestic stations were flown to KLIA on domestic feeder flights.
2	Pengambilan imej 10 cap jari bakal haji sebelum keberangkatan ke Tanah Suci di semua stesen berlepas bagi memenuhi permintaan pihak berkuasa Arab Saudi. Scanning of 10 fingerprints images of every prospective pilgrims before boarding the flights to the Holy Land at all departure stations as requested by the Saudi Arabia's authority.
3	Penggunaan gelang tangan yang mengandungi maklumat dari Sistem e-haji seperti kehendak Kementerian Haji Arab Saudi. The usage of wrist band containing information from e-hajj System in accordance with the Hajj Ministry of Saudi Arabia's requirement.
4	Perlaksanaan sistem aplikasi Hajj Mobiliti yang dimuat turun ke telefon pintar bagi memudahkan petugas menjalankan tugas semasa Operasi Haji Tanah Suci seperti carian maklumat jemaah haji dan petugas, laporan pergerakan bas sewaktu Operasi Masyair serta kiraan jemaah. Implementation of Hajj Mobility application system that can be downloaded to smart phones to assist hajj personnel in carrying out their duties during hajj operation in the Holy Land, which include functions that enable information search on the pilgrims and the hajj personnels, reports on movement of the buses during Masyair operation and facilitating head count.





Bil   No	Perkara   Items
5	Penggunaan Sistem Maklumat Kesihatan (SIHAT) bagi memudahkan pengurusan kesihatan jemaah haji dan memberi akses maklumat jemaah kepada lain-lain unit operasi dengan pantas dan terkini. <i>The application of Health Information System (SIHAT) to facilitate the pilgrims' health management and to allow fast access to the pilgrims' information by other operation units.</i>
6	Penggunaan SMS Blast bagi menyalurkan maklumat penting dan segera kepada petugas haji dan jemaah haji mengikut keperluan. <i>Usage of SMS Blast for important and urgent information to hajj personnel and pilgrims, when needed.</i>
7	Melaksanakan program Safari Wuquf, iaitu membawa jemaah haji sakit dengan kenderaan bas ambulans dari Pusat Rawatan <b>TH</b> Syisyah ke Arafah untuk berwuquf pada 9 Zulhijjah di atas bas (tanpa menurunkan jemaah ke khemah) dan membawa mereka kembali ke pusat rawatan. <i>Implementation of 'Safari Wuquf', in which the ailing pilgrims were carried by ambulance bus from Syisyah <b>TH</b> Medical Centre to Arafah for wuquf on 9 Zulhijjah (without bringing them out from the bus) and afterwards, transported them back to the medical centre.</i>
8	Penggunaan kipas berwap air di khemah penempatan Jemaah Haji Muassasah semasa di Arafah. <i>The usage of mist fans in the tents that accommodate Muassasah Pilgrims at Arafah.</i>
9	Penyediaan permaidani sebagai hamparan tempat duduk jemaah haji di Muzdalifah dan kemudahan urinal di Mina untuk mengurangkan tempoh menunggu ke tandas. <i>Providing carpets as sitting mat for the pilgrims at Muzdalifah and urinals in Mina to reduce waiting time for lavatories.</i>
10	Taklimat Pengurusan Bencana kepada jemaah haji semasa ketibaan di Makkah/Madinah. <i>Disaster Management briefing to the pilgrims on their arrival in Makkah/Madinah.</i>
11	Penjenamaan semula Sahabat Maktab <b>TH</b> termasuk menyediakan Panduan Kerja Sukarela untuk rujukan Sahabat Maktab dan Pengurusan Maktab. <i>The re-branding of 'Sahabat Maktab' <b>TH</b> that include providing Volunteer Work Guideline for reference of Sahabat Maktab and the Management of the Maktab.</i>
12	Mewujudkan Pelan Pengurusan Bencana Operasi Haji Tanah Suci yang ditambahbaik dari Pelan Kesenambungan Operasi Haji. <i>Establishing the Disaster Management Plan for the Holy Land Hajj Operation, which was upgraded from the Hajj Operation Continuity Plan.</i>
13	Menambah bilangan pelaksanaan Badal Haji kepada 3,700 berbanding 2,400 pada Musim Haji 1436H. <i>Increasing the number of Badal Haji to 3,700 from 2,400 in 1436H.</i>

# PELABURAN

## Investment

### Pengurusan Portfolio Ekuiti

Pelaburan dalam ekuiti tercatat patuh syariah domestik merupakan salah satu aktiviti utama dalam memberikan pulangan pendapatan kepada **TH**. Objektif utama pelaburan ekuiti tercatat domestik adalah untuk menjana pulangan yang kompetitif sejajar dengan tahap risiko yang berpatutan.

2016 sekali lagi merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran modal. Indeks FBM KLCI menyusut sebanyak 3.0% berbanding tahun sebelumnya dan berakhir pada paras 1,641.7 mata. Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut Indeks FBM KLCI ditutup pada paras yang lebih rendah. Penurunan pada tahun 2016 adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti aliran keluar dana asing yang berterusan berjumlah hampir RM3.1 billion dari pasaran ekuiti Malaysia, penurunan purata harga minyak mentah Brent sebanyak 15.8% serta peningkatan risiko politik global terutama dengan teretusnya *Referendum* Brexit dan keputusan luar jangkaan pilihanraya Amerika Syarikat (AS). Walaupun nilai matawang RM pulih pada awal tahun, namun nilai RM terus menyusut sebanyak 3.2% berbanding USD daripada tahun sebelumnya. Faktor-faktor ini telah memberikan impak negatif kepada pasaran ekuiti Malaysia pada tahun 2016.

Pemulihan harga purata minyak sawit sebanyak 21.3% kepada RM2,657.9/tan pada tahun 2016 gagal menaikkan sentimen pasaran secara keseluruhannya.


### Equity Portfolio Management

Investment in domestic shariah-compliant listed equities is one of the main activities that generate income for **TH**. The main objective of these investments are to generate competitive returns in line with appropriate levels of risks.

2016 was another challenging year for the capital market. Overall, the FBM KLCI Index declined by 3.0% year-on-year to end at 1,641.7 points. This is the third consecutive year that the FBM KLCI index ended the year lower. The decline in 2016 was attributed to several key factors such as the continuous foreign outflow from the Malaysian equity market totalling nearly RM3.1 billion, contraction in average Brent crude oil price by 15.8% as well as heightened global political risks arising from the Brexit Referendum and the unexpected outcome of the US presidential election. Despite the rebound in RM in the early part of the year, RM continued to depreciate against USD by 3.2% year-on-year. These factors have negatively impacted the Malaysian equity market in 2016.

The recovery in average Crude Palm Oil (“CPO”) price by 21.3% year-on-year to RM2,657.9/tonne in 2016 was unable to lift the overall capital market sentiment.

#### Pelaburan Ekuiti Tercatat Domestik Mengikut Sektor | Sectorial Breakdown of Domestic Listed Equities






Walaupun dengan prestasi pasaran saham yang lemah pada tahun 2016, pelaburan dalam ekuiti tersenarai domestik telah mencatatkan keuntungan realis sebanyak RM1.24 bilion daripada jumlah pelaburan sebanyak RM19.21 bilion. Ini memberikan kadar pulangan realis sebanyak 6.48%.

Despite the weak performance of the stock market in 2016, **TH's** investments in domestic listed equities managed to record a realised profit of RM1.24 billion from total investment of RM19.21 billion. This gives a realised return of 6.48%.

Pergerakan Matawang RM Berbanding USD pada 2016 | RM/USD Movement in 2016

RM | USD



Sumber | Source: Bloomberg

**Pergerakan Indeks FBM Emas Syariah pada 2016**  
**FBM Emas Syariah Index Movement in 2016**


**FBMS Emas Syariah | Syariah**



Sumber | Source: Bursa Malaysia

**Pergerakan Indeks FBM KLCI pada 2016**  
**FBM KLCI Movement in 2016**


**FBM KLCI**



Sumber | Source: Bursa Malaysia

**Pergerakan Harga Minyak Mentah pada 2016**  
**Crude Oil Price Movement in 2016**


**USD Tong | Barrel**



Sumber | Source: Bloomberg

**Pergerakan Harga Minyak Kelapa Sawit pada 2016**  
**Crude Palm Oil Price Movement in 2016**

**USD Tan | Tonne**



Sumber | Source: Bloomberg



## Pengurusan Portfolio Ekuiti Asing

Pelaburan portfolio ekuiti asing **TH** telah beroperasi sejak 2014 dengan dana sebanyak USD800 juta merangkumi pelaburan patuh syariah di negara-negara rantau Asia Pasifik iaitu Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Australia, Korea Selatan, Taiwan, China dan Hong Kong. Pelaburan dibuat di dalam pelbagai sektor seperti sektor telekomunikasi, pengguna, hartanah, teknologi, utiliti, perladangan dan perkhidmatan kesihatan.

Seperti yang dijangkakan, tahun 2016 merupakan satu lagi tahun yang mencabar untuk pasaran ekuiti global, ekoran kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi global yang lemah dan ketidakpastian dalam perkembangan geopolitik dunia terutamanya Referendum Brexit dan pilihan raya Presiden AS.

Kemenangan luar jangkaan Donald Trump telah menimbulkan kesan negatif terhadap sentimen pelabur di dalam pasaran ekuiti negara membangun. Jangkaan terhadap pertumbuhan ekonomi AS yang lebih mampan didorong oleh pelaksanaan manifesto pilihan raya Donald Trump dan kenaikan berterusan kadar faedah oleh *Federal Reserve* telah menyebabkan aliran dana keluar daripada pasaran negara membangun ini kembali ke pasaran AS.

Walau bagaimanapun, **TH** berjaya merekodkan pulangan pelaburan yang memuaskan pada tahun ini. Berdasarkan purata saiz dana sebanyak RM2.95 bilion bagi tahun 2016, **TH** telah mencatatkan keuntungan realis bersih sebanyak RM187.23 juta iaitu bersamaan dengan kadar pulangan TWRR sebanyak 10.78% berbanding dengan pulangan sebanyak 0.92% yang dicatatkan oleh Indeks Dow Jones Islamic Asia Pasifik tidak termasuk Jepun (indeks penanda aras untuk pelaburan saham tercatat patuh syariah rantau Asia Pasifik).

## Foreign Equity Portfolio Management


**TH's** foreign investment portfolio has been operational since 2014 with fund size of USD800 million consists of investment in listed shariah-compliant equities across different countries in the Asia Pacific region, namely Indonesia, Philippines, Thailand, Singapore, Australia, South Korea, Taiwan, China and Hong Kong. **TH's** investment exposure spans across multiple sectors such as telecommunication, consumer, property, technology, utilities, plantation and healthcare.

As expected, 2016 was another challenging year for the global equity market, dragged down by concerns over weak global economy growth coupled with geopolitical uncertainties particularly the Brexit Referendum and the US Presidential Election.


Donald Trump's unexpected victory had resulted in a knee-jerk negative investor sentiment in the emerging equity markets. Expectations of stronger US economic growth to be driven by Donald Trump's execution of his election campaign pledges and for the interest rate hike by the Federal Reserve had caused capital outflow from these markets back into the US market.

Nevertheless, **TH** managed to record a satisfactory return for the year. Based on an average fund size of RM2.95 billion for 2016, **TH** recorded a net realized income of RM187.23 million, which translates to time weighted rate of return (TWRR) of 10.78% as compared to 0.92% return recorded by the Dow Jones Islamic Asia Pacific Ex-Japan Index (**TH's** benchmark index).

**Pecahan Portfolio TH Asia Pasifik Mengikut Negara setakat 31 Disember 2016**  
**TH Asia Pacific Portfolio Distribution by Country as at 31 December 2016**



**Pecahan Portfolio TH Asia Pasifik Mengikut Sektor setakat 31 Disember 2016**  
**TH Asia Pacific Portfolio Distribution by Sector as at 31 December 2016**





## Pelaburan Dana dan Outsourcing

**TH** juga menjana pulangan patuh syariah yang kompetitif dan mampan melalui syarikat pengurusan dana luaran. Dana **TH** yang diuruskan oleh pengurus dana luaran terbahagi kepada dua kategori, iaitu mandat ekuiti tersenarai dan mandat ekuiti tidak tersenarai.

Prestasi pengurus dana luaran sentiasa dipantau untuk memastikan mereka sentiasa mematuhi mandat yang ditetapkan dan mencapai sasaran pulangan sebagaimana yang ditetapkan oleh **TH**.

Bagi mandat ekuiti tersenarai, lapan pengurus dana telah dilantik bagi tahun 2016, yang terdiri daripada lima untuk pasaran domestik dan tiga untuk pasaran Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun). Jumlah dana yang diuruskan oleh pengurus dana luaran bagi mandat ekuiti tersenarai bagi tahun 2016 bernilai RM1.48 bilion, yang mana 65% daripada dana tersebut dilaburkan di dalam pasaran domestik.

Bagi mandat ekuiti tidak tersenarai, **TH** mempunyai komitmen untuk melabur sebanyak RM1.09 bilion dalam lima dana domestik dan sembilan dana antarabangsa. Portfolio dana ekuiti tidak tersenarai ini mempunyai pelaburan di dalam pelbagai sektor ekonomi dan merentasi geografi.

## Fund Investment and Outsourcing


**TH** also generates competitive and sustainable returns from shariah-compliant investments made through external fund management companies. The funds outsourced by **TH** are divided into two categories i.e. listed equities mandate and private equities mandate.

The external fund managers' performance is constantly monitored and measured to ensure that they are able to comply with the mandate and achieve the target returns set by **TH**.

For listed equities mandate, eight external fund managers were appointed for 2016 of which five were for the domestic market and three for the Asia Pacific (ex-Japan) markets. Total funds outsourced for this mandate in 2016 was valued at RM1.48 billion, of which 65% was invested in the domestic market.


For private equities mandate, **TH** remains committed to cumulatively invest RM1.09 billion in five domestic funds and nine international funds. The investment portfolio of the private equity funds are diversified into various economic sectors and across geographies.

Dana Ekuiti Tidak Tersenarai (Domestik vs Antarabangsa) | Private Equity Fund (Domestic vs International)



- Dana Ekuiti Tidak Tersenarai Antarabangsa  
International Private Equity Fund
- Dana Ekuiti Tidak Tersenarai Domestik  
Domestic Private Equity Fund

Mandat Ekuiti Tersenarai (Domestik vs Asia Pasifik) | Listed Equities Mandate (Domestic vs Asia Pacific)



- Mandat Ekuiti Tersenarai Domestik  
Domestic Listed Equities Mandate
- Mandat Ekuiti Tersenarai Asia Pasifik  
Asia Pacific Listed Equities Mandate

Peratusan komitmen dana ekuiti tidak tersenarai mengikut geografi adalah sebanyak 44% di Asia, 28% di Arab Saudi, 20% di Malaysia, 4% di negara-negara OIC dan 4% di negara-negara MENA (Asia Tengah dan Afrika Utara). Berdasarkan sektor ekonomi pula, 44% daripada dana dilaburkan di dalam sektor pajakan aset, diikuti dengan 23% dalam sektor hartanah, 11% dalam sektor perdagangan/perkhidmatan, 8% dalam sektor pengguna, 8% dalam sektor tenaga dan utiliti, 5% dalam sektor perindustrian, dan 1% dalam sektor kewangan. Sasaran Kadar Pulangan Dalaman (IRR) jangka panjang bagi dana ekuiti tidak tersenarai adalah di antara 12% hingga 20% setahun.

Pada 31 Disember 2016, nilai buku bersih keseluruhan pelaburan dana outsource **TH** adalah berjumlah RM3.25 bilion. Manakala pelaburan dana outsource **TH** telah merekodkan jumlah perolehan kasar berjumlah RM131.32 juta bagi tahun 2016.

## Pengurusan Portfolio Pendapatan Tetap

Portfolio pendapatan tetap **TH** menghasilkan perolehan sebanyak RM1.39 bilion pada 2016, iaitu peningkatan sebanyak 12% berbanding RM1.24 bilion yang dihasilkan pada 2015 di sebalik ketidakpastian dan cabaran di dalam pasaran bon global dan tempatan.

Sehingga 31 Disember 2016, nilai buku bersih keseluruhan portfolio pendapatan tetap adalah berjumlah RM27.72 bilion yang bersamaan 44% daripada jumlah keseluruhan nilai aset bersih **TH**.

Saiz pasaran sukuk Malaysia meningkat sebanyak 9% kepada RM617 bilion pada 2016 daripada RM604 bilion pada 2015. Nilai pasaran sukuk korporat Malaysia pula meningkat sebanyak 6% kepada RM226 bilion pada 2016 daripada RM213 bilion pada 2015. (Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia). Jumlah pelaburan **TH** di dalam pasaran sukuk tempatan berjumlah RM13.8 bilion pada 2016.

Kadar pulangan bagi sukuk Malaysia terjejas ekoran beberapa faktor polisi dan geopolitik termasuklah penurunan Kadar Faedah Semalaman oleh Bank Negara Malaysia, kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan kesan mengejut kemenangan pilihanraya Donald Trump. Walaupun kadar pulangan menunjukkan peningkatan menjelang akhir tahun, namun ianya masih berakhir lebih rendah berbanding 2015.

Kadar pulangan 10-tahun Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII), sukuk bertaraf AAA dan AA2 ditutup 15, 18, dan 33 mata asas lebih rendah masing-masing kepada 4.37%, 4.68%, dan 4.98%.

Geographically, 44% of the private equity funds are committed in Asia, 28% in Saudi Arabia, 20% in Malaysia, 4% in OIC countries and 4% in MENA (Middle East and North Africa). By sectors, 44% of the funds are committed in asset leasing, followed by 23% in real estate, 11% in trading/services, 8% in consumer, 5% in energy & utility, 5% in industrial product and 1% in financial sector. The targeted long-term Internal Rate of Returns (IRR) for the private equity funds range from 12% to 20% per annum.

As at 31st December 2016, the total net book value of **TH's** outsourced funds amounted to RM3.25 billion. Meanwhile **TH's** outsourced funds recorded gross income of RM131.32 million in 2016.

## Fixed Income Portfolio Management

**TH's** fixed income portfolio generated income of RM1.39 billion in 2016, an increase of 12% from the RM1.24 billion generated in 2015 despite the uncertainties and challenges in the global and domestic bond market.

As at 31 December 2016, the net book value of **TH's** fixed income portfolio was recorded at RM27.72 billion, accounting for 44% of **TH's** net asset value.

The size of Malaysia's sukuk market increased by 9% to RM617 billion in 2016 from RM604 billion in 2015. The market value of Malaysia's corporate sukuk increased by 6% to RM 226 billion in 2016 from RM213 billion in 2015. (Source: Bond Pricing Agency Malaysia). **TH's** total investment in the domestic sukuk amounted to RM13.8 billion in 2016.

Yields for Malaysian sukuk were affected by a slew of policy and geopolitical factors, including the cut in Overnight Policy Rate by Bank Negara Malaysia, the policy rate hike by the Federal Reserve of the United States as well as the knee-jerk effect of Donald Trump's election win. Although the yields recovered towards the end of the year, they still ended the year lower as compared to 2015.

The yield of 10-year Government Investment Issue (GII), AAA and AA2 closed 15 basis points (bps), 18 bps, and 33 bps lower to 4.37%, 4.68%, and 4.98% respectively.



## Penyelidikan Pelaburan

Bahagian Penyelidikan yang dianggotai oleh penganalisa-penganalisa ekuiti dan kredit bertanggungjawab menyediakan cadangan pelaburan dalam syarikat-syarikat senaraian awam, syarikat-syarikat persendirian yang menasaskan senaraian awam dan juga sukuk yang patuh syariah.

Dalam melaksanakan tugas penyelidikan, Bahagian ini memantau perkembangan dan tren ekonomi tempatan dan antarabangsa, industri-industri, pasaran-pasaran saham dan syarikat-syarikat senaraian awam dalam mengenalpasti peluang-peluang pelaburan yang dapat memberikan pulangan pelaburan yang optimum kepada **TH**.

Bahagian ini turut mengekalkan komunikasi dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat yang dilabur dan yang berpotensi untuk dilabur serta mengatur lawatan-lawatan ke syarikat untuk memahami dengan lebih lanjut tentang operasi syarikat-syarikat tersebut. Bagi tahun 2016, para penganalisa dan pengurus dana telah melawat sebanyak 282 syarikat, manakala sebanyak 68 syarikat telah hadir ke **TH** untuk membentangkan maklumat terkini serta prospek mereka.

Di samping itu, Bahagian ini memantau perkembangan perniagaan, urus tadbir korporat dan pematuhan syariah syarikat-syarikat tersebut. Pihak Pengurusan Jabatan Pelaburan juga sering memainkan peranan yang proaktif dalam mengutarakan pandangan dan cadangan kepada pihak pengurusan syarikat-syarikat berkaitan untuk tujuan penambahbaikan.

Bahagian ini turut mendapat manfaat sokongan berterusan daripada unit-unit penyelidikan pelaburan panel broker saham **TH**. Panel broker saham terbabit dinilai pada setiap tahun daripada aspek kualiti perkhidmatan penyelidikan pelaburan dan urus niaga saham yang diberikan kepada **TH**. Bagi tahun 2016, **TH** disokong oleh 13 broker saham tempatan dan 2 broker saham asing.

## Pelaburan Strategik Melalui Anak Syarikat, Syarikat Bersekutu dan Usahasama

Pelaburan strategik melalui penglibatan secara terus melalui anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama, samada ekuiti tercatat mahupun tidak tercatat membuktikan kesungguhan **TH** untuk mengembangkan perniagaan dalam sektor patuh syariah yang telah dikenal pasti.

Berikut adalah laporan pencapaian **TH** dalam pelaburan strategik melalui anak-anak syarikat:

## Investment Research

The Research Division, which is made up of equity and credit research analysts, is responsible to provide shariah-compliant investment recommendations on public listed companies, private companies aiming for public listing as well as sukuk issuances.

In carrying out its research duties, the Division monitors the developments and trends of domestic and international economies, industries, stock markets and listed companies in identifying investment opportunities which can generate optimum investment returns for **TH**.

The Division also maintains communications with the management team of the investee and potential investee companies and organises site visits to further understand the operations of these companies. In 2016, the analysts and fund managers visited 282 companies, while 68 companies visited **TH** to present their latest updates and outlook.

In addition, the Division monitors these companies' business developments, corporate governance and compliance to shariah requirements. The Management of Investment Department also often plays a proactive role in communicating the Division's views and recommendations to the management of these companies for their improvement.

The Division also capitalises on the continuous support received from the investment research units of **TH's** panel stockbrokers. These stockbrokers are evaluated annually based on the quality of their investment research and stockbroking services provided to **TH**. In 2016, **TH** was supported by 13 local stockbrokers and 2 foreign stockbrokers.

## Strategic Investments Through Subsidiaries, Associates and Joint-Ventures

The strategic investments through direct involvement either by subsidiaries, associates and joint-ventures, both in quoted and unquoted shares proved **TH's** determination to develop businesses in identified shariah-compliant sectors.

The following are reports of **TH's** strategic investments via subsidiaries:

# SEKTOR KEWANGAN ISLAM

## Islamic Finance Sector

### BIMB Holdings Berhad

Penglibatan **TH** dalam Sektor Kewangan Islam adalah melalui anak syarikat, BIMB Holdings Berhad. BIMB Holdings Berhad (BHB atau Kumpulan) terus meningkatkan asasnya bagi menyampaikan nilai kepada pemegang berkepentingan. Status Kumpulan sebagai satu-satunya syarikat pegangan kewangan Islam yang tersenarai di Malaysia merupakan salah satu kelebihan utama yang dimiliki oleh BHB yang memberikannya kemampuan unik untuk menawarkan perkhidmatan kewangan patuh syariah lengkap kepada pasaran, daripada perbankan ke takaful dan pembrokeran saham. Penekanan tambahan yang diberikan dalam memanfaatkan kelebihan tersebut pada tahun 2016 telah berjaya membentuk sinergi yang lebih menyeluruh dalam Kumpulan untuk sama-sama membangun sebagai sebuah organisasi yang lebih tersusun.

BHB memfokus kepada aspek-aspek utama termasuk kualiti aset, kos pembiayaan, pengurusan modal secara proaktif dan pengurusan risiko yang diperkukuh.

Dengan sokongan yang lebih menyeluruh daripada Kumpulan, anak-anak syarikat BHB yang terdiri daripada Bank Islam Berhad (Bank Islam atau Bank), Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) dan BIMB Securities Berhad (BIMB Securities) telah berjaya mempertingkatkan prestasi masing-masing. Ini terbukti menerusi pencapaian yang amat menggalakkan bagi tahun kewangan 2016.

Antara pencapaian penting tahun ini adalah:

- Pertumbuhan kewangan yang kukuh sebanyak 14.3%, berbanding 5.3% yang dicatat oleh industri;
- Nisbah kemerosotan nilai pembiayaan kasar pada 0.98% berbanding 1.61% nisbah industri; dan
- Pulangan tertinggi atas ekuiti berdasarkan keuntungan sebelum cukai sebanyak 22%.

### BIMB Holdings Berhad

**TH** involvement in the Islamic Finance Sector is through its subsidiary, BIMB Holdings Berhad. BIMB Holdings Berhad (BHB or the Group) continued to build on its fundamentals in order to deliver stakeholder value. One of the Group's key strengths is its status as the only listed Islamic financial holdings company in the country, which lends BHB the unique ability to offer end-to-end shariah-compliant financial services to the market, from banking to takaful and stockbroking. BHB placed additional emphasis on leveraging on this strength in 2016, creating greater Group synergies to grow together as a more cohesive organisation.

BHB focused on key areas including asset quality, cost of funds, proactive capital management and strengthened risk management.

With greater Group support, its subsidiaries, Bank Islam Berhad (Bank Islam or the Bank), Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) and BIMB Securities Berhad (BIMB Securities) were able to enhance their performance. This resulted in some very encouraging numbers for the financial year 2016.

Among the key achievements during the year were:

- Strong financing growth of 14.3%, compared with industry's 5.3%;
- Gross impaired financing ratio of 0.98% compared with industry's 1.61%; and
- Highest return on equity based on pre-tax profit of 22%.



Prestasi kewangan BHB turut menggambarkan prestasi kewangan anak-anak syarikatnya. Walaupun menghadapi persekitaran makro yang mencabar, Bank Islam dan Takaful Malaysia terus memfokus kepada kelebihan yang dimiliki untuk mencatat keputusan yang memberangsangkan dengan kedua-duanya berjaya mencapai rekod keuntungan. Bertunjangkan operasi berhemah namun strategik, anak-anak syarikat BHB berjaya mencapai KPI masing-masing, justeru, memastikan prestasi Kumpulan yang teguh. BHB turut mencatat pulangan sebelum cukai atas ekuiti (ROE) yang memuaskan sebanyak 22.0% dan pulangan sebelum cukai atas aset (ROA) sebanyak 1.4%, manakala pendapatan sesaham (EPS) pula adalah sebanyak 35.25 sen.

Pada tahun ini, BHB bukan sahaja merupakan salah satu kaunter dengan prestasi terbaik di kalangan institusi kewangan di Bursa Malaysia, malah muncul sebagai kaunter terbaik. Harga saham BHB meningkat sebanyak 10.2% dari akhir bulan Disember 2015 hingga akhir Disember 2016. Pencapaian ini adalah jauh lebih baik berbanding FBM Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI) yang menurun sebanyak 3.0% sepanjang tempoh yang sama. Berbekalkan prestasi kewangan yang memberangsangkan tersebut, BHB telah mengisytiharkan dividen interim sebanyak 13.0 sen sesaham biasa yang berjumlah RM206.53 juta bagi tahun kewangan ini. Kira-kira 89.4% daripada dividen berkenaan telah dilaburkan semula ke dalam 49,061,000 saham biasa baharu dengan nilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM3.75 se saham, sejajar dengan rancangan pelaburan semula dividen Kumpulan.

BHB's financial performance is a direct reflection of that of its subsidiaries. Despite the challenging macro-environment, Bank Islam and Takaful Malaysia continued to focus on their strengths to deliver robust results, both achieving record profits. Based on their prudent yet strategic operations, the subsidiaries were able to deliver on their KPIs, ensuring healthy Group performance. BHB registered a respectable pre-tax return on equity (ROE) of 22.0% and pre-tax return on assets (ROA) of 1.4%, while an earnings per share (EPS) was 35.25 sen.

This year, BHB is not merely one of the best performing counters among financial institutions on Bursa Malaysia, but the best performer. Its share price appreciated by 10.2% from end December 2015 to end December 2016. This compares very favourably against the FBM Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI), which decreased by 3.0% over the same period. Along with a healthy financial performance, BHB declared an interim dividend of 13.0 cent per ordinary share amounting to RM206.53 million for the financial year. Approximately 89.4% of the dividend was reinvested into 49,061,000 new ordinary shares of RM1.00 each at an issue price of RM3.75 per share in line with the Group's dividend reinvestment plan.

## Perbankan Islam

### Pencapaian Penting:

- Melancarkan Akaun Pelaburan Terhad kedua (RIA) di Platform Akaun Pelaburan;
- Dianugerah sebagai Bank Permodalan Sukuk Terbaik oleh The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2016;
- Salah sebuah Jenama Majikan Terbaik di Asia, menurut Employer Branding Institute; dan
- Melancarkan Business Credit Card-i (VISA Infinite) yang patuh syariah pertama di Asia Pasifik.

Melalui usahanya untuk terus memfokus kepada pembiayaan bercagar, aset pembiayaan bersih dari tahun ke tahun Bank Islam berkembang pada kadar 14.3%, jauh mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 5.3%. Sejajar dengan itu, pendapatan berasaskan dana daripada pembiayaan telah meningkat sebanyak 12.8%, manakala pendapatan bukan berasaskan dana turut bertambah sebanyak 17.3% yang mana sebahagian besarnya dihasilkan oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada jualan sekuriti pelaburan.

Pada akhir Disember, peningkatan sebanyak 5.4% juga telah dicatat dalam jumlah deposit pelanggan dan lonjakan sebanyak 463.9% dalam akaun pelaburan. Peningkatan mendadak dalam akaun pelaburan tersebut adalah kerana ia merupakan suatu penawaran yang agak baharu dalam perbankan Islam. Pada kadar 30.8%, CASA (Akaun Semasa, Akaun Simpanan) masih di paras lebih tinggi berbanding nisbah industri perbankan Islam sebanyak 26.5%. Di samping itu, akaun pelaburan transaksi juga mencatat pertambahan berjumlah RM1.1 bilion kepada RM1.5 bilion.

Nisbah kemerosotan nilai pembiayaan kasar Bank pada akhir Disember 2016 telah mencatat angka yang lebih memuaskan kepada 0.98% berbanding 1.09% pada akhir Disember 2015, jauh lebih rendah daripada nisbah sistem perbankan sebanyak 1.61%. Begitu juga dengan nisbah kemerosotan nilai pembiayaan bersih sebanyak -0.75% yang berada pada paras lebih baik berbanding sistem perbankan sebanyak 0.16%.

KPI Bank pada akhir Disember 2016 mencatat pencapaian yang lebih baik berbanding sistem perbankan pada akhir 2015 dengan ROE sebelum cukai sebanyak 17.1% (sistem perbankan: 12.4%) dan pulangan atas aset sebelum cukai sebanyak 1.4% (sistem perbankan: 1.3%). Jumlah aset juga berkembang sebanyak 11.9% dan ini juga mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 3.7%.

## Islamic Banking

### Key Achievements:

- Launched the second Restricted Investment Account (RIA) on Investment Account Platform;
- Awarded the Best Bank Capital Sukuk by The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2016;
- One of Asia's Best Employer Brands, according to the Employer Branding Institute; and
- Launched Asia Pacific's first shariah-compliant Business Credit Card-I (VISA Infinite).

Year-on-year net financing assets grew by 14.3%, far exceeding the industry's growth at 5.3%, with a continued focus on secured financing. Accordingly, fund based income from financing increased by 12.8%. Non-fund based income also increased, by 17.3%, mainly due to higher gains from the sale of investment securities.

As at end December, customer deposits and investment accounts had increased by 5.4% and 463.9%. The drastic increase in the latter accounted for by the fact that the investment accounts are a relatively new feature in Islamic banking. CASA (Current Account, Savings Account) at 30.8% was still higher than the Islamic banking industry ratio of 26.5%. Meanwhile, the transactional investment accounts increased by RM1.1 billion to record RM1.5 billion.

Bank Islam's gross impaired financing ratio as at end December 2016 improved to 0.98% compared to 1.09% as at end December 2015, and was markedly lower than the banking system's 1.61% while the net impaired financing ratio was -0.75%, again bettering the banking system at 0.16%.

The Bank's KPIs as at end December 2016 compared favourably against the banking system as at end 2015, with a pre-tax ROE of 17.1% (banking system: 12.4%) and pre-tax return on assets of 1.4% (banking system: 1.3%). Total assets also grew 11.9%, outstripping industry growth of 3.7%.





## Industri Takaful

Pencapaian Penting:

- Peneraju di kalangan pengendali takaful dalam segmen pasaran manfaat kakitangan;
- Menawarkan produk dan penyelesaian secara atas talian melalui laman sesawang dan portal atas talian; dan
- Anugerah Prestasi Saham Terbaik oleh The Edge-BRC (Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham sepanjang Tiga Tahun) dalam sektor kewangan.

Pendapatan dipacu terutamanya oleh pendapatan pelaburan dan jualan Takaful Keluarga dan Takaful Am. Sebahagian besar kutipan kasar produk Takaful Keluarga adalah berkaitan gadai janji. Caruman kasar Takaful Am pula didorong terutamanya oleh kelas-kelas kebakaran dan komersial.

Prestasi kukuh yang dicatat oleh Takaful Malaysia telah membawa kepada perolehan sesaham (EPS) sebanyak 21.52 sen dengan aset sesaham bersih sebanyak RM0.89 dan pulangan atas ekuiti pemegang saham sebanyak 24.9%.

## Pembrokeran Saham

BIMB Securities terus mengembangkan asas pelanggan institusinya dan mempromosikan pasaran modal syariah. Usaha ini mendapat dorongan yang besar setelah platform sekuriti Islam bersepadu sepenuhnya, Bursa Malaysia-i dilancarkan pada bulan September.


Bahagian sekuriti BHB menjalankan aktiviti pembentangan di pejabat-pejabat pelanggan dari semasa ke semasa dan turut mengatur lawatan syarikat dan lawatan ke syarikat senarai awam untuk pelanggan serta mengelolakan sesi-sesi perkongsian ilmu dan bimbingan. Pada masa yang sama, bahagian tersebut terus berusaha meningkatkan kesedaran terhadap pasaran modal syariah melalui pelbagai aktiviti berunsurkan pendidikan yang disasarkan kepada universiti, politeknik dan Majlis Agama; serta menerusi usaha sama dengan Bursa Malaysia dalam pelbagai program pemasaran.

Bagi memudahkan transaksi oleh pelanggan runcit, sistem eBayaran telah dipertingkatkan untuk perdagangan internet.

## Takaful Industry

Key Achievements:

- Leading takaful operator in the employee benefit market segment;
- Offering products and solutions online via website and online portals; and
- The Edge-BRC Best Performing Stock Award (Highest Returns to Shareholders over Three Years) in the finance sector.



Takaful Malaysia's revenue is generated from investment income and sales of both Family Takaful and General Takaful.

Family Takaful generated its gross contributions mainly from mortgage-related products. Meanwhile, General Takaful's gross contributions driven primarily by the fire and commercial classes.

Takaful Malaysia healthy performance leads to earning per share (EPS) of 21.52 cent with net assets per share of RM0.89 and 24.9% return on shareholders' equity.

## Stockbroking

BIMB Securities continued to build its institutional clientele base and promote the shariah capital market, which received a boost with the launch of a fully integrated Islamic securities exchange platform, Bursa Malaysia-i in September.

Its securities arm engaged in regular presentations at clients' offices, while arranging company and site visits to listed companies for clients as well as organising knowledge sharing sessions. At the same time, it continued to increase awareness of the shariah capital market via educational activities targeting universities, polytechnics and Majlis Agama; as well as by collaborating with Bursa Malaysia on various marketing programmes.

For ease of transaction by retail clients, it enhanced its ePayment system for internet trading.

# SEKTOR PERLADANGAN

## Plantation Sector

### Pembangunan Perladangan

Berbekalkan pengalaman selama 44 tahun, Kumpulan Perladangan milik **TH** terus berdiri teguh sebagai salah sebuah peneraju dalam industri perladangan kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia menerusi TH Plantations Berhad (THP) serta rangkaian anak-anak syarikat THP (Kumpulan THP), syarikat pemegang pelaburan iaitu TH Estates (Holdings) Sdn Bhd, TH Indo Industries Sdn Bhd dan TH Indopalms Sdn Bhd serta syarikat usahasama iaitu Trurich Resources Sdn Bhd dan Deru Semangat Sdn Bhd (secara kolektifnya dikenali sebagai Kumpulan Perladangan **TH**). Malah, pelaburan di sektor perladangan merupakan salah satu tunjang kejayaan **TH** dalam menjana keuntungan mampan dan berterusan, sejajar dengan objektif pelan perancangan strategik lima tahun **TH**.

Hingga kini, penglibatan **TH** di dalam sektor perladangan bukan sekadar aktif di dalam aktiviti perladangan dan pengilangan kelapa sawit serta penanaman getah, malah turut giat meneroka perniagaan hiliran di Indonesia di dalam pengeluaran dan pembungkusan minyak masak untuk pasaran luar negara. **TH** telah meletakkan kepercayaan kepada Kumpulan THP untuk mengurus kesemua ladang seluas 165,000 hektar yang terletak di Malaysia dan Indonesia menerusi anak syarikat milik sepenuhnya iaitu THP Agro Management Sdn Bhd.

### Landskap Industri Sawit 2016

Pada tahun 2016, industri kelapa sawit telah menyumbang sebanyak RM64.58 bilion kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) telah diniagakan tinggi sebanyak 23.2% atau RM499.50 per tan menjangkau RM2,653.00 per tan pada 2016 berbanding RM2,153.50 per tan pada tahun 2015. Harga urusan MSM yang tertinggi ini diniagakan pada bulan Disember 2016 sebanyak RM3,200.00 per tan manakala harga terendah yang diniagakan adalah pada bulan Januari sebanyak RM2,250.50 per tan. Kenaikan harga MSM ini adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran MSM akibat fenomena cuaca El-Nino iaitu panas dan kemarau yang tidak menentu serta berjerebu yang telah menjejaskan penghasilan Buah Tandan Segar (BTS).

Ini sekaligus meningkatkan harga MSM, ditambah pula dengan persaingan harga minyak sayur-sayuran yang lebih kukuh seperti minyak kacang soya serta nilai ringgit yang lemah berbanding dolar AS, menjadikan MSM lebih murah berbanding minyak sayuran lain di pasaran dunia. Selain itu, perkembangan yang menggalakkan terhadap industri ini boleh dilihat berdasarkan kepada keteguhan dorongan permintaan terhadap sumber makanan, oleokimia serta bahan api bio, selaras dengan peningkatan bilangan penduduk dan pertumbuhan ekonomi dunia.

### Plantation Development

With 44 years of experience, **TH**-owned Plantation Group remains strong as one of the leading players in the oil palm plantation industry; both in Malaysia and Indonesia via TH Plantations Berhad (THP) and a network of THP subsidiaries (THP Group), an investment holding company i.e. TH Estates (Holdings) Sdn Bhd, TH Indo Industries Sdn Bhd and TH Indopalms Sdn Bhd and a joint-venture company, Trurich Resources Sdn Bhd and Deru Semangat Sdn Bhd (collectively known as **TH** Plantation Group). Our investment in the plantation sector is indeed, one of the thrusts of **TH** success in generating sustainable and continuous profit, in line with the objectives of **TH** five-year strategic plan.

To date, **TH**'s involvement in the plantation sector is not merely restricted to active participation in the oil palm plantation and milling activities and rubber plantation, but it is also actively involved in the downstream business in Indonesia, specifically in the production and packaging of cooking oil for export market. **TH** has entrusted THP Group to manage the entire 165,000 hectares of plantations located in Malaysia and Indonesia through its wholly-owned subsidiary, THP Agro Management Sdn Bhd.

### 2016 Oil Palm Industry Landscape

In 2016, oil palm industry contributed a total of RM64.58 billion towards Malaysia's economic growth. Crude Palm Oil (CPO) price soared by 23.2% or RM499.50 per tonne, to RM2,653.00 per tonne in 2016 from RM2,153.50 per tonne in 2015. The highest CPO price traded was registered in December 2016 at RM3,200.00 per tonne, while the lowest was at RM2,250.50 per tonne in January. The sharp rise in CPO price was attributable to lower CPO production due to El-Nino phenomenon marked by hot weather and prolonged draught followed by haze, which in turn affected Fresh Fruit Bunch (FFB) production.

This had indirectly increased the price of CPO, supported by the price competition of vegetable oils such as the firmer price of soy oil and the weakening Ringgit value compared to US Dollar, making CPO cheaper compared to other vegetable oils in the world market. In addition, the encouraging development of this industry is evidenced by the strong demand drive for food sources, oleochemicals and biofuel, in line with the rapid increase of the world population and economic growth.



## Prestasi Ladang

Pada akhir tahun kewangan 2016, Kumpulan Perladangan **TH** mempunyai kawasan ladang seluas 165,000 hektar berbanding 157,000 hektar pada tahun 2015, iaitu pertambahan keluasan kawasan ladang sebanyak 5% atau 8,000 hektar.


BTS yang dihasilkan oleh ladang Kumpulan Perladangan **TH** di Malaysia mengalami penyusutan sebanyak 7% berbanding pencapaiannya pada tahun 2015. Sebaliknya, Kalimantan pula menghasilkan pertambahan BTS sebanyak 28% pada tahun 2016 berbanding pencapaian pada tahun 2015. Berikut adalah jumlah pengeluaran BTS bagi 2 tahun terkini:

## Plantation Performance

At the end of financial year 2016, **TH** Plantation Group had 165,000 hectares of plantation area in total compared to 157,000 hectares in 2015, an increase of 5% or 8,000 hectares.

FFB produced by **TH** Plantation Group's plantations in Malaysia decreased by 7% compared to its production in 2015. On the contrary, plantations in Kalimantan, registered an increase of 28% compared to that in 2015. Below is the total FFB harvested for the last 2 years:

### Jumlah Pengeluaran BTS | Total FFB Production:



	2015	2016
Malaysia	797,599	<b>740,536</b>
Kalimantan	178,857	<b>229,098</b>

Kumpulan Perladangan **TH** yakin bahawa pertambahan kawasan baharu matang pada tahun ditinjau dapat memaksimumkan penghasilan BTS pada masa depan. Selain itu, program penanaman semula secara berperingkat yang dilaksanakan bagi menggantikan pokok sawit yang telah mencapai usia lebih 25 tahun telah berjaya memastikan produktiviti BTS meningkat secara berterusan.

**TH** Plantation Group is confident that an increase in hectare of its matured oil palms during the year under review will help maximise its future FFB production. In addition, the replanting programme to replace oil palms exceeding 25 years of age which was implemented in stages had successfully ensured a continuous enhancement of its FFB productivity.



## Prestasi Kilang

Kumpulan Perladangan **TH** juga memiliki tujuh buah kilang di Malaysia dan dua buah kilang di Kalimantan yang telah beroperasi sepenuhnya. Kapasiti pemprosesan sembilan buah kilang ini berbeza antara satu sama lain iaitu antara 10 tan metrik sejam hingga 60 tan metrik sejam. Secara keseluruhan, kapasiti pemprosesan kesemua kilang tersebut berjumlah 360 tan metrik sejam.

Sementara itu, kadar perahan MSM Kumpulan Perladangan **TH** di Malaysia bagi tahun 2016 menunjukkan pertambahan hasil berbanding pencapaiannya pada tahun 2015. Sebaliknya, kadar perahan MSM di Kalimantan pada tahun 2016 pula berkurangan berbanding pada tahun 2015 disebabkan oleh penerimaan BTS yang rendah kadarnya dari kawasan yang baharu matang.

Bagi meningkatkan hasil daripada operasinya, Kumpulan Perladangan **TH** sentiasa berusaha mencari pelbagai inovasi terkini yang boleh membantu meningkatkan kecekapan pemprosesan BTS dan menghasilkan MSM berkualiti tinggi bagi mempertingkatkan daya saing di pasaran.



## Milling Performance


**TH** Plantation Group has seven mills in Malaysia and two in Kalimantan which are fully operational. The processing capacity of each of the nine mills varies from 10 metric tonnes an hour to 60 metric tonnes an hour. Overall, the total processing capacity of all the mills is 360 metric tonnes an hour.

CPO extraction rate of **TH** Plantation Group in Malaysia shows an increase in yield during the year compared to its rate in 2015. On the contrary, CPO extraction rate in Kalimantan dropped from its level in 2015 due to low rate of FFB harvested from its newly matured area.

To improve revenue from its operations, **TH** Plantation Group is constantly searching for advanced innovations which can help boost FFB processing efficiency and generate higher quality CPO to enhance its competitiveness in the market.



**Kadar Perahan CPO | CPO Extraction Rate:**



**Inisiatif Pertumbuhan Mampan**

Bagi memastikan Kumpulan Perladangan **TH** bersedia menggalas pelbagai cabaran masa depan, inisiatif bagi mencapai pembangunan mampan telah dirangka pada tahun ditinjau sebagai pendekatan jangka panjang untuk memastikan sektor perladangannya mampu menghasilkan pulangan premium daripada pelaburannya. Justeru, Kumpulan THP telah meletakkan sasaran untuk mencapai tahap Penunjuk Utama Prestasi (KPI) yang dikehendaki dalam segenap parameter, antaranya pulangan ke atas ekuiti, pengeluaran BTS setiap hektar serta pembayaran dividen kepada pemegang saham. Bagi merealisasikan matlamat inisiatif ini, Kumpulan Perladangan **TH** telah melaksanakan empat Strategi Pertumbuhan Teras yang meliputi:

- Penambahbaikan Nilai Kawasan Bertanam**  
Produktiviti serta kawalan kos diperkukuhkan menerusi Program Peningkatan Prestasi (PIP) bagi meningkatkan hasil dan kadar perahan minyak sawit (OER) secara mampan. Kaedah ‘Back to Basic’ diamalkan secara menyeluruh dalam pengurusan ladang dan kilang. Satu pasukan khas iaitu ‘Pasukan Petugas OER’ telah dipertanggungjawab untuk memastikan pengekal pencapaian OER yang tinggi daripada sembilan kilang sedia ada di Malaysia dan Indonesia.

**Sustainable Growth Initiatives**

To ensure that **TH** Plantation Group is ever-ready to face future challenges, initiatives to achieve sustainable growth was planned during the year as a long-term approach to ensure that its plantation sector is capable of generating premium returns from its investments. Hence, THP Group had set a target to achieve a desired level of Key Performance Indicators (KPI) in every parameter, amongst them include return on equity, FFB production per hectare and dividend payment to shareholders. To realise the objectives of these initiatives, **TH** Plantation Group had implemented four Key Growth Nodes which include:

- Value Enhancement of the Existing Plantation Platform**  
Productivity and costs controls are strengthened through the Performance Improvement Programme (PIP) to sustainably boost harvest production and palm oil extraction rate (OER). Back to Basic approach is comprehensively applied in plantation and mills management. A special team, known as the OER Task Force was assigned to ensure that production of OER from the nine existing mills in Malaysia and Indonesia remains high at all times.



- **Pembangunan Kawasan Belum Bertanam**

Pada akhir tahun 2016, kira-kira 16% kawasan yang belum ditanam sedang diusahakan dengan penanaman kelapa sawit dan getah secara berperingkat. Kepelbagaian tanaman dan asas pendapatan ini telah dirancang dengan teliti untuk membolehkan Kumpulan Perladangan **TH** mengimbangi aliran pendapatan sekiranya berlaku turun naik harga salah satu atau kedua-dua komoditi tersebut. Langkah jangka panjang ini membolehkan Kumpulan Perladangan **TH** memastikan pencapaian pulangan yang positif secara berterusan kepada para pemegang sahamnya.

- **Peluasan Tanah Perladangan**

Selain berusaha meningkatkan aliran pendapatan melalui inisiatif pembangunan mampan, Kumpulan Perladangan **TH** juga peka untuk memastikan usahaniaganya dapat menyumbang ke arah kemakmuran ekonomi dan sosial setempat sambil memelihara kemampuan alam sekitar. Selaras dengan matlamat tersebut, pada tahun ditinjau, Kumpulan Perladangan **TH** telah meneroka pelbagai peluang untuk mencapai sasaran bagi meluaskan saiz perladangannya kepada 300,000 hektar menjelang tahun 2020. Beberapa kawasan yang sesuai sedang dipertimbangkan untuk tanaman kelapa sawit dan getah yang bukan sahaja akan meningkatkan pengeluaran, malah akan menerbitkan peluang pekerjaan dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi setempat sambil mengekalkan kualiti alam sekitar.

- **Development of Greenfield Areas**

At the end of 2016, approximately 16% of our greenfield areas were gradually cultivated with oil palms and rubber. The diversity of plants and income base was carefully planned to enable the **TH** Plantation Group to balance its income flow in the event of price fluctuations of any one or both commodities. The long-term measure has enabled the **TH** Plantation Group to promise its shareholders continuous positive returns.

- **Land Bank Expansion**

Apart from the effort in increasing income flow from its sustainable development initiative, **TH** Plantation Group is also concerned in determining that its business venture is also able to contribute towards the economic and social well-being of the area where it operates and at the same time, maintains its environmental sustainability. In tandem with that objective, **TH** Plantation Group had explored into opportunities during the year to expand its plantation land bank to 300,000 hectares by 2020. Several suitable areas were considered for oil palm and rubber plantations which will not only help boost the production, but will also create employment opportunities and bring in socio-economic development while maintaining its environment.



- **Menginsankan Operasi Perniagaan**

Persekitaran, komuniti, warga kerja dan pemegang saham merupakan penentu utama yang memastikan kejayaan masa depan Kumpulan Perladangan **TH**. Dalam usaha mencapai pertumbuhan dinamik yang akan menentukan kelangsungan Kumpulan, Kumpulan Perladangan **TH** mengamalkan sistem perladangan mampan serta melaksanakan amalan terbaik dalam urus tadbir korporat. Langkah ini dimulakan dengan memberi latihan dan bimbingan kepada warga kerja supaya mereka memahami dan mampu bertindak balas terhadap keperluan arus pembangunan industri.

Oleh kerana kemajuan komuniti setempat sangat penting kepada kesejahteraan kawasan perladangan, Kumpulan Perladangan **TH** komited untuk menyumbang ke arah mencapai kemajuan tersebut dengan menyediakan prasarana serta kemudahan sosial yang bukan sahaja memanfaatkan warga kerja, malah komuniti setempat dan penduduk kawasan berhampiran. Antara kemudahan itu termasuklah pembinaan infrastruktur fizikal yang meliputi jalan kampung, jalan pertanian, jambatan, surau serta pusat pertumbuhan desa seperti gelanggang sukan dan masjid.

Sebagai ahli Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), Kumpulan Perladangan **TH** sentiasa komited untuk mematuhi kriteria ekonomi, sosial dan alam sekitar RSPO dalam setiap aspek operasi. Ini membolehkan Kumpulan Perladangan **TH** meminimumkan impak negatif dalam aktiviti perladangan terhadap alam sekitar dan komuniti berhampiran.

- **Humanizing Business Operations**

The environment, communities, employees and shareholders are major determinants which will ensure the future success of **TH** Plantation Group. As the Group move to pursue dynamic growth which will in turn ensure the Group's survival, **TH** Plantation Group adopts sustainable plantation system and exercise the best corporate governance practices. This approach is adopted by providing training and guidance to employees, making them understand and able to respond accordingly to the need of the industry's rapid development.

Since local community development is important to the well-being of the plantation area, **TH** Plantation Group is also committed to contribute towards its development by providing infrastructure and social amenities beneficial not only to employees, but also to the local community and the surrounding population. Among the amenities provided are the construction of physical infrastructure that extends over village roads, agriculture roads, bridges, surau and rural growth centres such as sports arena and mosques.

As a member of the Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), **TH** Plantation Group is always committed to comply with the set of RSPO economic, social and environmental criteria in all aspects of its operations. This has enabled **TH** Plantation Group to minimise negative impacts from the plantation activity on the environment and the surrounding communities.

# SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH DAN PEMBINAAN

## Property Development and Construction Sector

**TH** bergiat aktif dalam sektor pembangunan hartanah dan pembinaan menerusi anak syarikat milik penuh, TH Properties Sdn Bhd (Kumpulan TH Properties). Pada tahun 2016, kegiatan dan aktiviti Kumpulan TH Properties terus rancak walaupun dalam keadaan ekonomi dan pasaran hartanah yang agak malap.

### Pembangunan Hartanah

#### Dalam Negara

Di Bandar Enstek, Negeri Sembilan, Techpark@enstek terus menjadi tarikan pelabur untuk dijadikan lokasi penempatan industri dan perniagaan. Pada tahun 2016, dua lagi syarikat, iaitu Peresscol Sdn Bhd dan Mighty Bakery Sdn Bhd turut menyertai 32 syarikat yang telah membeli tanah di kawasan perindustrian tersebut. Coca-Cola Malaysia telah pun membeli tapak seluas 10 ekar bersebelahan dengan kilangnya yang sedia ada untuk sebahagian pelan perkembangan bernilai RM500 juta, yang bakal melibatkan pembinaan gudang berteknologi tinggi. Pada bulan Ogos 2016, Institut Kepimpinan dan Pembangunan, iaitu pusat latihan untuk kakitangan Universiti Teknologi Mara, telah dibuka secara rasmi di Bandar Enstek.

Di Warisan Puteri 2, Seremban, Kumpulan TH Properties telah melancarkan Sutera, rumah teres dua tingkat, pada bulan Mei 2016 dan lebih 50% unit telah terjual setakat 31 Disember 2016. Warisan Puteri 2 adalah pembangunan bercampur seluas 105.5 ekar, yang merupakan fasa terakhir di Bandar Warisan Puteri yang pesat membangun. Ianya bakal menempatkan 1,105 unit kediaman dan unit komersial pegangan bebas.

#### Luar Negara

Prestasi projek-projek luar negara Kumpulan TH Properties di Australia, melalui usahasama dengan pemaju tempatan, Piety Group, terus mencatatkan perkembangan yang memberansangkan dengan sokongan permintaan yang tinggi. Imperial, Hurstville di Sydney yang mula dibina pada bulan Oktober 2015 kini telah terjual lebih 97%. Pembinaan 227 unit pangsapuri servis dan unit komersil di atas tanah seluas 0.75 ekar ini dijangka siap pada bulan Mac 2018. Fasa pertama One The Waterfront di Sydney yang terdiri daripada 423 unit pangsapuri kediaman pula telah mencatat jualan sebanyak 64% pada akhir tahun 2016 dan pembinaannya dijangka siap pada bulan November 2018.

**TH** actively participates in the property development and construction sector through the involvement in wholly-owned subsidiary, TH Properties Sdn Bhd (TH Properties Group). TH Properties Group activities continue to be robust despite the relatively dim economic situation and property market outlook.

### Property Development

#### Domestic

In Bandar Enstek, Negeri Sembilan, Techpark@enstek continues to attract investors looking to set up businesses and industrial premises. In 2016, two more companies, namely Peresscol Sdn Bhd and Mighty Bakery Sdn Bhd, joined the current 32 companies which have already purchased land in the industrial area. Coca-Cola Malaysia acquired a 10-acre parcel of land adjacent to its existing plant for a RM500 million expansion plan, which will involve the development of a state-of-the-art warehouse. In August 2016, the Institute of Leadership & Development, the training centre for Universiti Teknologi Mara staff, was officially opened in Bandar Enstek.

In Warisan Puteri 2, Seremban, TH Properties Group launched the Sutera double-storey terrace houses in May 2016, and more than 50% of its units have been sold as at 31 December 2016. Warisan Puteri 2, a mixed development spanning 105.5 acres, is the final phase of the matured Bandar Warisan Puteri. It will house 1,105 freehold residential and commercial units.

#### Overseas

The Group's overseas projects in Australia through joint ventures with a local developer, Piety Group, continue to chart promising growth and backed by a healthy demand. The Imperial, Hurstville in Sydney, that began construction in October 2015 is now 97% been sold. This construction of 227 units of service apartments and commercial units on a 0.75 acre-land is expected to be completed in March 2018. Meanwhile, the first phase of One The Waterfront in Sydney, comprising 423 residential apartment units, recorded 64% sales at the end of 2016 and the construction is expected to be completed in November 2018.



Hundred East, Bandar Enstek

## Pembinaan dan Pengurusan Projek

Perkembangan pembinaan projek TH Hotel & Pusat Konvensyen berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memperlihatkan kemajuan yang baik di mana ianya telah 62% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada 31 Januari 2018. Kompleks yang akan menawarkan kemudahan hotel berkelas tinggi dengan 333 bilik penginapan, dewan bankuet untuk 1,500 orang dan 11 bilik seminar ini bakal menggantikan hab operasi haji di Kompleks **TH** Kelana Jaya.

Kumpulan TH Properties telah berjaya menyiapkan Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya pada 17 Ogos 2016. Rekabentuk bertaraf anugerah yang merupakan mercu tanda baharu di pusat pentadbiran negara ini menempatkan beberapa agensi hal-ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kompleks ini juga menyediakan auditorium yang mempunyai 880 tempat duduk dan studio penyiaran televisyen.

Kumpulan TH Properties juga membantu dalam pengawasan dan pengurusan pembinaan projek-projek **TH**. TH Hotel & Pusat Konvensyen Kuching, Sarawak yang bakal menyediakan 237 bilik hotel, dewan konvensyen untuk 1,090 orang dan 9 bilik persidangan dijangka siap sepenuhnya pada bulan April 2018. Manakala projek Mydin Hypermarket di Kuching pula dijangka siap pada 15 September 2017.



Imperial, Hurstville Sydney

## Construction and Project Management

The construction of the TH Hotel & Convention Centre near the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) is showing good progress, with 62% completion and is expected to be fully completed on 31 January 2018. The complex offers the facilities of an upscale hotel with 333 hotel rooms, a banquet hall to accommodate 1,500 persons and 11 seminar rooms. The complex will eventually replace the haji operation hub at Kompleks **TH** Kelana Jaya.

TH Properties Group successfully completed the Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya on 17 August 2016. With an award-winning design, this new landmark in the nation's administrative capital houses various religious agencies under the Prime Minister's Department. The complex also includes an 880-seat auditorium and television broadcasting studios.

TH Properties Group also assisted in the monitoring and management of construction of several **TH** projects. The TH Hotel & Convention Centre Kuching, Sarawak, which will offer a 237-room hotel, a convention hall accommodating 1,090 persons and 9 meeting rooms, is scheduled for completion in April 2018. The Mydin Hypermarket project in Kuching, Sarawak is expected to be ready on 15 September 2017.



Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya

## Pengurusan Fasiliti

Setakat 31 Disember 2016, jumlah keseluruhan keluasan kawasan selenggaraan di bawah Kumpulan TH Properties adalah 4.5 juta kaki persegi. Portfolio bangunan dalam penyeliaan juga telah meningkat dengan penambahan servis perkemasan di ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad bermula pada bulan Ogos 2016.

Pada 11 Oktober 2016, Kumpulan TH Properties telah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Pengurusan Fasiliti Terbaik (Kategori Bangunan) 2016 bersempena Hari Inovasi JKR Malaysia 2016.

## Projek-Projek Masa Depan

Kumpulan TH Properties akan melancarkan Sofea Residensi, projek pembangunan melibatkan 248 unit pangsapuri di Kota Bharu, Kelantan pada bulan Ogos 2017. Projek ini akan menawarkan unit studio, satu hingga tiga unit bilik tidur selain emper dengan keluasan daripada 517 kaki persegi hingga 2,812 kaki persegi. Terdapat juga 21 lot ruang perniagaan runcit untuk disewa dengan laluan yang luas di antaranya untuk mempermudah perniagaan berbentuk kiosk. Projek-projek lain dalam perancangan termasuklah pelancaran fasa-fasa perumahan baharu di Bandar Enstek dan Warisan Puteri serta pembangunan projek-projek kondominium di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.



TH Hotel & Convention Centre KLIA

## Facilities Management

As at 31 December 2016, total net lettable area under the maintenance of TH Properties Group was 4.5 million sq. ft. The portfolio of buildings managed has also increased with the addition of housekeeping services at the headquarters of Tenaga Nasional Berhad, commencing in August 2016.

On 11 October 2016, TH Properties Group received the Best Facility Management Award (Building Category) 2016 at the Hari Inovasi JKR Malaysia 2016.

## Future Projects

TH Properties Group will be launching Sofea Residensi, a 248-unit apartments project in Kota Bharu, Kelantan in August 2017. The project comprise of studios, one until three-bedroom units as well as penthouses with built-up areas ranging from 517 sq. ft. to 2,812 sq. ft. There are also 21 retail lots for rent with wide passageways facilitating kiosk-type retail businesses. Other projects in the pipeline include the launching of several new residential phases in Bandar Enstek and Warisan Puteri as well as the development of condominium projects in Kuala Lumpur and Penang.



Centrica Global Headquarters, United Kingdom

### Lain-Lain Pelaburan Hartanah

Selain melalui Kumpulan TH Properties, pelaburan hartanah di luar negara dilaksanakan melalui dua syarikat diperbadankan di Jersey, Channel Islands iaitu LTH Property Holdings Limited dan LTH Property Holdings 2 Limited serta di Australia melalui LTH Property Investment (L) Inc. Pada tahun 2016, **TH** telah membeli bangunan Centrica Global Headquarters yang terletak di Royal Windsor, United Kingdom.

**TH** telah menambah satu lagi pelaburan hartanah di Arab Saudi iaitu Hotel Rawdat Al-Bait di Makkah, menjadikan keseluruhan sebanyak enam hartanah dipajak oleh **TH** di Tanah Suci untuk kegunaan Jemaah Haji Malaysia. Ini menjadikan pelaburan hartanah di bawah pegangan **TH** mencatatkan pendapatan sebanyak RM399.62 juta, meningkat sebanyak 6.4% berbanding RM375.74 pada tahun 2015. Portfolio hartanah di bawah **TH** juga telah meningkat kepada RM6.53 bilion berbanding RM6.11 bilion pada tahun 2015, peningkatan sebanyak 6.9%.



Hotel Al-Haram, Madinah

### Other Investment Properties

Apart from TH Properties Group, investment properties overseas were undertaken through LTH Property Holdings Limited and LTH Property Holdings 2 Limited, two companies that was incorporated in Jersey, Channel Islands and also by LTH Property Investment (L) Inc in Australia. In year 2016, **TH** purchased Centrica Global Headquarters building located in Royal Windsor, United Kingdom.

**TH** added one more investment property in Saudi Arabia, the Rawdat Al-Bait Hotel in Makkah, making it a total of six leasehold properties held by **TH** in the Holy Land for Malaysian Hajj Pilgrims. Hence making investment properties under **TH** generating income amounting to RM399.62 million, increase by 6.4% as against RM375.74 in year 2015. Property portfolio direct under **TH** had also increased to RM6.53 billion as compared to RM6.11 billion in 2015, a growth rate of 6.9%.

# SEKTOR PERKHIDMATAN LAIN

## Other Services Sector

### Hospitaliti

TH Hotel & Residence Sdn Bhd (THHR) adalah anak syarikat milik penuh **TH**, yang diamanahkan untuk menerajui penglibatan Kumpulan dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan.

Kini, THHR menguruskan rangkaian lima hotel (TH Hotel) yang meliputi TH Hotel & Convention Centre Alor Setar, TH Hotel & Convention Centre Terengganu, TH Hotel Kota Kinabalu, TH Hotel Penang dan Kompleks Haji Kelana Jaya. THHR juga mengendalikan kafeteria yang dikenali sebagai Kafe Haji di Bangunan Tabung Haji, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Setelah lebih tiga tahun beroperasi, keupayaan TH Hotel menyediakan perkhidmatan yang berkualiti terbukti apabila ia diberikan penghargaan dan pengiktirafan oleh beberapa pihak seperti Booking.com, Universal Crescent Standard Centre (UCSC) dan Holiday Check.

TH Hotel komited kepada prinsip 3K yang meliputi Kemudahan, Keselesaan dan Keyakinan dalam menyediakan perkhidmatan perhotelan yang memuaskan kepada para pelanggannya. TH Hotel menyambut kedatangan para pelanggannya dengan layanan mesra dan mereka disediakan bilik yang luas dan selesa supaya pengalaman memuaskan itu akan menyebabkan TH Hotel sentiasa menjadi pilihan mereka. Di samping itu, TH Hotel juga menyediakan dewan bankuet, restoran, bilik mesyuarat dan beberapa perkhidmatan lain seperti penghantaran ke lapangan terbang, kemudahan tempat letak kereta, penghantaran makanan ke bilik, dobi, penyambut tetamu, perkhidmatan ulang-alik berjadual ke pusat bandar dan kemudahan bagi orang kurang upaya.

### Hospitality

TH Hotel & Residence Sdn Bhd (THHR), a wholly-owned subsidiary of **TH**, is entrusted to spearhead the Group's business in the hospitality and service industry.

Currently, THHR manages a network of five hotels (TH Hotels), consisting of TH Hotel & Convention Centre Alor Setar, TH Hotel & Convention Centre Terengganu, TH Hotel Kota Kinabalu, TH Hotel Penang and the Hajj Complex in Kelana Jaya. THHR also manages a cafeteria known as Hajj Cafe at Tabung Haji Building, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. After over three years in business, it has proven its capability in providing quality service when it was presented with awards and recognitions from various parties such as Booking.com, Universal Crescent Standard Centre (UCSC) and Holiday Check.

TH Hotels are committed to their 3Cs' principles namely, Convenience, Comfort and Confidence in providing pleasant hotel services to their customers. TH Hotels welcome their guests with warm hospitality where guests are accommodated in spacious and comfortable rooms in order to ensure that the satisfying experience will entice the guests to choose TH Hotels as their choice of hotel. In addition, TH Hotels also provide other services such as banquet halls, restaurants, meeting rooms and other services such as airport transfer, parking, in-room dining, laundry, reception, scheduled shuttle service to town centre and facilities for the disabled.






Bagi memperkukuh prestasi, pelbagai rancangan sedang diusahakan untuk menjadikan TH Hotel sebagai pusat sehenti untuk memenuhi keperluan pelanggan merangkumi jaringan komunikasi, pengurusan perjalanan, pusat jualan barangan tempatan serta pelbagai usaha lain.

Selaras dengan matlamat dan aspirasinya untuk menjadi duta negeri, TH Hotel akan memapar dan mempamerkan sejarah asal usul, barangan kraftangan, makanan tempatan dan identiti negeri berkenaan bagi mempelbagai dan mencipta kelainan pengalaman kepada pengunjung.

Bagi merealisasikan perancangan ini, THHR akan melaksanakan program Rakan Bestari bersama pihak-pihak yang berkaitan merangkumi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Muzium Negeri, Agensi Pelancongan, Agensi Kerajaan dan Korporat, Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS), masyarakat setempat serta agensi-agensi lain.



To strengthen its performance, multiple efforts are ongoing to make TH Hotels a one-stop centre to fulfill all of the customers' needs; which cover communication network, travel arrangements, local products sale centres and many other programmes.

In line with its objective and aspiration to become the state ambassador, TH Hotels portray and display the origin history, handicraft products, local foodstuff and the identities of the related states at a special section to provide a special and unique visual experience for its customers.

To realise this plan, THHR will execute the 'Rakan Bestari' programme with related parties such as the the Ministry of Tourism and Culture Malaysia, State Museums, Tourism Agencies, Government and Private Agencies, Small and Medium Industries (SMI) operators, local communities and other agencies.



## Industri Makanan Halal

TH Global Services Sdn Bhd (THGS) merupakan anak syarikat THHR yang mengendalikan perkhidmatan catering untuk jemaah haji Muassasah Malaysia di Tanah Suci.

THGS bertanggungjawab menyediakan makanan yang bersih serta berkhasiat kepada jemaah haji pada setiap musim haji. Anak syarikat ini juga merupakan syarikat Malaysia pertama merintis kolaborasi dengan syarikat catering di Arab Saudi. Dengan pengalaman selama 18 tahun dalam operasi catering haji, THGS telah membuktikan keupayaannya menyediakan sebanyak lebih 1.5 juta sajian pada Musim Haji 1437H.

Kini THGS sedang mengatur hubungan kerjasama dengan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memasarkan produk halal Malaysia berasaskan teknologi dan makanan ke pasaran Arab Saudi dan Timur Tengah. Di samping itu, THGS juga sedang merancang untuk mewujudkan dapur berpusat (centralised kitchen), di Arab Saudi untuk pasaran musim haji dan umrah.



## Halal Food Industry

TH Global Services Sdn Bhd (THGS) is a subsidiary of THHR which operates catering services for Malaysian Muassasah Pilgrims in the Holy Land.

THGS is responsible in providing clean and nutritious food to pilgrims during hajj seasons. The subsidiary is the first Malaysian company to pioneer a collaboration with a catering company in the Kingdom of Saudi Arabia. With 18 years of experience in catering operations, THGS had proven its capability in providing more than 1.5 million meals during the 1437H Hajj Season.

THGS is currently planning to collaborate with the Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) and the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to market Malaysian halal products based on technology and food to the markets of Saudi Arabia and the Middle East. THGS is also planning to set up a centralised kitchen in Saudi Arabia for hajj and umrah market.



## Perkhidmatan Perjalanan Dan Pelancongan

Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd (THTS), anak syarikat THHR ditubuhkan pada tahun 1972 untuk mengendali dan mengurus perkhidmatan haji dan umrah bagi jemaah dari Malaysia. Kini THTS telah berjaya mencipta nama sebagai salah sebuah penyedia perkhidmatan perjalanan ke Tanah Suci terkemuka di dunia kerana kemampuannya menyediakan pakej yang memberi pengalaman kerohanian kepada kembara Islam.

Beroperasi dari ibu pejabatnya di Menara **TH** Selborn, THTS mempunyai sebuah pejabat di Jeddah, tujuh pejabat wilayah dan enam pejabat cawangan di seluruh Malaysia.

Berbekalkan pengalaman lebih 40 tahun dalam menguruskan perjalanan pakej haji dan pakej umrah, THTS memahami kehendak para Jemaah dengan menyediakan pakej-pakej yang sesuai mengikut keperluan dan kemampuan pelbagai golongan. Di samping itu, THTS juga menawarkan pakej-pakej pelancongan di dalam dan luar negara berasaskan gaya hidup Muslim dan telah mendapat pengiktirafan sebagai salah sebuah penyedia pakej perjalanan Islam bertaraf antarabangsa yang terulung.

## Travel And Tourism Services

Established in 1972, Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd (THTS) is a subsidiary of THHR which organises and manages Hajj and Umrah services for Malaysian pilgrims, THTS has successfully carved its reputation as one of the world's leading travel service providers to the Holy Land spiritually inspiring experience packages to Muslim travellers.

Operating from its head office at Menara **TH** Selborn, THTS has an office operating in Jeddah, seven regional offices and six branch offices nationwide.

With more than 40 years of experience in managing hajj and umrah packages, THTS understands the needs of the prospective pilgrims by providing them with reasonable and affordable packages depending on their requirements and budget. In addition, THTS also offers domestic and international Muslim tour packages which has earned it recognition as one of the leading international standard Islamic travel service providers.

## Teknologi Maklumat

Penglibatan **TH** dalam sektor teknologi maklumat adalah melalui anak syarikat, Theta Edge Berhad (Theta Edge). Theta Edge adalah antara syarikat tempatan terawal menerokai bidang penyediaan perkhidmatan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT). Sebagai sebuah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia di bawah sektor teknologi, Theta Edge berjaya mengukir reputasi dalam perkhidmatan penyepaduan sistem (SI), perkhidmatan kejuruteraan telekomunikasi & kerja-kerja sivil, penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan konsultan tenaga hijau & sistem bersepadu. Theta Edge mempunyai pengalaman lebih 30 tahun di dalam sektor ICT.

Pada tahun 2016, projek mega yang dianugerahkan kepada Theta Edge di dalam bidang SI adalah penyediaan perkakasan, perisian, latihan dan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan untuk 11 Negeri (1SPEKS) untuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Theta Edge telah berjaya menyiapkan projek perintis 1SPEKS berserta dengan semua modul yang lengkap untuk JANM yang telah beroperasi sepenuhnya di Johor dan akan dilancarkan secara berperingkat di negeri-negeri yang lain.

Theta Edge juga telah berkembang secara aktif pada tahun 2016 di dalam segmen perkhidmatan kejuruteraan telekomunikasi & kerja-kerja sivil. Di antara kontrak-kontrak yang telah disempurna dan diserahkan adalah seperti berikut:-

- Sepuluh buah menara telekomunikasi di Sabah untuk Suruhanjaya Multimedia & Komunikasi;
- Penukaran rangkaian kabel gentian Celcom Lambda;
- Kerja mekanikal dan elektrik, pemasangan telekomunikasi, pemeriksaan tapak secara teknikal, penyambungtaratan dan pengentalan gentian untuk Huawei TM; dan
- Kerja operasi dan penyelenggaraan untuk TM Orange ZTE.

Theta Edge juga membangun dan menjalankan penyelidikan teknologi dan aplikasi untuk Pengurusan Haji.

Theta Edge terus komited untuk meluaskan penglibatannya di dalam segmen penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan konsultan tenaga hijau memandangkan kedua-dua bidang ini sedang mengalami pertumbuhan dinamik, selari dengan pembangunan negara yang mampan.

## Information Technology

**TH** participation in information technology sector is through our subsidiary, Theta Edge Berhad (Theta Edge). Theta Edge is one of Malaysia's pioneer Information Communication Technology (ICT) Service Providers. Listed on the Main Board of Bursa Malaysia under the technology sector, the company has successfully carved its reputation for systems integration services (SI), telecommunication engineering services & civil works, telecommunication service provider and green energy consultation & system integration. Theta Edge has been in ICT business for more than 30 years.

Theta Edge major SI works in the year 2016 was the provision of hardware, software, training and implementation for The Accruals Accounting System for 11 State Treasuries (1SPEKS) for Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Theta Edge has successfully delivered the 1SPEKS pilot project with all modules for JANM that went live in Johor and it will progressively roll out to other states.

Theta Edge telecommunication engineering services and civil works grow dynamically in 2016. Theta Edge has completed and handed over the following contracts:-

- Ten telecommunication towers in Sabah for Malaysian Communications and Multimedia Commission;
- Network fiberisation for Celcom Lambda;
- Mechanical and electrical, telecom installation, technical site survey, fiber intertie and hardening for Huawei TM; and
- Operation and maintenance for TM Orange ZTE.

Theta Edge is also doing research and development of technologies and applications for Hajj Management.

Theta Edge is committed to expand its venture into the telecommunication service provider and green energy segments as these two areas are experiencing a dynamic growth trend in line with nation's sustainable development.



## Perkhidmatan Sokongan Marin

**TH** menceburi industri sokongan marin melalui anak syarikat, TH Marine Sdn Bhd (TH Marine).

Perniagaan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) melalui proses pengukuhan pada tahun 2016 berikutan keadaan pasaran yang sangat mencabar akibat kejatuhan harga minyak dunia.

Penambahbaikan operasi dan pengoptimuman sumber yang dilaksanakan secara berterusan telah membolehkan TH Marine melepasi tempoh yang mencabar ini.

TH Marine juga telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan aset-asetnya sentiasa berada dalam keadaan baik untuk merebut peluang membida kontrak masa depan kerana industri ini telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada suku terakhir 2016.

## Marine Support Services

**TH** involvement in marine support industry is through a wholly-owned subsidiary, TH Marine Sdn Bhd (TH Marine).

The Offshore Support Vessels (OSV) business went through a consolidation process in 2016 in the face of highly challenging market conditions as a result of the downtrend in the global oil price.

TH Marine managed to weather the challenging period through continuous operational improvement efforts and optimisation of resources.

TH Marine is also taking proactive steps to ensure that the assets are in good condition in order to seize the opportunity to bid for future contracts as the industry is beginning to show signs of recovery in the last quarter of 2016.

## Prospek Masa Depan Cerah

Beberapa faktor positif seperti langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengekang kejatuhan berterusan nilai Ringgit dengan mensyaratkan pengeksport menukar pendapatan eksport mereka kepada Ringgit berbanding matawang asing dan mengurangkan rizab berkanun bagi meningkatkan kecairan di pasaran, persetujuan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak yang bertujuan menstabilkan harganya, langkah-langkah kerajaan dalam menjana minat pelabur asing untuk datang melabur dan kenaikan harga minyak sawit mentah merupakan beberapa petunjuk yang membuktikan persekitaran operasi dijangka akan melalui proses pemulihan secara berperingkat pada tahun 2017.

Tahun 2017 juga menjanjikan peluang yang lebih cerah kepada organisasi dan anggota **TH** kerana kami akan terus memanfaatkan keteguhan sedia ada serta menangani kekurangan yang wujud bagi menghadapi sebarang kemungkinan pada masa depan. **TH** telah mengenal pasti tiga bidang utama sebagai sebahagian daripada inisiatif transformasi bagi melonjak **TH** ke fasa pertumbuhan berikutnya, iaitu dengan:

- Mempelbagai dan memperkukuh pelaburan strategik **TH**;
- Memantapkan pengurusan portfolio dan risiko; dan
- Menyelaras serta mengoptimum operasi dan kualiti perkhidmatan.

## Promising Future Prospects

Positive factors such as Bank Negara Malaysia's (BNM) measure to stem free fall of the Ringgit by stipulating exporters to convert their export income into Ringgit instead of in foreign currencies and the lowering of banks' mandatory statutory reserve to increase liquidity in the market, efforts by OPEC to cut oil output designed to stabilise its price, rapid inflow of measures taken by the government to attract foreign investor to come and invest and the uptrend in crude palm oil price are some credible indicators to show that our operating environment is expected to experience gradual recovery in 2017.

The year 2017 also promises to be exciting for the organisation and staff, as we will continue to leverage on our strengths and address any shortcomings to weather eventualities ahead. We have identified three key areas as part of our transformation initiatives to bring **TH** into the next phase of growth, namely:

- Diversifying and strengthening **TH**'s strategic investments;
- Strengthening the management of portfolio and risks; and
- Streamlining and optimising operations and service quality.





Bagi menggerakkan inisiatif transformasi ini, **TH** akan melabur untuk mendapatkan tenaga kerja berbakat yang berkelayakan dan berkualiti, mempunyai tahap kecekapan serta berkewibawaan tinggi yang akan diletakkan secara langsung di bawah Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Di samping itu, **TH** akan mengukuhkan lagi langkah pengurusan risikonya, menerima pakai tadbir urus korporat yang baik dan mematuhi amalan terbaik dalam perniagaan. Langkah ini akan menyediakan landasan sistem yang lebih cekap dan berdaya saing untuk menjana keputusan kewangan yang positif dan mampan.

InshaAllah, dengan kesungguhan serta sokongan daripada seluruh pihak berkepentingan, saya yakin **TH** berada di landasan yang tepat untuk berdepan dengan pelbagai cabaran menuju ke arah sempadan dan wilayah baru bagi memenuhi wawasan kami.



In order to drive these transformation initiatives, **TH** will invest in securing qualified talents of high calibre, competencies and integrity directly under the Group Managing Director and Chief Executive Officer's Office.

In addition, we will further strengthen our risk management measures, embrace good corporate governance and observe best practices in business, laying an efficient and reliable system platform to generate positive and sustainable financial results.

InshaAllah, with dedication and support from all stakeholders, I am confident that we are on the right path to take on the challenges into new borders and territories to fulfil our vision.

## Penghargaan

Kejayaan **TH** untuk kekal positif sepanjang tempoh mencabar dan penuh ujian ini tidak akan mampu dicapai tanpa sokongan, naungan dan bantuan berterusan daripada Kerajaan Malaysia. Justeru, saya bagi pihak Pengurusan **TH**, ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) atas sokongan padu yang telah diberikan.

Nasihat serta bimbingan daripada Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim juga telah membantu kami memupuk suasana optimistik dalam organisasi. Terima kasih saya ucapkan atas kekraban serta interaksi yang sedia wujud antara Pengurusan dan Lembaga Pengarah, di mana saya telah dilantik sebagai ahlinya pada tahun ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Arab Saudi dan Kedutaan DiRaja atas bantuan dan sumbangan tidak ternilai yang telah menjayakan Musim Haji 1437H lalu.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada mantan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Tan Sri Ismee Ismail atas kesungguhan serta ketekunan beliau yang telah memperkukuhkan asas **TH** untuk kesinambungan jangkamasa panjang yang akan kami teruskan dengan penuh kesungguhan. Saya juga amat berterima kasih atas kepercayaan serta bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh saya menjadi Timbalan beliau.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pendeposit dan pihak berkepentingan di atas sokongan dan kesetiaan yang diberikan bagi membolehkan **TH** terus mencatat keputusan positif. Sesungguhnya, kami terhutang budi kepada mereka kerana terus menunjukkan keyakinan terhadap **TH** walaupun dikritik secara negatif dan beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang lemah pada tahun ditinjau. Saya ingin memberi jaminan bahawa kepentingan mereka akan sentiasa diberi keutamaan dalam merangka strategi dan hala tuju masa depan **TH**.

## Appreciation

**TH's** success in staying positive during a trying and challenging period had not been possible without the continuous support, patronage and assistance from the Government of Malaysia. Hence, on behalf of **TH** Management, I would like to extend our appreciation to the Government under the able leadership of our Prime Minister, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun bin Abdul Razak as well as Minister in the Prime Minister's Department, YB Major General Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (R) for their affirmative support.

The inspiring advice and counsel from our Board Members chaired by YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim also had assisted us in instilling an optimistic atmosphere within the organisation. I am therefore, very thankful for the warm and beneficial interactions established between the Management and our Board Members where I was appointed as a member during the year.

I would like to record my utmost appreciation to the Saudi Arabian Government and the Royal Embassy for their great assistance and contribution towards the success of 1437H Hajj Season.

My sincere gratitude also goes to former Group Managing Director and Chief Executive Officer, YBhg. Tan Sri Ismee Ismail for his dedication and tireless initiatives, paving a strong footing for **TH** to reap benefits from the long-term strategic plan which we will continue to pursue with enthusiasm. I am especially grateful for his trust and guidance while serving as his Deputy.

My appreciation also goes to all our valued depositors and stakeholders for their immeasurable support and loyalty which have enabled **TH** to continue registering positive results. We are indeed indebted for their optimism despite the negative criticisms and weak business environment which surrounded our operations during the year. I assure them that their best interests will continue to be given the priority in developing our strategies and direction for the future.





Akhir sekali, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan ucapan penghargaan setulus ikhlas kepada pihak Pengurusan dan anggota yang menjadi tulang belakang utama ketika saya mengetuai organisasi di sepanjang tempoh mencabar ini di atas ketekunan, kesungguhan dan kesetiaan tidak berbelah bahagi yang ditampilkannya.

Berlandaskan tahap komitmen tinggi yang ditampilkannya secara menyeluruh di organisasi, saya yakin perjalanan cemerlang **TH** akan berterusan. Oleh itu, marilah kita terus mengamalkan nilai-nilai terpuji dalam usaha membawa **TH** ke tahap yang lebih tinggi, dan kita akan mampu menjayakannya bersama-sama. InshaAllah.

Terima kasih.

Last but not least, to the Management and staff who had been my loyal and reliable backbone while steering the organisation during this trying period, I am pleased to record my sincere appreciation for their hard work, dedication and undivided loyalty.

I am confident of our continued successful journey, given the high level of commitment throughout the organisation. Let's continue practicing commendable values as we strive to bring **TH** to greater heights, and together, we can make it happen, InshaAllah.

Thank you.

**Datuk Seri Johan Abdullah**

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif |  
Group Managing Director and Chief Executive Officer

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## Corporate Social Responsibility

Pada tahun 2016, **TH** terus komited melaksanakan program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi mendekati dan membantu para pemegang berkepentingan di seluruh negara. Ia juga selaras dengan misi **TH** untuk memperkasa ekonomi ummah dengan cara berkongsi kejayaan yang diperolehi bersama-sama.

Pada tahun ini juga, titik tolak penting dalam sejarah perjalanan program CSR **TH** berlaku apabila Yayasan **TH** ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR yang lebih terancang dan tadbir urus dana yang lebih sistematik.

Yayasan **TH** telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 26 Julai 2016 di TH Hotel Kelana Jaya, Selangor.

Aktiviti-aktiviti CSR **TH** sepanjang tahun 2016 menerapkan empat teras utama CSR iaitu Pasaran, Komuniti, Tempat Kerja dan Alam Sekitar

### Pasaran

#### Tanggungian Haji

Tanggungian haji merupakan inisiatif CSR terbesar dan terpenting yang dilaksanakan oleh **TH**. Ia amat bertepatan dengan misi **TH** untuk memudahkan urusan jemaah haji negara memperoleh haji yang mabrur.

Pada tahun 2016, kos haji meningkat kepada RM18,890 bagi setiap jemaah berbanding RM17,270 pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan kos pengangkutan dan penginapan di Tanah Suci serta kos-kos lain yang semakin meningkat setiap tahun. Namun demikian, **TH** masih mengekalkan harga bayaran haji pada RM9,980 bagi setiap jemaah dengan tanggungan sebanyak RM8,910 seorang.

Tahun   Year	Kos Haji (RM)   Haji Cost (RM)	Tanggungian Haji (RM)   Haji Subsidies (RM)	Jumlah Tanggungan (RM)   Total Subsidy (RM)
1437H/2016M	18,890	8,910	160 Juta   Million
1436H/2015M	17,270	7,290	126 Juta   Million

Secara keseluruhan, **TH** telah menanggung subsidi sebanyak RM160 juta pada Musim Haji 1437H. Kos ini meliputi kos Operasi Haji di Tanah Air dan Tanah Suci.

**TH** continued with commitment to implement Corporate Social Responsibility (CSR) programmes in 2016 to reach out and extend assistance to stakeholders nationwide. This is in line with **TH** mission to empower the economic well-being of the ummah by sharing success together.

In this year, Yayasan **TH** was incorporated as an another important milestone in the history of **TH** CSR programmes, to ensure that CSR activities are properly planned and its funds are systematically governed.

Yayasan **TH** was officially launched by the Prime Minister, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak on 26 July 2016 at TH Hotel in Kelana Jaya, Selangor.

**TH** CSR activities during 2016 adopted four CSR pillars namely Marketplace, Community, Workplace and Environment.

### Marketplace

#### Haji Subsidy

Haji subsidy is the biggest and most important CSR initiative implemented by **TH**. This is in line with **TH** mission to facilitate the nation's haji pilgrims in obtaining mabrur haji.

In 2016, haji costs increased to RM18,890 for each pilgrim compared to RM17,270 in 2015. The rise was attributed to the escalation of transportation and accommodation costs in the Holy Land and the rising of other miscellaneous costs annually. Despite that, **TH** maintained the haji fees at RM9,980 for each pilgrim by subsidising the remaining of RM8,910 for each pilgrim.

Overall, **TH** subsidised RM160 million in haji cost for 1437H Hajj Season. This included haji operations costs in the domestic as well as in the Holy Land.



Selain tanggungan haji, **TH** juga memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan untuk kursus-kursus haji dan perkhidmatan-perkhidmatan nilai tambah lain secara percuma seperti petugas haji, khidmat kewangan, khidmat kesihatan dan sebagainya untuk kemudahan jemaah.

### Hibah Pendeposit 2016

**TH** membuat pengagihan Hibah Pendeposit 2016 pada kadar 4.25% dan tambahan Hibah Haji sebanyak 1.50% kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan fardhu haji. Pembayaran Hibah Haji yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013 adalah untuk membantu para pendeposit meningkatkan jumlah simpanan mereka agar dapat segera menunaikan haji apabila tiba giliran nanti.

Hibah **TH** telah mengambil kira pembayaran zakat sebanyak 2.5% di mana para pendeposit tidak perlu lagi mengeluarkan zakat ke atas simpanan atau bimbang tentang status halal simpanan mereka di **TH**.

### Dana Bumiputera Al-Ansar **TH**

Sebagai sebuah organisasi prihatin dan selaras dengan Agenda Pemerksaan Bumiputera, **TH** meneruskan usaha meningkatkan kemahirandan kepakaran usahawan Bumiputera dalam menjalankan bisnes serta pelaburan supaya mampu menjana keuntungan yang memanfaatkan semua.



Besides haji subsidy, **TH** allocated a significant amount of budget for haji courses and other free value-added services such as hajj personnel, financial services, health service and other services for the convenience of the pilgrims.

### Depositors Hibah 2016

**TH** distributed the 2016 Depositors Hibah at the rate of 4.25% and an additional Hajj Hibah of 1.50% to depositors who have yet to perform their hajj. Hajj Hibah payment was first introduced in 2013 to assist depositors suffice their savings so that they can perform their hajj when their time arrives.

Since **TH** Hibah payment is made after taking into account zakat payment of 2.5%, depositors do not have to pay zakat on their savings or worry about the halal status of their savings with **TH**.

### **TH** Al-Ansar Bumiputera Fund

As a caring organisation and in tandem with the Bumiputera Empowerment Agenda, **TH** continued to enhance Bumiputera entrepreneurs' skills and expertise in conducting their businesses and investments so as to be able to generate profits which will benefit many.

Pada tahun 2016, **TH** mengukuhkan langkah bagi membangunkan perniagaan Bumiputera melalui usaha-usaha berikut:

- Pemberian Lesen Pengelola Jemaah Haji kepada Agensi Pelancongan Bumiputera Muslim bagi mengendalikan jemaah haji swasta. Sebanyak 16 lesen telah dikeluarkan bagi tahun 2016;
- Melalui aktiviti pelaburan di syarikat-syarikat Bumiputera yang berpotensi serta membangunkan usahawan melalui Dana Al-Ansar;
- Melupakan pelaburan semasa kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berpotensi;
- **TH** juga telah melaksanakan aktiviti bagi memperkuat jaringan rantaian pembekalan; dan
- Membangunkan jaringan rangkaian syarikat penerima pelaburan dan menggalakkan kerjasama bersinergi sesama mereka.

Pada bulan Ogos 2016, **TH** telah menandatangani memorandum persefahaman dengan empat usahawan Bumiputera bagi membantu mempertingkatkan pembangunan perniagaan mereka supaya lebih berdaya saing dan berdaya maju.

Keempat-empat syarikat yang terlibat dalam pelbagai industri ini telah menunjukkan kerjasama dan tahap komitmen yang tinggi dalam program pembangunan perniagaan anjuran **TH**.

### Program Sahabat Korporat

Program Sahabat Korporat merupakan program CSR yang telah dimulakan sejak tahun 1980-an lagi.

ia merupakan platform untuk membantu, memudah dan meringankan beban Jemaah Haji Malaysia semasa membuat persediaan kelengkapan barangan keperluan untuk dibawa ke Tanah Suci.

Pada tahun 2016, sebanyak 34 institusi menjayakan program ini dengan sumbangan keseluruhan berjumlah RM7.57 juta.

Seperti tahun-tahun terdahulu, antara barangan sumbangan yang telah diagihkan kepada Jemaah Haji Muassasah ialah beg beroda, beg selempang, sejadah dan multivitamin.

In 2016, **TH** strengthened measures to develop Bumiputera business via the following initiatives:

- Granted Hajj Pilgrim Operation License to Muslim Bumiputera Travel Agencies to conduct operation of private hajj pilgrims. A total of 16 licenses were issued for 2016;
- Through investment in potential Bumiputera companies and develop potential entrepreneur through Al-Ansar Fund;
- Disposal of current investment to potential Bumiputera companies;
- **TH** implemented activities to strengthen supply-chain network; and
- Developed network of investment recipient companies and encouraged synergistic collaborations among them.

In August 2016, a memorandum of understanding was signed by **TH** with four Bumiputera entrepreneurs to help enhance their business development so that they can be more competitive and viable.

These four companies which are involved in diversified industries have displayed cooperation and high level of commitment in the business development programme organised by **TH**.

### Sahabat Korporat Programme

The Sahabat Korporat Programme is a CSR programme which was initiated since 1980s.

It is a platform to assist, facilitate and ease the burden of Malaysian Hajj Pilgrims while preparing for items to bring to the Holy Land.

In 2016, 34 institutions participated in the programme with total contributions amounting to RM7.57 million.

As previous years, amongst the items contributed and distributed to Muassasah Hajj Pilgrims were trolley bags, sling bags, prayer mats and multivitamins.



### Dana Tabung Warga Tua (Dana TWT)

Pada tahun 2016, Dana TWT telah meneruskan program membantu membiayai jemaah warga tua yang terpilih untuk menunaikan fardhu haji pada musim haji semasa tetapi mengalami kesulitan kewangan untuk membuat bayaran haji mereka. Seramai 43 orang warga tua telah terpilih dengan jumlah pembiayaan berjumlah RM323,000.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1999, Dana TWT ini telah membiayai seramai 673 orang warga tua berjumlah RM2.1 juta.

### Program Jemaah Haji Warga Emas (JHWE)

**TH** turut melaksanakan Program Jemaah Haji Warga Emas (JHWE) yang merupakan program khas ketika Operasi Masyair di Tanah Suci untuk jemaah haji yang terpilih. Antara kriteria pemilihan ialah jemaah haji yang berusia 70 tahun dan ke atas, tiada waris/pengikut, tiada penyakit berjangkit atau kritikal, nyanyuk, mudah lupa, gangguan fikiran dan emosi serta kurang pengetahuan tentang ibadat haji.

Jemaah di bawah program ini dibawa ke Arafah, Muzdalifah dan Mina dengan kenderaan khas dan ditempatkan di khemah khusus di bawah pengendalian petugas haji yang terlatih, di mana bantuan pengurusan diri dan bimbingan ibadah diberikan secara berkumpulan. Pada Musim Haji 1437H, seramai 60 orang jemaah telah terpilih menyertai program ini.



### Senior Citizen Fund (TWT Fund)

In 2016, the TWT Fund continued with its programme in assisting selected elderly pilgrims to perform haji during the current haji season but have financial difficulties to pay for their haji fees. Altogether in total, 43 senior pilgrims were selected with a total assistance of RM323,000.

Since its introduction in 1999, TWT Fund had helped financially 673 senior citizens amounting of RM2.1 million.

### Elderly Pilgrims Programme (JHWE)

**TH** has implemented the Elderly Pilgrims Programme (JHWE), a special programme for selected pilgrims held during Masyair Operations in the Holy Land. Selection criteria is made based on haji pilgrims who have reached 70 years and above, have no next-of-kin/chaperons, non-transmittable or critical disease, senility, amnesia, mental or emotional disturbance and have inadequate of knowledge about haji.

Pilgrims under this program were transported to Arafah, Muzdalifah and Mina with specially assigned vehicles and located at special tents under the supervision of well-trained personnel, where self-management assistance and haji guidance are given in groups. A total of 60 pilgrims were selected to participate in this programme during 1437H Hajj Season.



## Komuniti

### Kelab TaHa

Melalui Kelab TaHa, **TH** meneruskan pelbagai aktiviti bermanfaat kepada generasi muda sepanjang tahun 2016.

Lebih daripada 38 aktiviti melibatkan 20,000 pelajar telah dilaksanakan, antaranya Seminar Bimbingan Peperiksaan bersama Berita Harian, Kem Hebat Solat dan Pertandingan Bicara Berirama.

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, Kelab TaHa terus mendapat sambutan baik dengan jumlah keahlian terkumpul seramai 1.19 juta sehingga 31 Disember 2016.

### TaHa@U

TaHa@U ditubuhkan bertujuan untuk mendampingi golongan muda yang sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Pada tahun 2016, sebanyak 13 program telah dijalankan untuk ahli TaHa@U yang merangkumi aktiviti pembentukan sahsiah diri, rohani dan meningkatkan kemahiran berfikir secara analitikal.



## Community

### Kelab TaHa

Through Kelab TaHa, **TH** pursued various beneficial activities for the youths along year 2016.

More than 38 activities which involving 20,000 students were implemented, amongst are Examinations Guidance Seminars in collaboration with Berita Harian, Kem Hebat Solat and Choral Speaking Competition.

Similar to previous years, Kelab TaHa was well accepted with accumulated membership reaching 1.19 million members as at 31 December 2016.

### TaHa@U

TaHa@U was established with youngsters who are studying at Public and Private Higher Learning Institutions.

In 2016, 13 programmes were conducted for TaHa@U members which included character building, spiritual development and analytical thinking enhancement.



Program khidmat masyarakat turut dilaksanakan di setiap negeri untuk menyemai sikap prihatin serta penyayang bagi melahirkan mahasiswa yang berkeperibadian tinggi serta berakhlak mulia.

Bilangan ahli terkumpul TaHa@U seramai 737,200 pelajar pada akhir tahun 2016 membuktikan Taha@U mendapat sambutan menggalakkan sejak ditubuhkan pada bulan Mei 2010.

### Program Iqra'

Program Iqra' menasarkan para pelajar kurang berkemampuan yang cemerlang dalam pelajaran. Saban tahun, **TH** meneruskan projek ini dengan menyumbang barangan persekolahan dan duit poket berjumlah RM500 seorang.

Pada tahun 2016 **TH** telah menyumbang lebih dari RM2 juta kepada 4,000 pelajar asnaf terpilih daripada 178 sekolah di seluruh negara.

Dalam usaha ke arah pembentukan pelajar yang benar-benar cemerlang, **TH** turut melancarkan empat nilai teras yang dimasukkan ke dalam Program Iqra' pada tahun 2016 iaitu Mendidik Minda – menguasai ilmu; Membentuk Peribadi – penerapan nilai-nilai murni; Menggilap Potensi – mengenalpasti dan menyerlahkan bakat dan Mengukuh Jati Diri – menyemai kesedaran sivik dan tanggungjawab.



Community service programmes were also conducted in each state to instil caring and loving attitude so as to develop strong personality and behaviour amongst graduates.

The TaHa@U membership of 737,200 students as at end of 2016 indicates that it has attracted high number of students since its formation in May 2010.

### Iqra' Programme

Iqra' Programme is targeting underprivileged students who are excellent in their studies. Every year, **TH** contributes school items and pocket money amounting to RM500 each student.

In 2016 **TH** contributed more than RM2 million to 4,000 selected *asnaf* students from 178 schools nationwide.

In an effort towards developing exceptionally excellent students, **TH** launched four core values instilled in 2016 Iqra' Programmes, which include Mental Development – enriching knowledge; Personality Development – nurturing good values; Potentials Development – identifying and polishing talents and Identity Development – inculcating civic consciousness and responsibility.



### Program Mobiliti TH

Pada tahun 2016, **TH** melancarkan satu inisiatif CSR terbaharu iaitu Program Mobiliti. Melalui program ini, **TH** membuat agihan kenderaan dwi-fungsi yang boleh digunakan sebagai van penumpang atau van jenazah kepada masjid-masjid terpilih di seluruh negara.

Program **TH** Mobiliti ini diperkenalkan bagi membantu masjid-masjid terutama di mukim atau daerah yang daif dan terpencil bagi menjalankan tanggungjawab mereka dalam aspek fardhu kifayah untuk manfaat dan kemaslahatan kariah setempat seperti urusan pengebumian jenazah serta kemudahan pengangkutan kepada ahli kariah untuk menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan seperti kelas-kelas fardu ain dan sebagainya.

Dalam fasa pertama program ini, **TH** telah memilih 11 buah masjid dari tujuh negeri di Semenanjung Malaysia untuk menerima kenderaan dwi-fungsi tersebut. Pemilihan telah dilakukan sejak awal tahun mengikut kriteria yang ditetapkan, termasuk bilangan ahli kariah, perbelanjaan bulanan masjid, kekerapan penggunaan kenderaan dan kondisi kenderaan sedia ada.

### TH Mobility Programme

In 2016, **TH** launched new CSR programme called **TH** Mobility. Through this programme, **TH** distributed dual-function vehicles to selected mosques nationwide which can be utilised as passenger van or hearse.

**TH** Mobility programme was introduced to help impoverished mosques, especially those located in poor and isolated areas, to carry out their duties related to *fardhu kifayah* for the benefit and convenience of residents in those localities. These vehicles may be used as hearse to transport the deceased for burial as well as transportation for members of the kariah to conduct various religious activities such as *fardhu ain* classes and others.

In first phase of the programme, **TH** chose 11 mosques from seven states in Peninsular Malaysia to receive the dual-function vehicles. Selection was made early during the year, based on the prescribed criteria, including number of population within the *kariah*, mosque's monthly expenses, frequency of vehicle usage and condition of existing vehicle.

Tahun   Year	Zakat kepada Negeri (RM)   Zakat to State (RM)	Program Zakat CSR (RM)   CSR Zakat Programme (RM) (Ehsan/Baiti/Iqra/Mobiliti/Alfiat)	Derma (RM)   Donation (RM)
2016	52.75 Juta   Million	5.30 Juta   Million	551,331
2015	51.85 Juta   Million	8.73 Juta   Million	554,150



### Program Ehsan

Program Ehsan diteruskan pada tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM2.20 juta yang disumbangkan kepada lebih 4,400 golongan asnaf di seluruh Malaysia.

Program Ehsan yang dijalankan sebelum atau menjelang bulan Ramadhan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan asnaf fakir miskin, ibu/bapa tunggal, warga emas dan orang kelainan upaya sempena ketibaan bulan Ramadhan dan Syawal.

Program ini juga merupakan salah satu platform sesuai bagi **TH** mendekati dan mengeratkan lagi ikatan silaturrahim sesama umat Islam.

### Program Baiti

Program ini dibangunkan khusus untuk membantu golongan fakir miskin memiliki dan/atau membaik pulih rumah kediaman agar selamat dan selesa didiami. Pada masa yang sama, ia juga bertujuan membantu komuniti Islam setempat yang kurang mampu untuk membaiki, memulihara dan membina surau atau masjid.

Pada tahun 2016, **TH** meluluskan sebanyak RM2.13 juta untuk pembinaan 39 buah rumah baharu, sebuah masjid dan sebuah surau serta membaikpulihan empat buah rumah dan dua buah surau di tujuh negeri di Semenanjung Malaysia.



### Ehsan Programme

Ehsan Programme was created in 2016 with an allocation of RM2.20 million, which was contributed to more than 4,400 *asnaf* nationwide.

Ehsan Programme implemented prior or during the month of Ramadhan and designed to ease the burden of poor *asnaf*, single parents, senior citizens and the disabled in conjunction with the arrival of the months of Ramadhan and Shawal.

The programme is also one of the most suitable platforms for **TH** to reach out and foster *silaturrahim* amongst Muslims.

### Baiti Programme

This programme specially developed to help the poor to own and/or repair their homes for safe and comfortable living. At the same time, the programme also aims to assist needy local Muslim communities to repair, conserve and build their *surau* or mosques.

In 2016, **TH** approved a total of RM2.13 million for the construction of 39 new homes, a mosque and a surau and repaired four homes and two *surau* in seven states throughout Peninsular Malaysia.



### Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M)

Pada tahun 2016, program SL1M **TH** diteruskan dengan seramai 950 pelatih untuk menjalani latihan amali di **TH**.

Sejak menyertai program ini pada tahun 2011, **TH** telah melatih seramai 1,478 pelatih SL1M. Para pelatih SL1M **TH** diberikan pendedahan serta pengalaman kerja sebenar di jabatan-jabatan bersesuaian.

Sepanjang tempoh setahun latihan, para pelatih turut dilibatkan dengan Operasi Haji Tanah Air (OHTA) yang dijalankan di stesen-stesen berlepas seluruh negara semasa musim haji, selain program-program CSR lain yang membabitkan komuniti dan golongan yang memerlukan.

### Tempat Kerja

#### Kemudahan dan Kebajikan Anggota

Menyedari bahawa anggota adalah aset terpenting sesebuah organisasi, **TH** turut memastikan kebajikan anggota sentiasa dipelihara dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup mereka.

Antara manfaat yang disediakan untuk anggota termasuk tanggungan kos hospital, kos pembedahan ketika bersalin, tambahan cuti bersalin untuk anggota wanita, cuti isteri bersalin bagi anggota lelaki, cuti tahunan dan pelan ganjaran persaraan.

### 1Malaysia Training Scheme (SL1M)

In 2016, **TH** continued the SL1M programme with a total of 950 trainees to undergo practical training with **TH**.

Since its participation in 2011, **TH** had trained 1,478 SL1M trainees. **TH** SL1M trainees are exposed to real life working experience at suitable departments.

During the one year training, trainees are also engaged in the domestic Hajj Operations (OHTA) conducted at departure stations nationwide during hajj season besides in other CSR programmes involving communities and needy groups.

### Work Place

#### Benefits and Welfare of Staffs

Realising that staff are the most important assets of an organisation, **TH** always ensure that their welfare are protected so as to enhance their productivity and quality of life.

Amongst the benefits provided for staff include coverage for hospitalisation cost, the cost for surgery during labour, additional maternity leaves for female staff, paternity leaves for male staff, annual leaves and retirement plan.



Bagi memupuk budaya kerja yang kondusif dan menggembirakan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh **TH** bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara anggota, membantu menghilangkan tekanan kerja dan menambah kecerdasan diri seperti senamrobik, berjogging, kempen derma darah, karnival sukan, sambutan hari raya dan majlis makan malam anggota.

Selain itu, **TH** turut menghulur bantuan kepada anggota yang ditimpa bencana, bantuan peralatan khas kepada keluarga anggota yang bermasalah kesihatan dan menganjurkan program ziarah anggota/ ahli keluarga yang meninggal dunia atau menghadapi masalah kesihatan. Sumbangan kepada ahli keluarga anggota disampaikan melalui sumbangan bantuan banjir, sumbangan khairat kematian dan penyediaan khidmat kaunseling.

### Latihan dan Pembangunan Anggota

**TH** telah menyediakan pelbagai plan latihan dan pembangunan kerjaya dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan dan kecemerlangan anggota.

Skim Pengajian Tinggi **TH** merupakan salah satu plan latihan dan pembangunan anggota **TH** yang dilaksanakan melalui pembiayaan pelajaran, sebagai dorongan dan sokongan kepada anggota yang mahu meningkatkan pencapaian akademik mereka. Di samping itu, **TH** juga melaksanakan kursus-kursus yang bertepatan dengan keperluan Model Kompetensi **TH** dan melibatkan anggota di pelbagai peringkat.

To nurture a conducive and exciting work culture, **TH** implemented various programmes to foster closer relationship amongst staff, assist in reducing work pressure and enhance body fitness through aerobics, jogging, blood donation campaign, participation in sports carnival, hari raya celebration and annual dinner for staff.

In addition, **TH** provides assistance to staff befell with misfortune, offers special equipment for staff's family members with health problem, and organises visits to homes of deceased staff/their family members or those afflicted with health problems. The contributions are delivered in the form of flood relief, bereavement *khairat* contributions, and counselling services.

### Staff Training and Development

As an initiative to enhance staff efficiency and excellence, **TH** has provided a number of training and career development plans to achieve that objective.

**TH** Higher Education Scheme is one of the training and career development plans implemented through education funding as an encouragement and support for staff who intend to improve their academic achievements. In addition, **TH** also implemented courses in line with the requirements of **TH** Competencies Model and the scheme involves staff at all levels.



### Keselamatan dan Kesehatan Anggota

**TH** amat menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan bagi memastikan anggota dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dalam persekitaran yang positif dan kondusif.

Sepanjang tahun 2016, pelbagai program telah dilaksanakan termasuk latihan pengungsian bangunan, kursus bantuan kecemasan, ceramah serta kursus induksi keselamatan dan kesihatan untuk anggota baru, kempen derma darah, karnival sukan dan beberapa aktiviti keselamatan dan kesihatan lain.

Pada tahun 2016, **TH** telah mencapai pematuhan Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan (OSHMS MS1722:2011) dan menerima aduan sifar bagi kemalangan di tempat kerja sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016.

### Skim Biasiswa untuk Anak Anggota

Menyedari kepentingan pendidikan dan modal insan dalam memacu pembangunan **TH** dan negara, **TH** menyediakan Skim Biasiswa Tabung Haji (SBTH) untuk anak-anak anggota dan pesara **TH** yang cemerlang dalam bidang akademik untuk meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di dalam dan di luar negara.

Pada tahun 2016, **TH** telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta di bawah SBTH bagi mereka yang berkeelayakan.



### Staff Safety and Health

**TH** is concerned with the aspect of safety and health to ensure that staff is able to execute their responsibilities within a positive and conducive working environment.

Various programmes were implemented throughout 2016, including fire drill, first aid course, safety and health induction course and lecture for new staff, blood donation campaign, sports carnival and other safety and health activities.

In 2016, **TH** has achieved compliance to the Safety and Health Management System (OSHMS MS1722:2011) and received zero complaints for accident at workplace until the year ended 31 December 2016.

### Scholarship Scheme for Staff's Children

Realising the importance of education and human capital in driving **TH** and the nation's development, **TH** provides *Skim Biasiswa Tabung Haji (SBTH)* for staff and retirees' children who are academically excellent to pursue their higher studies within the country or abroad.

In 2016, **TH** allocated RM5 million under SBTH for qualified candidates.



## Alam Sekitar

### Program Penjimatan Tenaga Elektrik

Pada tahun 2016, **TH** telah memulakan projek penjimatan tenaga elektrik yang lebih meluas dengan melaksanakan pemasangan alat penjimatan di bangunan baharu dan bangunan sedia ada **TH**.

**TH** turut menyokong program Earth Hour 2016 dengan menutup kesemua 'non-essential lights' selama satu jam sebagai komitmen kepada kelestarian alam sekitar.

Selain itu, anggota juga digalakkan untuk menutup lampu yang tidak digunakan ketika waktu rehat atau selepas waktu bekerja.

**TH** sedang merancang untuk melaksanakan lebih banyak lagi program berkaitan alam sekitar seperti program kitar semula, bertujuan menjaga kestabilan eko-sistem demi kesejahteraan generasi akan datang.

## Environment

### Power Saving Programme


In 2016, **TH** initiated the power saving project in a bigger scale by implementing the installation of power saving gadgets at **TH** new and existing buildings.

**TH** also supports the Earth Hour 2016 programme by switching off non-essential lights for one hour as a commitment to the sustainability of the environment.

In addition, staff are encouraged to switch off any unutilised lights during breaks or after working hour.

**TH** is planning to implement more programmes related to the environment such as recycle programme, designed to preserve the stability of eco-system for the well-being of our future generations.

**TAKRIFAN SEMULA CABARAN**  
Redefining Challenges





# Memperkasa Masyarakat

Empowering Community

# KALENDAR PERISTIWA

## Calendar of Events

**JANUARI** • January

06

Majlis Graduasi SL1M  
**TH** Siri 5 dan Ramah  
Mesra SL1M **TH** Siri 6  
**TH** SL1M Series 5  
Graduation Ceremony  
and **TH** SL1M Series 6  
Ice Breaker Event



**FEBRUARI** • February

02

Lawatan oleh Pengurusan Parti  
Islam Se-Malaysia (PAS)  
Visit by Parti Islam Se-Malaysia  
(PAS) officials





FEBRUARI • February



02

Projek Baiti **TH** di Teluk Intan, Perak  
**TH** Baiti Project at Teluk Intan, Perak



03

Projek Baiti **TH** di Gerik, Perak  
**TH** Baiti Project at Gerik, Perak

FEBRUARI • February



04

Pengumuman Bonus Pendeposit  
**TH** 2015  
2015 **TH** Depositors' Bonus  
Announcement

20

Program Melestarikan  
Integriti **TH** Bersama  
Masyarakat Baling, Kedah  
"Melestarikan Integriti **TH**"  
programme with Baling  
Community in Kedah





FEBRUARI • February

23

Kempen Derma Darah dengan Kerjasama  
Pusat Darah Negara  
Blood Donation Campaign with the  
cooperation of the National Blood Centre



Lawatan oleh pelajar dari  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Selangor  
Visit from the students  
of Sultan Idris Shah  
PolyTechnic Selangor

29

MAC • March

07

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Johor 2015  
2015 **TH** Johor's Zakat Presentation Ceremony



09

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Sabah 2015  
2015 **TH** Sabah's Zakat Presentation Ceremony



24

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Negeri Sembilan 2015  
2015 **TH** Negeri Sembilan's Zakat Presentation Ceremony





MAC • March



25

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Melaka 2015  
2015 **TH** Melaka's Zakat Presentation  
Ceremony

28

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Pahang 2015  
2015 **TH** Pahang's Zakat Presentation  
Ceremony



MAC • March



Majlis Penyerahan Zakat **TH** Sarawak 2015  
2015 **TH** Sarawak's Zakat Presentation Ceremony



Majlis Penyerahan Zakat **TH** Selangor 2015  
2015 **TH** Selangor's Zakat Presentation Ceremony



Majlis Penyerahan Zakat **TH** Pulau Pinang 2015  
2015 **TH** Pulau Pinang's Zakat Presentation Ceremony



APRIL • April



03

Pertandingan Golf sempena Karnival Sukan **TH** 2016  
Golf Competition in conjunction with **TH** Sports Carnival 2016

04

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Perlis 2015  
2015 **TH** Perlis' Zakat Presentation Ceremony



APRIL • April

06

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Kedah dan  
Wilayah Persekutuan 2015  
2015 **TH** Kedah and Wilayah Persekutuan's  
Zakat Presentation Ceremony



08

Karnival Sukan **TH** 2016  
2016 **TH** Sports Carnival



13

Majlis Penyerahan Sijil  
Pengelola Jemaah Haji (PJH)  
1437H  
1437H Hajj Pilgrim Organiser  
(PJH) License Handover  
Ceremony





APRIL • April

LAPORAN TAHUNAN 2016 ANNUAL REPORT



13

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Terengganu 2015  
2015 **TH** Terengganu's Zakat Presentation Ceremony



16

Majlis Perasmian Pejabat Baru **TH** Pasir Gudang, Johor  
Opening Ceremony of New **TH** Office, Pasir Gudang, Johor

20

Lawatan dari Delegasi India  
Visit from Indian Delegates



APRIL • April



21

Lawatan dari Delegasi  
Jordan  
Visit from Jordan  
Delegates

21

Majlis Penyerahan  
Sumbangan **TH** di Malam  
Wartawan Anjuran Malaysian  
Press Institute  
**TH** Sponsorship Presentation  
at 'Malam Wartawan',  
organised by the Malaysian  
Press Institute





APRIL • April



30

Persidangan Pengarah **TH** Negeri dan Pengurus Cawangan & Konvensyen Inovasi **TH** 2016  
**TH** State Directors and Branch Managers Conference & 2016 **TH** Innovation Convention



27

Lawatan dari Delegasi Qatar  
Visit from Qatar Delegates

MEI • May



10

Penyerahan Sijil Audit oleh Ketua Audit Negara  
Presentation of the Audit Certificate by Auditor General



11

Majlis Pelancaran Program Pendidikan Kelab TaHa 2016 bersama Berita Harian  
The Launching of 2016 Kelab TaHa Education Programme with Berita Harian



MEI • May



15

Majlis Anugerah  
Kecemerlangan Kelab TaHa  
2015  
2015 Kelab TaHa  
Excellence Awards  
Ceremony

19

Majlis Perhimpunan Anggota  
Kali Pertama 2016 dan Majlis  
Perpisahan PUK/KPE  
First Staff Assembly 2016 and  
Farewell Ceremony for GMD/CEO



28

Program 'Bah Boling Kita'  
TH Bersama Media Sabah  
2016  
2016 TH 'Bah Boling Kita'  
programme with Sabah's  
Media



**JUN** • June

**06**

Majlis Penyerahan Hadiah Utama (Proton Exora) kepada Juara Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali Ke-59  
Grand Prize Presentation Ceremony (Proton Exora) to the 59th National Tilawah Al-Quran Champions



**11**

Program Ehsan **TH**, Wilayah Persekutuan  
**TH** Ehsan Programme, Wilayah Persekutuan



**15**

Program Ehsan **TH**, Negeri Selangor  
**TH** Ehsan Programme, Selangor



JUN • June



16

Majlis Pelancaran  
Perkhidmatan Bergerak **TH**  
Komuniti oleh Pengerusi **TH**,  
di Sg Besar, Selangor  
The Launching of **TH**  
Community Mobile Services  
by **TH** Chairman, in Sg  
Besar, Selangor

25

Program Ehsan **TH**, Negeri Perak  
**TH** Ehsan Programme, Perak



30

Majlis Penyerahan Zakat **TH** Perak 2015  
2015 **TH** Perak's Zakat Presentation Ceremony

JULAI • July

16

Majlis Pelancaran  
Perkhidmatan Bergerak  
**TH** Komuniti oleh YB  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri di Guar  
Chempedak, Kedah  
The Launching of **TH**  
Community Mobile  
Services by YB Minister  
in the Prime Minister's  
Department in Guar  
Chempedak, Kedah



21

Majlis Amanat PUK/KPE kepada Petugas Haji  
1437H/2016M  
'Amanat Ceremony' by **TH** GMD/CEO to the  
1437H/2016M Hajj Mission





JULAI • July



23

Kursus Perdana Haji 1437H, Negeri Perak  
1437H Hajj Prime Course, Perak

23

Kursus Perdana Haji 1437H, Negeri Pahang  
1437H Hajj Prime Course, Pahang



LAPORAN TAHUNAN 2016 ANNUAL REPORT

26

Majlis Pelancaran Yayasan **TH**, Penghargaan Sahabat Korporat dan Majlis Rumah Terbuka **TH** 2016  
